

Jilid 1
Bil. 54



Hari Jumaat
20hb Mac, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8621]

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN:


Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Y.B. Tuan Lim Kit Siang
[Ruangan 8733]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hakcipta [Ruangan 8737]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 8783]



MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SIT' ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tengah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL FOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K.
(Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P. P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S. B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat 20hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PUSAT LATIHAN BELIA,
DUSUN TUA

1. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan bilangan bukan Bumiputera dan Bumiputera yang mendaftar di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Kuala Terengganu dan Perak pada tahun 1985 serta menyatakan apakah dasar-dasar yang digunakan semasa memilih peserta-peserta ke program tersebut.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1985, kedudukan pelatih-pelatih yang mendaftar di pusat-pusat latihan belia adalah seperti berikut:

	<i>Bumi- putera</i>	<i>Bukan Bumi- putera</i>
Pusat Latihan Belia Dusun Tua	297	16
Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu	231	—
Institut Belia Usahawan, Ipoh, Perak	36	—

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengamalkan konsep terbuka dalam pemilihan pelatih-pelatih ke pusat-pusat latihan belia. Ini bermakna belia-belia dari semua kaum yang berkelayakan boleh membuat permohonan berdasarkan kepada syarat-syarat pemilihan yang ditentukan dari masa ke semasa. Antara asas-asas pemilihan peserta tersebut ialah:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) belum mempunyai pekerjaan;
- (iii) belum berkahwin;
- (iv) sihat tubuh badan;
- (v) had umur di antara 18-25 tahun.

Walau bagaimanapun, peserta-peserta yang dipilih untuk mengikuti latihan di Institut Belia Usahawan adalah berbeza dari syarat-syarat kemasukan ke pusat latihan belia, kerana kelayakan pertimbangan untuk memasuki pusat-pusat tersebut adalah ditumpukan kepada kumpulan sasaran iaitu belia lepasan Pusat Latihan Belia dan belia-belia yang telah mengikuti program latihan industri tempatan yang dianjurkan dari masa ke semasa.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Nampaknya penyertaan bagi bukan bumiputera begitu kurang di pusat-pusat latihan. Adakah Menteri yang berkenaan bercadang mengambil langkah-langkah untuk menarik pemuda-pemuda yang berada di kesatuan-kesatuan atau di badan-badan orang Cina di mana mereka

dapat menyertai program yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sentiasa menggalakkan permohonan dari semua kaum, tetapi bagi pusat latihan belia adalah didapati bahawa bilangan bukan bumiputera yang memohon amat berkurangan. Ini mungkin disebabkan bahawa pelatih-pelatih terpaksa mengikuti latihan ala ketenteraan sebelum mereka dapat memasuki latihan kemahiran sebenarnya.

BELANJA PERUBATAN KEPADA RAKYAT

2. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini sedar Kerajaan Negara Malaysia telah dianggap sebagai satu negara yang membelanja wang yang paling tinggi di dunia ini untuk perubatan kepada rakyat ataupun "Cost of medicines spent by the public sector per head of population is highest in the world", jika dibandingkan dengan lain-lain negara di seluruh dunia ini. Adakah siasatan dibuat oleh Kementerian di atas perkara ini dan jika ada, apakah hasil daripada siasatan itu. Jika tidak, bolehkah tindakan diambil secepat mungkin untuk mengawasi Kerajaan kita daripada penyelewengan yang boleh dilakukan dalam proses pembelian perubatan untuk sektor awam tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang disebutkan oleh Yang Berhormat dalam soalnya adalah tidak betul. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat mendapat maklumat tersebut itu.

Adalah ternyata bahawa bagi negara-negara yang memberi rawatan

perubatan yang terhad, kos ubat yang kecil itu yang dibahagikan kepada jumlah penduduknya akan menjadi nisbah yang kecil dan sebaliknya negara-negara yang dapat memberi perkhidmatan rawatan perubatan yang luas dan menyeluruh akan menunjuk nisbah yang tinggi apabila kos ubat dibahagikan kepada jumlah penduduk.

Dengan demikian, saya berpendapat adalah lebih tepat perbandingan dibuat atas nisbah kos ubat setiap pesakit dan bukannya kos ubat setiap penduduk. Untuk makluman Yang Berhormat mengikut perbelanjaan sebenar dalam tahun 1983, 1984 dan 1985 kos ubat setiap pesakit di hospital-hospital Kerajaan adalah \$2.50 untuk 1983, \$2.60 untuk 1984 dan \$3.00 untuk 1985.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, kos ubat yang dibiayai oleh Kementerian Kesihatan ialah hampir satu pertiga jika dibandingkan dengan harga pasaran biasa. Saya berharap Yang Berhormat bersetuju kos ini tidaklah boleh dianggap sebagai sangat tinggi.

Bagi maklumat Yang Berhormat juga, taraf perkhidmatan rawatan perubatan di Malaysia adalah salah satu daripada yang terbaik di antara negara-negara yang sedang membangun dan boleh dianggap bertaraf paling tinggi. Selainya taraf rawatan perkhidmatan perubatan yang paling tinggi ini adalah dikekalkan dengan kos yang rendah oleh sebab daya pengeluaran kakitangan kita adalah juga salah satu yang paling tinggi dalam negara-negara yang sedang membangun.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya asas soalan saya ialah satu kenyataan yang dikeluarkan dari *Business Times*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan *Business Times* telah diberi butir-butir seperti \$13

pada satu penduduk di seluruh negara kita. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di sini butir-butir seperti ini betul, tidak betul. Kalau tidak betul, sebab apa Kementerian berkenaan tidak mengambil tindakan ke atas *Business Times* apabila kenyataan dikeluarkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ditarik perhatian tentang laporan itu, tetapi apa yang kita harus ingat dalam perkara ini adalah soal ini berkaitan dengan kos ubat-ubatan dan kos per-kapita di kalangan populasi. Yang saya sebut itu ialah kos perubatan diasaskan dengan belanjawan yang dibuat oleh Kementerian melalui stor farmasi kita dan dikira sebagai nisbah dengan pesakit-pesakit yang kita kendalikan, maka kos yang saya beri itu adalah yang benar.

INTEGRASI WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

3. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan dan langkah yang diatur untuk meningkatkan integrasi wanita dalam pembangunan negara, bagaimana pula status penyertaan di sektor ekonomi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, segala rancangan dan langkah yang diatur untuk meningkatkan integrasi wanita dalam pembangunan negara dikendalikan oleh Kementerian atau Jabatan berkaitan mengikut bidang tanggungjawab masing-masing.

Urusetia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri, selaku Unit yang bertanggungjawab mengawasi kesan pelaksanaan sesuatu program atau projek untuk wanita, telah mewujudkan satu sistem pengesanan

yang dianggotai oleh 24 orang Pegawai Penyelaras daripada 24 Kementerian.

Menerusi sistem ini, Urusetia Hal Ehwal Wanita dapat memastikan bahawa segala kemudahan, rancangan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan, dinikmati oleh wanita. Selain dari itu, undang-undang yang sedia ada dan yang akan digubal, boleh diteliti untuk memastikan ianya memberi manfaat atau perlindungan sepenuhnya kepada wanita. Di samping itu, Urusetia Hal Ehwal Wanita juga akan memastikan agar apa juga kelemahan yang terdapat di dalam rancangan-rancangan Kerajaan dapat diperbaiki dan diatasi di peringkat awal.

Urusetia Hal Ehwal Wanita juga bertanggungjawab menggerakkan sumber-sumber tenaga wanita menerusi rangkaian Pertubuhan-pertubuhan Sukarela Wanita supaya khidmat mereka dapat digunakan sepenuhnya demi kepentingan wanita dan negara amnya. Untuk tujuan ini, pejabat ini sedang dalam proses membentuk sebuah Pusat Sumber yang antara lain akan mengandungi sistem data-base mengenai kegiatan-kegiatan 124 buah Pertubuhan Wanita Bukan Kerajaan dan 53 buah Pertubuhan Kerajaan.

Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk menyediakan pihak Kerajaan dengan maklumat kemaskini yang dapat membantu melicinkan perancangan strategi dan pelaksanaan serta penyelarasan program-program yang sesuai bagi wanita, mengikut keperluan semasa.

Di dalam sektor ekonomi, penyertaan wanita amat menggalakkan, mengikut bancian 1980, wanita merupakan satu pertiga dari jumlah keseluruhan tenaga kerja di negara ini (lebih kurang 42.2%). Dari jumlah ini wanita yang bekerja di peringkat pengurusan atasan adalah sebanyak 3% manakala 54% adalah sebagai pekerja.

Penglibatan wanita Malaysia amat memberansangkan di dalam 4 bidang utama iaitu pertanian sebanyak 47.6%, perindustrian sebanyak 15.7%, pengangkutan dan komunikasi sebanyak 20.4% dan pengurusan hotel dan restoran sebanyak 12.4%.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa membuka peluang kepada wanita untuk menceburkan diri dengan lebih aktif di dalam bidang ekonomi. Berbagai bantuan teknikal dan kewangan disediakan untuk wanita yang berminat dalam bidang keusahawanan. Di dalam bidang ini, wanita yang berkemampuan turut diberi peluang untuk mengadakan projek-projek usahasama dengan usahawan-usahawan luar negeri dan usahawan wanita juga akan digalakkan untuk melibatkan diri dalam rombongan-rombongan perdagangan yang dihantar ke luar negeri.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana jawapan yang begitu lengkap, detail serta panjang.

Apa yang saya kesan ialah penyertaan ataupun proses integrasi wanita dalam berbagai lapangan di negara ini diperkatakan daripada segi mereka itu wanita. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah perancangan untuk melibatkan wanita bukan kerana mereka wanita tetapi kerana kemampuan dan kebolehan mereka sebagai anggota masyarakat. Jika ada perancangan, apakah langkah-langkah?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai matlamat secara umum untuk mengintegrasikan wanita dalam pembangunan negara ke arah mempertingkatkan taraf dan mutu

kehidupan, membasmi kemiskinan, diskriminasi dan ketidakadilan dan mencapai kemajuan secara keseluruhan dan oleh itu kita menyedari hakikat salah satu ukurannya ialah kemampuan dan keupayaan dan menyedari tentang hakikat inilah maka pencapaian wanita setakat ini telah begitu menggalakkan dan kita mempunyai perancangan seperti mengadakan rancangan-rancangan latihan, menyediakan pusat-pusat bantuan dan menyediakan rancangan-rancangan memberi khidmat nasihat kepada wanita-wanita dalam bidang-bidang tertentu dengan tujuan untuk melengkapkan lagi diri mereka supaya mereka dapat terus membuktikan keupayaan dan kemampuan diri mereka.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati sekarang ini ramai wanita-wanita bertugas sebagai guru dan di setengah-setengah sekolah bilangan guru wanita lebih banyak daripada guru-guru lelaki. Akibatnya kegiatan-kegiatan di sekolah terjejas kerana guru-guru wanita tidak dapat menjalankan tugas-tugas kurikulum dan bersangkut dengannya tugas itu diberi selalunya kepada guru-guru lelaki. Jadi, bagaimanakah cara mengatasinya perkara ini?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang bersabit dengan soal-soal pelajaran ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Namun demikian oleh kerana perkara yang dibangkitkan iaitu jumlah bilangan guru-guru wanita semakin meningkat, itu disebabkan oleh kemampuan dan keupayaan wanita yang telah ditunjukkan itu adalah melebihi. Jadi tidak dapatlah kita elakkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat pertanyaan, saya ingin menambahkan 3 perkataan supaya dapat menjelaskan soalan ini. Selepas "tender terbuka" ditambah "dalam pemberian sub-kontrak".

KONTRAK LEBUHRAYA KEPADA UNITED ENGINEERS

4. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kerjaya menyatakan apakah kriteria yang disyaratkan bagi United Engineers dengan jayanya diberikan kontrak lebuhraya \$2 billion dan adakah Kerajaan sedar bahawa United Engineers tidak mempunyai pengalaman dalam apa jua cara membina lebuhraya dan juga tidak ada tender terbuka dalam pemberian sub-kontrak.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria yang disyaratkan kepada syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian di peringkat tawaran projek penswastan di Lebuhraya Utara-Selatan adalah seperti yang telah diiklankan oleh Kementerian Kerjaya di akhbar-akhbar tempatan pada 24hb Februari, 1986. Di dalam dokumen-dokumen pra-kelayakan di antara kriteria penting yang dinyatakan ialah tawaran itu dibuka kepada konsortium yang terdiri dari syarikat tempatan yang terkemuka dengan/tanpa kerjasama beberapa warganegara Malaysia lain dan/atau syarikat-syarikat antarabangsa yang lain. Konsortium tersebut perlulah mempunyai sumber-sumber kewangan yang teguh, pengurusan yang baik, kepakaran dan juga pengalaman membina lebuhraya yang dimaksudkan. Adalah ditegaskan di sini bahawa apa yang dipentingkan ialah semua syarat-syarat kriteria tersebut perlu dipatuhi sepenuhnya sebelum pertimbangan dilakukan.

Mengikut kriteria itu, konsortium yang diketuai oleh Syarikat United Engineers (Malaysia) (Sdn) Bhd sebagai syarikat tempatan utama telah didapati menawarkan kontrak yang kompetitive dan telah memenuhi syarat-syarat kontrak yang dikehendaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kontrak penswastan ini telah dibuat secara tawaran terbuka yang diikuti dengan pra-kelayakan ke atas syarikat-syarikat yang ingin memasuki tawaran penswastan ini. Sebanyak 76 syarikat telah mengambil borang kelayakan yang mana daripada jumlah tersebut 19 syarikat telah mengemukakan kembali borang-borang pra-kelayakan. Daripada 19 syarikat itu, hanya 9 syarikat sahaja telah didapati layak dan memenuhi kehendak-kehendak pra-kelayakan. Daripada 6 syarikat tersebut, hanya 4 syarikat sahaja yang telah mengemukakan dokumen tender kepada Kerajaan Malaysia. Syarikat itu ialah seperti berikut:

- (i) Pilecon Engineering Bhd;
- (ii) Syarikat Pembinaan Hasbuddin;
- (iii) Unico Holdings Bhd;
- (iv) United Engineers (Malaysia) (Sdn) Bhd.

Lembaga Tender telah meneliti keempat-empat permohonan tersebut dan didapati bahawa alternatif B tawaran daripada Konsortium yang diketahui oleh United Engineers (Malaysia) (Sdn) Bhd dengan kos \$3.4 billion paling kompetitif dan sesuai diterima oleh Kerajaan dari segi pengalaman, kedudukan kewangan, pengurusan dan lain-lain faktor penting bagi melaksanakan projek tersebut dengan jayanya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat Menteri Kerjaya

UE Malaysia iaitu United Engineers Malaysia baru-baru ini telah dilaporkan dalam surat khabar dan dalam laporan tahunan bahawa syarikat ini sudah mengalami jumlah kerugian lebihkurang \$90 juta dalam tahun 1983, 1984 dan 1985. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata dari segi kedudukan kewangan, juga satu syarat, UE diberi kontrak ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu apakah kedudukan kewangan atau kemampuan kewangan UE Malaysia mengambil kontrak ini menunaikan semua janji-janjinya memandangkan dia sudah mengalami kerugian yang besar?

Kedua, adakah benar UE Malaysia diberi kontrak ini bukan oleh kerana ia satu syarikat yang mampu tetapi oleh sebab dia adalah satu syarikat yang dimiliki oleh Hati Budi (Sdn) Bhd, satu syarikat yang dikatakan ada berkaitan dengan UMNO, teutamanya dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan juga Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk menjalankan projek. Selepas itu kita telah mengiklankan perkara-perkara berkenaan dengan projek itu. Apabila syarikat-syarikat yang telah memasuki pra-kelayakan, selepas itu kita siap mendalami perkara-perkara berkenaan dengan kewangan, dengan pengalaman, dengan perkongsian dan dengan teknik-teknik yang mereka mempunyai. Dalam persembahan daripada syarikat-syarikat itu, kita tahu dan kita sudahpun berpuashati bahawa 5 atau 6 buah syarikat sahaja mempunyai kelayakan untuk menjalankan kerja. Untuk kita bangkitkan perkara-perkara berkenaan kerugian yang dihadapi oleh syarikat United Engineers dalam bidang-bidang yang lain, bukanlah masuk dalam bidang saya. Yang masuk dalam bidang saya iaitu pada masa sekarang adakah mereka

mempunyai pengalaman—itu yang pertama.

Keduanya, adakah perkongsian mereka mempunyai pengalaman untuk menjalankan projek-projek lebuhraya. Yang ketiga, siapakah akan memberi pinjaman kepada mereka, manakah institusi itu dan macam manakah kita akan dapat pinjaman itu dan dari segi pinjaman itu, Kerajaan tidak bertanggungjawab, tetapi mereka bertanggungjawab untuk sendiri. Jikalau mereka menemui semua syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kerjaraya baharulah kita terima tender mereka.

Berkenaan dengan soalan syarikat itu mempunyai hubungan dengan Hati Budikah atau tidak, kalau syarikat itu memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh kita, walaupun syarikat itu dipunyai oleh sesiapa, jikalau mereka boleh bertanggungjawab mengikuti dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian saya, saya mesti terima, tanpa mengira sama ada mereka dipunyai oleh UMNOkah, mereka dipunyai oleh parti-parti lainkah. Jikalau mereka ada kelayakan untuk menjalankan sesuatu projek, saya tidak ada kuasa untuk membatalkan mereka sebab saya tidak suka. Saya ikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan, dan sepatutnya mereka sudahpun memenuhi syarat yang dikenakan, sebab itu mereka dapat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberian kontrak kepada UE, adakah pihak Kementerian atau Yang Berhormat Menteri bagi pihak Kementerian mengkaji dari segi kemungkinan percanggahan kepentingan atau conflict of interest oleh kerana Hati Budi yang menjadi pemilik saham majoriti dalam UE, sebuah syarikat yang masih digantung daripada

Pasaran Saham; dan kedua, oleh kerana kemungkinan percanggahan kepentingan ini, di mana UE baik pun oleh kerana Hati Budi, dengan izin, vehicle UMNO atau orang-orang tertentu dalam UMNO adakah perkara ini disahkan oleh Kabinet; dan soalan ketiga, ialah adakah benar bahawa Hati Budi ada membeli satu juta loteri MIED daripada MIC. (Tepuk)

Dato' S. Samy Vellu: Jikalau Hati Budi beli satu juta loteri daripada MIC itu kita letakkan kepada Hati Budilah. Walau bagaimanapun jawapan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong seperti apa saya jawab kepada Wakil dari Petaling Jaya tadi, syarikat Hati Budi dipunyai oleh siapa bukanlah satu soalan. Kalau mereka mengikut dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh kita, mereka terima syarat-syarat itu, mereka memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian, kita jalankan. Jikalau ada juga sebuah syarikat dipunyai oleh parti DAP yang mempunyai pengalaman, mempunyai kewangan, dan kalau mereka suka juga menender projek itu, saya timbang, tetapi nasib kurang baik mereka tidak mempunyai satu syarikat seperti itu. Jikalau ada juga satu syarikat, bolehlah bila-bila, jangan kira DAPkah, jangan kira apa-apa, kalau mereka mempunyai kebolehan, saya berjanji di sini mereka dapat kerja. Loteri pun boleh. (Ketawa)

SALURAN PAIP LPG— PEMBINAAN

5. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerja pembinaan telah dijalankan ke atas cadangan untuk membina saluran paip LPG dari Terengganu ke Pantai Barat, sama ada bekalan LPG akan mengurangkan kos tenaga yang dibayar oleh pengguna-pengguna.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban ialah mengenai pelaksanaan projek penggunaan gas Semenanjung Fasa II bagi menyalurkan gas asli dan bukan LPG dari Terengganu ke Pantai Barat. Kerja-kerja awal pelaksanaan projek ini telah dimulakan. Perlantikan juru perunding, pengurusan projek bagi pembinaan saluran gas telah dibuat dalam bulan Disember, 1986. Kerja-kerja pengambilan tanah bagi laluan saluran paip dari Telok Kalong, Terengganu melalui Gemas dan terus ke Pantai Barat telah selesai dan kerja-kerja pembersihan tapak sedang berjalan dan dijangka siap pada pertengahan tahun ini.

Tujuan utama projek penggunaan gas Semenanjung ialah untuk memperluaskan penggunaan gas asli dengan membekalkan gas tersebut sebagai bahan api bagi penjaan kuasa elektrik, kegunaan industri-industri dan rumah-rumah di Pantai Barat Semenanjung.

Mengikut perkiraan daya maju projek ini, kos tenaga akan dapat dikurangkan setelah projek ini mendapat pulangan di atas pelaburannya. Walau bagaimanapun Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengurangkan kos tenaga lebih awal daripada itu. Dengan pengurangan kos tenaga ini pengguna-pengguna diharap akan dapat menikmati manfaat melalui pengurangan kadar bayaran elektrik dan gas sewajarnya.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan gas asli ini walaupun ianya merupakan satu bahan yang baik dalam kehidupan kita tetapi ada satu aspek keselamatan. Apakah langkah-langkah yang sedang dirancang atau akan dilaksanakan untuk

mempastikan keselamatan di dalam penyaluran gas ini ke seluruh negara?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana gas ini akan menghendaki teknikal yang mendalam, maka dengan itu pihak PETRONAS telah juga mengambil satu syarikat yang mempunyai pengalaman dalam hal penyaluran gas yang terkemuka daripada Canada. Itulah sebabnya kita mengambil consultants daripada luar negeri yang telah pun menjalankan tugas-tugas seperti ini sebelum ini. Mereka mempunyai pengalaman yang mendalam mengenai penyaluran gas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mohamed bin Jamrah.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Mohamed bin Jamrah tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 7 Y.B. Dr V. David tidak hadir)

SYARIKAT TAJAAN KERAJAAN

8. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat yang ditajakan oleh Kerajaan telah ditubuh sejak mulanya DEB dan setakat ini berapa banyak pula telah ditutup. Berapa pula banyaknya jumlah wang yang telah rugi dan berapa buah syarikat pula yang untung dan berapa keuntungannya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat-syarikat di mana Kerajaan mempunyai kepentingan mengikut peringkat

pengusahaan dan pemilikan ekuiti adalah seperti berikut:

Jumlah syarikat-syarikat yang dimiliki 100%	192
Jumlah syarikat-syarikat yang dimiliki 51% ke atas	235
Jumlah syarikat-syarikat yang dimiliki 30%-50%	110
Jumlah ..	<u>537</u>

Dari bilangan ini, syarikat-syarikat yang ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan bagi maksud memenuhi Dasar Ekonomi Baru seperti saya katakan tadi ialah 192 dan sehingga ini hanya 2 syarikat sahaja yang telah ditutup. Atas baki syarikat-syarikat yang ditaja oleh Kerajaan berdasarkan keuntungan ataupun kerugian terkumpul bagi tempoh yang terakhir pada tahun kewangan 1985 adalah seperti berikut:

Syarikat yang untung berjumlah 72. Keuntungan yang diperolehi ialah \$1,998.9 juta.

Syarikat-syarikat yang rugi berjumlah 120 semuanya dengan jumlah kerugian sebanyak \$784.5 juta.

PEMINDAHAN JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

9. Tuan Adam bin Abdul Kadir minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kedudukan kewangan Kerajaan yang tenat, kenapa Jabatan Pendaftaran Negara membuat keputusan dalam 1985 dan 1986 memindahkan setengah pejabatnya di negeri dan daerah, sedangkan kos modifikasi di tempat-tempat lama dan di tempat-tempat baru memakan belanja beratus ribu ringgit. Lagi pula, oleh kerana jabatan ini jabatan sensitif, tidakkah Ketua Pengarahnya merujuk kepada Menteri terlebih dahulu sebelum berpindah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985 dan 1986 Jabatan Pendaftaran Negara tidak memindahkan mana-mana pejabatnya tetapi dalam tahun 1987 Jabatan Pendaftaran Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berpindah ke satu kawasan baru yang lebih luas dengan mempunyai kemudahan-kemudahan untuk orang ramai serta tempat meletak kereta. Bayaran sewa pejabat baru ini adalah lebih murah iaitu \$1.41 satu kaki persegi berbanding dengan \$2.00 satu kaki persegi di kawasan lama. Kawasan baru juga senang dikunjungi oleh orang ramai menggunakan pengangkutan awam kerana ia terletak di halaman perkhidmatan pengangkutan awam.

Cadangan pemindahan ini telah dirujuk kepada jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dan mendapat kelulusan mereka setelah diperolehi terlebih dahulu.

PROGRAM PERUMAHAN KOS RENDAH KHAS

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh mana Program Perumahan Kos Rendah Khas telah dilaksanakan dengan memberi butir-butir bilangan unit rumah yang sedang dalam pembinaan dalam pelbagai negeri dan bilangan unit yang disiapkan setakat ini. Adakah Menteri sedar bahawa kemajuan dalam pelaksanaan program ini sangat lembab dan matlamat tersebut tidak akan dicapai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 39,186 unit

atau 41.9% sedang di dalam berbagai peringkat pembinaan iaitu:

Perlis	73 unit
Kedah	10,869 unit
Perak	793 unit
Kelantan	1,058 unit
Pahang	1,489 unit
Wilayah Persekutuan	6,683 unit
Selangor	2,389 unit
Negeri Sembilan .. .	3,250 unit
Melaka	1,989 unit
Johor	10,593 unit
Jumlah	<u>39,186 unit</u>

Dari angka ini 20,232 unit adalah di peringkat kerja-kerja tanah dan tapak dan 18,954 unit adalah di peringkat pembinaan rumah. Sebanyak 300 unit di Kedah sahaja telah siap setakat ini kerana Program ini hanya mula dilancarkan pada bulan Jun 1986 dan tiap-tiap proses iaitu dari tukar syarat tanah, kelulusan pelan bangunan, bantuan kewangan dan sebagainya mengambil masa.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan pelaksanaan program ini agak lembab tetapi ini bergantung kepada banyak faktor-faktor.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah keyakinan kepada pihak Kerajaan bahawa Program Perumahan Kos Rendah ini akan dapat dilaksanakan dan dapat mencapai matlamatnya?

Yang keduanya, memandangkan bahawa Program Perumahan Kos Rendah Khas ini ada dijalankan oleh pihak pemaju, suka saya mendapat tahu sama ada pihak Kementerian yang berkenaan telah mengenalpasti tentang berbagai-bagai masalah yang

dialami oleh pihak pemaju dalam melaksanakan Program Perumahan Kos Rendah Khas ini dan apakah yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dirujuk oleh pihak pemaju yang berkenaan?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa yakin akan kebolehannya untuk membuat sesuatu itu, sebab itulah kita lancarkan program ini. Walau bagaimanapun, tentulah Tuan Yang di-Pertua mengetahui iaitu membina rumah bukanlah dapat dibina dengan sekelip mata tetapi memakan masa sekurang-kurang 18 bulan. Jadi kita telah pun mengenalpasti beberapa masalah dan untuk mengatasinya di tiap-tiap negeri kita telah mengadakan satu jawatankuasa di mana boleh kita anggap sebagai satu "one-stop agency" ataupun satu jawatankuasa untuk menyelaraskan kerja-kerja, untuk meluluskan pelan-pelan bangunan dan sebagainya. Dan juga daripada segi kewangan, Kementerian juga telah mewujudkan satu jawatankuasa dengan kerjasama Bank Negara dan juga Association of Bankers, dengan izin, untuk mengatasi masalah-masalah kewangan dan saya yakin dengan adanya jawatankuasa-jawatankuasa sedemikian rupa, di dalam tahun kedua dan ketiga program ini kita akan dapat mempertingkatkan lagi usaha kita untuk membina lebih banyak lagi rumah di bawah skim pembinaan rumah kos rendah ini.

SKIM PERKESO

11. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Buruh menyatakan berkaitan dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 didapati pekerja-pekerja dan majikan masih ramai tidak mematuhi akan kepentingan pekerja-pekerja berhubung dengan

Akta ini, yang mana ramai pekerja-pekerja dan majikan tidak melaporkan kepada Pejabat Tempatan PERKESO tentang kemalangan yang berlaku baik kecil atau besar (parah) kepada Pejabat tersebut. Ini memberi kesan yang negatif kepada Kementerian amnya, yang mana pekerja-pekerja merasa kurang puas hati dan terjamin apabila berlaku kemalangan semasa bekerja. Apakah tindakan Kementerian dalam hal ini. Adakah Kementerian Buruh bercadang untuk memberi penerangan kepada pekerja-pekerja dan majikan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja yang tertakluk kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerja, pihak majikan merasa mereka adalah dikehendaki melaporkan kepada Pejabat Tempatan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang terdekat sekiranya berlaku kemalangan di tempat pekerjaan yang mencederakan pekerja-pekerja semasa menjalankan tugas.

Dalam hubungan ini, PERKESO sentiasa mengingatkan pihak majikan tentang kewajipan dan tanggungjawab mereka supaya mematuhi kehendak-kehendak Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 pada setiap masa. Usaha ini dilakukan dengan mengeluarkan surat-surat pekeliling kepada mereka dan dengan menjalankan pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, PERKESO juga menganjurkan ceramah-ceramah di mana pihak pekerja diberi penerangan yang mendalam mengenai faedah-faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja serta cara-cara membuat laporan dan tuntutan. PERKESO juga mengedarkan kepada pihak majikan

dan pekerja risalah-risalah yang menggariskan faedah-faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja. Selain daripada poster-poster, media massa elektronik dan cetak, pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berminat, kesatuan-kesatuan sekerja dan Doktor-doktor Panel PERKESO juga memainkan peranan masing-masing dalam liputan dan sebaran maklumat mengenai Skim Keselamatan Sosial Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, PERKESO dengan kerjasama pihak-pihak yang lain akan terus mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menyebarkan tentang Skim Keselamatan Sosial Pekerja kepada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, banyak berkisar kepada hal accident bukanlah sangat berkenaan dengan sosial. Jadi, saya ingin bertanya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk meringkaskan perkara ini dikembalikan semula kepada perlindungan insurans iaitu perlindungan accident kerana saya dapat tahu premium untuk accident tidaklah banyak bagi satu-satu kepala. Jadi, dengan itu langkah-langkah berkaitan sosial sahaja akhirnya dilindungi oleh PERKESO, apakah ada perancangan seperti itu.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA

12. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Tenaga, dan Pos menyatakan adakah benar beberapa kakitangan Syarikat Telekom Malaysia telah diberhentikan atau dibuang kerja kerana beberapa kesalahan dan adakah benar Syarikat ini sengaja

membuang pekerja-pekerja ini walaupun kesalahan yang dilakukan adalah kecil, bagi menanggung bilangan pekerja yang ramai yang diserap masuk daripada Jabatan Telekom.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Syarikat Telekom Malaysia telah memberhentikan atau membuang kerja pekerja-pekerjanya. Sebenarnya semenjak Syarikat Telekom itu ditubuhkan pada 1hb Januari 1987 belum ada seorang pun pekerja-pekerja yang diberhenti atau dibuang kerja.

Timbalan Yang di-Pertua Tuan D. P. Vijandran: Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed.

(Soalan No. 13 Y. B. Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Chua Jui Meng tidak hadir)

BAYARAN TOL KEPADA PENUNGGANG MOTOSIKAL

15. Dr Lim Ann Koon minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah rationale di belakang bayaran 20 sen yang dikenakan ke atas penunggang motosikal yang menggunakan lebuh raya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, rationale di belakang mengenakan bayaran tol ke atas penunggang-penunggang motosikal yang menggunakan lebuh raya adalah serupa dengan rationale mengenakan tol ke atas kenderaan-kenderaan lain.

Rasionale itu ialah lebuhraya-lebuhraya di negara ini telah dibina dengan kos berjuta-juta ringgit dengan objektif supaya lebuhraya-lebuhraya itu dapat memberi perkhidmatan yang baik, selesa dan cepat kepada pengguna-pengguna kenderaan-kenderaan berbanding dengan jalan raya-jalan raya lain di dalam negara ini. Mana-mana pemandu kenderaan ataupun penunggang-penunggang motosikal yang ingin menggunakan lebuhraya itu tol perlu dikenakan dengan tujuan mendapatkan hasil bagi membayar balik pinjaman wang yang digunakan untuk membina lebuhraya-lebuhraya tersebut. Mengikut perhitungan kadar tol yang sepatutnya dikenakan ke atas motosikal adalah lebih tinggi tetapi memandangkan penunggang motosikal terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah maka kadar tol 20 sen yang dikenakan atas penunggang-penunggang motosikal yang menggunakan lebuhraya swasta adalah didapati munasabah dan tidak membebankan masalah.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri itu memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan mengenakan bayaran tol ke atas penunggang basikal, oleh kerana setakat ini saya nampak rakyat Malaysia sangat takut Menteri itu dia selalu hendak kutip wang. (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam kita tidak kenakan tol atas basikal-basikal sampai satu masa mereka tidak pakai motor. Bila dia pakai motor atas basikal itu, dia kena tol. (*Ketawa*)

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar kutipan tol ini merupakan road tax, dengan izin, kali yang kedua sebab

tiap-tiap tahun pengguna-pengguna motosikal ataupun motokar membayar lesen kereta iaitu secara road tax, sekarang sekali lagi kutipan tol itu sudah menjadi road tax yang kedua, ini sudah merupakan double taxation. Adakah Yang Berhormat Menteri mencadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya memansuhkan road tax yang pertama itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kampar, saya suka menjelaskan sedikit. Kadar bayaran tol kepada penunggang-penunggang motosikal sedikit lain daripada kadar bayaran tol untuk kereta-kereta. Penunggang atau tuannya motosikal itu apabila mereka menggunakan jalan raya, jikalau mereka menggunakan daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru mereka bayar 30 sen sahaja, tidak lain. Apabila mereka masuk ke jalan besar atau lebuhraya tol itu mereka boleh menggunakan 924 kilometer dari utara ke selatan, bayar satu kali sahaja 30 sen. Ini satu bayaran purata kepada motosikal. Dan juga apabila mereka bayar kita kenakan tol kepada motosikal-motosikal yang lebih 70 c.c. Jadi, tuannya-tuannya motosikal yang kurang daripada 70 c.c. yang saya percaya adalah betul-betul daripada golongan berpendapatan rendah tidak payah bayar.

DOKTOR BERDAFTAR

16. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan doktor terdaftar yang masih berkhidmat di tanahair;
- (b) jumlah bilangan doktor terdaftar yang kini berdaftar di Kementerian Kesihatan;

- (c) apakah nisbah doktor dan penduduk pada masa sekarang; dan
- (d) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencapai nisbah seorang doktor untuk 2,000 penduduk.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31-12-86 bilangan doktor yang berdaftar iaitu yang membaharui sijil amalan tahunannya sebagai pengamal perubatan di Malaysia adalah berjumlah 5,393;
- (b) Bilangan doktor yang berdaftar yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan adalah berjumlah 3,247.
- (c) Nisbah doktor dan penduduk pada masa sekarang ialah 1 doktor untuk setiap 2,956 penduduk; dan
- (d) Untuk memperbaiki lagi nisbah seorang doktor bagi penduduk di tanahair kita, Kerajaan telah memperbanyakkan lagi pengambilan bilangan mahasiswa-mahasiswa perubatan oleh universiti-universiti tempatan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kita selalu baca dalam suratkhbar ada doktor palsu di perkhidmatan hospital dan juga sektor swasta. Apakah langkah-langkah Kementerian sudah ambil dan akan ambil untuk mengelakkan orang ramai dikelirukan oleh doktor-doktor palsu yang tidak berdaftar.

Dato' K. Pathmanaban: Ada lagi?

Dr Eng Seng Chai: Sudah.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dan saya harap orang awam akan melaporkan kejadian seperti ini di mana-mana ianya berlaku di sektor swasta seperti di Kelang baru-baru ini ataupun di sektor Kerajaan di mana pengawasan identiti doktor-doktor itu telah pun diketatkan dalam beberapa bulan yang lalu.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apa langkah yang akan pihak Kerajaan ambil mencegah brain drain iaitu doktor-doktor yang sekarang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan meletak jawatan dan masuk ke praktis swasta menambahkan senarai profesional fee yang dicadangkan oleh MMA sebab itu menjadi satu tarikan kepada doktor-doktor yang perkhidmatan di hospital Kerajaan yang pada masa sekarang hanya mendapat gaji bulan purata \$1,500 kepada pegawai-pegawai perubatan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada ramai doktor yang dapat gaji \$1,500 sebulan. Jika hendak kira purata, itu saya rasa bukanlah benar. Saya minta Yang Berhormat buat arithmetic lagi sekali.

Kedua, mengenai penarikan kepada sektor-sektor swasta atau, dengan izin, brain drain. Perkara ini memang berlaku dari masa dahulu juga yang Berhormat dari Petaling Jaya, Yang Berhormat dari Kepong, ada juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain memainkan peranan yang penting dalam brain drain kerana mereka sendiri sudah drain daripada Kementerian. Jadi, kita memang mengambil perhatian dan telah beberapa kali saya di Dewan ini dan Menteri saya menjelaskan tindakan-tindakan yang kita mengambil.

Tentang adakah jadual pembayaran yang dianjurkan oleh pihak Persatuan Doktor-doktor Malaysia, baru-baru ini akan menjadi satu lagi punca untuk menambahkan, memperkuatkan brain drain itu. Saya rasa kita kena tunggu dan lihat kerana jadual fees itu tidak ada seorang doktor pun yang menyokongnya.

KOTA MARUDU/TANDEK— KAWASAN PERTANIAN

17. Tuan Henry Madatang bin Morejal minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian bercadang agar tanah rata yang subur di kawasan Kota Marudu dan Tandek dijadikan kawasan pertanian khas untuk menanam padi dan tembakau secara besar-besaran dan agar Kementerian ini membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk menyelidik serta melaksanakan cadangan ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, satu kajian Bank Dunia telah dijalankan meliputi juga kawasan-kawasan di daerah Marudu bagi menyelidik kemungkinan mengadakan Projek Kawasan Pertanian Khas atau IDP. Tetapi memandangkan population density, dengan izin, di kawasan tersebut yang rendah dan penduduk-penduduk yang bertaburan, maka cadangan mengadakan projek kawasan pertanian khas tidak viable. Oleh yang demikian, Kementerian berpendapat tidaklah perlu diadakan sebuah jawatankuasa bagi meneliti cadangan mengusahakan kawasan tanaman padi secara besar-besaran.

Mengenai tanaman tembakau pula, adalah didapati bahawa tanaman tersebut tidaklah begitu sesuai berdasarkan iklimnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian bagi membangunkan tahap sosio-ekonomi

penduduk-penduduk daerah Kota Marudu dengan mengadakan projek-projek memperbaiki sistem perairan bagi membolehkan tanaman padi yang diusahakan sekarang dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Henry Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, apakah dasar-dasar Kementerian Pertanian bagi mengenalpasti sesuatu kawasan itu layak dipilih untuk dijadikan kawasan pertanian. Adakah Pejabat-pejabat Pertanian di peringkat daerah di seluruh negara ini diberi maklumat tentang dasar-dasar tersebut.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasarnya pihak Kementerian Pertanian mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk menjadi kawasan pertanian khas mengikut beberapa faktor terutamanya penduduk-penduduk yang cukup, keduanya, hasil-hasil yang boleh didapatkan boleh meningkatkan pendapatan-pendapatan orang ramai dan ketiganya, tanah-tanah itu sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak.

(Soalan No. 18 Y. B. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah tidak hadir)

JALAN RAYA KOTA BELUD/RANAU

19. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapakah Jalan raya Kota Belud/Ranau By Pass) tidak diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan memandangkan jalan tersebut adalah satu-satunya jalan yang terpenting sekali bukan saja di daerah Kota Belud tapi juga di seluruh Sabah—kalau tidak di seluruh Malaysia kerana kedudukannya yang telah digunakan untuk pengangkutan

Tembaga daripada Lombong Tembaga di Mamut, Ranau ke dermaganya di Kuala Abai, Kota Belud dan adalah satu-satunya aset ekonomi negara kita Malaysia yang begitu terpenting sekali tapi kini rakyat pengguna jalan raya tersebut adalah menjadi mangsa dengan keadaan jalan raya itu yang sentiasa dalam keadaan berlumpur dan berlubang pada musim hujan dan berdebu pada musim kemarau akibat kesan jentera berat pengangkutan tembaga yang menggunakan jalan raya tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jalan raya (Kota Belud/Ranau By Pass) telah tidak diambilalih sebagai jalan raya Persekutuan oleh kerana tidak menemui kriteria yang tertentu. Di antara kriteria tersebut ialah jalan raya itu tidak termasuk di dalam rangkaian jalan raya utama di negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan sedang membuat satu kajian kemungkinan untuk menaikkan taraf beberapa jalan raya lain di Sabah termasuk Jalan raya (Kota Belud/Ranau By Pass) tersebut dengan tujuan mengambilalih jalan-jalan itu kelak sebagai jalan Persekutuan mengikut keutamaan. Kajian kemungkinan ini adalah di dalam peringkat awal dan pelaksanaan hasil daripada kajian ini hanya dapat dilakukan mengikut peruntukan yang akan diluluskan.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, apakah syarat-syarat atau kriteria yang dikenakan bagi satu-satu jalan itu supaya ia boleh diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan, kerana jalan yang saya maksudkan di sini adalah satu-satu jalan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Malaysia dalam mengangkut

hasil-hasil negara iaitu hasil tembaga daripada Lombong Mamut ke dermaganya di Kuala Abai, Kota Belud dan jalan raya ini adalah satu-satunya jalan raya yang terpenting bukan sahaja di Kota Belud tetapi seluruh Sabah, menandakan hasil pendapatan kita adalah semuanya daripada sana dan boleh dikatakan ia mendatangkan kepentingan bagi Kerajaan seluruh Malaysia. Jadi, kenapakah jalan raya ini dikatakan tidak boleh diklasifikasikan sebagai jalan raya yang termasuk dalam rangkaian utama jalan raya di negeri itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru sahajalah lebih satu tahun yang lalu kita telah mengisytiharkan beberapa kilometer jalan di negeri Sabah sebagai jalan Persekutuan. Tetapi kawasan-kawasan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalan ini tidak masuk dalam jalan raya Persekutuan. Sebab-sebabnya mereka tidak ada di dalam satu, dengan izin, geographical situation yang mana kita boleh masukkan jalan ini dalam rangkaian jalan Persekutuan. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi kita sedang mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki jalan tersebut.

Kepada Ahli Yang Berhormat, saya suka juga menjelaskan jalan-jalan ini bukanlah jalan baru kepada saya. Saya sendiri melalui jalan itu—semua di negeri Sabah, saya sendiri mengikut 1,265 kilometer dengan jeep, sebab itu Ahli-ahli dari negeri Sabah jangan takutlah, saya tahu jalan ini (*Ketawa*), saya mesti mengambil tindakan.

LRT AEROBUS/ METROLINK

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan maklumat-maklumat terperinci yang

dapat menyokong pandangan Kerajaan mengenai betapa perlunya untuk mengadakan ketiga-tiga bentuk pengangkutan LRT, Aerobus dan Metrolink pada masa yang sama. Mengapakah Metrolink tiba-tiba ditambahkan projek-projek LRT dan Aerobus sedangkan kedua-dua projek yang terkemudian menghadapi kesulitan kewangan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, projek Metrolink adalah merupakan projek yang akan dilaksanakan oleh pihak swasta. Projek ini akan menggunakan landasan-landasan keretapi yang pada masa ini kurang digunakan oleh pihak Keretapi Tanah Melayu. Projek ini juga merupakan projek sampingan kepada projek LRT dan juga Aerobus.

Dari segi perancangannya projek Metrolink akan memenuhi keperluan pengangkutan awam bagi kawasan yang lebih luas daripada LRT iaitu keseluruhan kawasan Lembah Kelang, manakala projek LRT adalah untuk kawasan metropolitan Kuala Lumpur yang tidak terlibat dengan kawasan perkhidmatan Metrolink.

Projek Aerobus pula ialah untuk memberi perkhidmatan bagi kawasan pusat Bandar Kuala Lumpur iaitu bagi kawasan-kawasan di mana jalan raya-jalan raya yang sedia ada didapati sukar untuk diperbesarkan. Dengan keadaan sedemikian Kerajaan bersetuju dengan projek Metrolink ini memandangkan bahawa Kerajaan belum lagi mampu mengadakan projek LRT pada masa sekarang bagi mengatasi kesesakan lalulintas.

Juga penganjur projek Metrolink telah meyakinkan Kerajaan bahawa dengan menggunakan landasan keretapi yang sedia ada, kos projek adalah kecil dan dengan itu ianya boleh

dilaksanakan tanpa berkehendakkan jaminan dalam sebarang bentuk daripada Kerajaan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapakah syarikat yang bertanggungjawab yang diberikan tender untuk Metrolink ini dan adakah faktor-faktor yang lain termasuk faktor politik yang menyebabkan Kerajaan telah menggantikan LRT dengan Metrolink. Sebab saya tidak terima alasan yang sangat pincang yang diberikan tadi.

Soalan ketiga, adakah pihak Kementerian bercadang untuk membatalkan semua projek LRT dan Aerobus. Kalau tidak, bilakah akan dilaksanakan dan bolehkah Yang Berhormat Menteri mengumumkan di sini amaun dan jumlah perbelanjaan yang akan diadakan untuk projek Metrolink dan berbanding dengan LRT ataupun Aerobus.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa projek Metrolink ini adalah bagi menggantikan projek LRT ataupun projek Aerobus seperti yang telah saya terangkan sebentar tadi yang mana tiap-tiap projek mempunyai kawasan ataupun cara-cara operasi yang berlainan.

Berkenaan dengan syarikat yang telah dikenalpasti ataupun syarikat swasta yang telah mengemukakan cadangan bagi memajukan projek Metrolink ini ialah dikenali sebagai Zaipha Holdings dan ianya telah dipersetujui oleh Kerajaan berdasarkan kepada cadangan dan input technical, dengan izin, yang telah dikemukakan oleh syarikat yang berkenaan dan tidak ada apa-apa faktor luar daripada apa yang saya perkatakan iaitu berdasarkan kepada teknikal, keupayaan dan juga kredibiliti syarikat berkenaan. Tak ada kena mengena dengan kedudukan

politik. Saya pun tak tahu siapakah orang yang berkenaan di dalam syarikat tertentu itu.

Di samping itu juga bahawa memandangkan ianya adalah menggunakan landasan-landasan keretapi yang sedia ada, sudah pasti bahawa projek ini dari segi perbelanjaan kurang daripada projek LRT ataupun projek Aerobus yang masih di dalam kajian pihak Kerajaan tetapi ditangguhkan kerana keadaan ekonomi sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 7, 13, 14, 18 dan 21 hingga 89 adalah diberi di bawah ini).

KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT—NAMA PEMINJAM

6. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Menteri Kewangan memberitahu sama ada Kerajaan akan menyiarkan nama-nama peminjam terbesar yang memperolehi pinjaman daripada Koperasi yang mengambil wang simpanan. Kalau ia, siapakah mereka dan adakah mereka ada membuat bayaran balik ke atas pinjaman mereka itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya tidak bercadang untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok, kerana saya telah pun memberi jawapannya pada 10hb Mac, 1987 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban, mengenai perkara yang sama. Oleh yang demikian, tidaklah perlu bagi saya mengulaskan perkara ini lagi.

KEMALANGAN JALAN RAYA

7. **Dr V. David** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah jumlah bilangan kemalangan-kemalangan jalan raya yang telah berlaku di negara kita dari Januari 1986 hingga Disember 1986.
- (b) daripada kemalangan-kemalangan ini, apakah bilangan kematian dan kecederaan serius yang telah mengakibatkan kecederaan seumur hidup.
- (c) adakah beliau sedar bahawa dari segi bilangan kenderaan, Malaysia menghadapi bilangan kemalangan-kemalangan jalan raya yang membawa maut yang paling besar di dunia ini, dan apakah cadangan-cadangannya untuk mengatasi kemerbahayaan ini yang bertambah dari masa ke semasa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman):

- (a) Tugas merekodkan jumlah kemalangan jalan raya di negara ini adalah dibuat oleh Jabatan Polis. Sehingga pada hari ini, perangkaan kemalangan jalan raya yang dikumpulkan bagi tahun 1986 ialah setakat September 1986 dan jumlah kemalangan yang berlaku hingga ke tarikh tersebut adalah sebanyak 60,514 kes.
- (b) Daripada jumlah kemalangan tersebut, bilangan kematian ialah 2,685 kes. Tetapi bilangan kecederaan serius yang telah mengakibatkan kecederaan seumur hidup tidak dapat diberikan oleh kerana data-data mengenainya tidak dilaporkan.

(c) (1) Kemalangan jalan raya adalah satu masalah sosial di negara ini, tetapi adalah tidak benar sekiranya dikatakan bahawa bilangan kemalangan jalan raya yang membawa maut di Malaysia adalah yang paling besar di dunia. Berdasarkan perangkaan-perangkaan yang disediakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Malaysia mencatat sebanyak 9.5 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan berbanding dengan 14.4 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan di Hong Kong, 14.6 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan di Fiji, 9.8 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan di Brunei Darussalam.

(2) Selain dari pencegahan melalui penguatkuasaan, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut bagi mengatasi masalah kemalangan jalan raya:

- 2.1 Aktiviti-aktiviti kempen melalui semua mass media, khususnya kempen musim perayaan;
- 2.2 Dialog, ceramah dan kursus untuk semua peringkat pengguna jalan raya;
- 2.3 Menerbitkan Buku Panduan Pendidikan Keselamatan Jalan raya untuk kanak-kanak sekolah dan guru-guru;
- 2.4 Mengadakan Seminar Keselamatan Jalan raya Nasional dalam bulan April 1987 untuk mengenalpasti hala cara baru;

2.5 Mengeluarkan filem-filem keselamatan jalan raya yang baru untuk tayangan mulai bulan April 1987;

2.6 Pelaksanaan Borang Laporan Kesalahan Lalulintas Jalan oleh Pegawai-pegawai Kumpulan "A"

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA—PEMBINAAN

13. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah pembinaan Universiti Teknologi di Johor Bahru itu nampaknya tergendala, kerana setakat ini hanya baru dua Fakulti sahaja yang siap pembinaannya; kenapakah anggaran kos pembinaannya terlalu tinggi sedangkan bentuk bangunan yang serupa itu boleh diselenggarakan dan disiapkan oleh kontraktor-kontraktor tempatan dengan anggaran harga yang berpatutan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembangunan Kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor Bahru tidaklah tergendala apabila dilihat dari segi kemajuan keseluruhan projek tersebut. Projek tersebut terbahagi kepada tiga fasa. Pembinaan fasa pertama telah siap dan fasa kedua telah dimulakan pembinaannya dan dijangka siap pada tahun 1988.

Memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi negara, Kerajaan terpaksa menilai semula pelaksanaan projek tersebut dengan tujuan untuk mengurangkan kos perbelanjaan. Melalui perundingan dengan kontraktor yang sama iaitu Syarikat Kobena-Sambu, usaha untuk menyiapkan kerja-kerja yang telah

dimulakan boleh diteruskan secara "conventional", dengan izin, dengan kos yang lebih rendah dibandingkan dengan kos pelaksanaan menurut sistem "cost-plus", dengan izin. Pihak kontraktor telah memberi jaminan bahawa kerja-kerja berkenaan akan dapat disiapkan menurut jadual.

Perbelanjaan untuk membina kampus tersebut meningkat tinggi tetapi dikira munasabah, memandangkan faktor-faktor berikut:

- (i) Berlakunya perubahan skop pembinaan yang disebabkan oleh perubahan matlamat bilangan pelajar dari 6,000 orang kepada 8,000 orang, penubuhan fakulti baru dan perubahan sistem penggal kepada sistem semester.
- (ii) Kos projek tersebut adalah bersabit dengan skim latihan kemahiran di bidang industri pembinaan untuk faedah bumiputera.
- (iii) Pada awal tahun 80an bilangan kontraktor dalam negeri mempunyai keupayaan yang terhad di samping kekurangan tenaga mahir di pelbagai bidang industri pembangunan.

BAHASA CINA/TAMIL DALAM KURIKULUM KBSM

14. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pelajaran menjelaskan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerianya untuk memastikan kenyataan beliau bahawa kedudukan bahasa Cina dan Tamil akan dimasukkan ke dalam kurikulum sebelum KBSM dilaksanakan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Sekolah Menengah yang baru yang akan dilaksanakan secara berperingkat

mulai 1988, di kelas Peralihan dan Tingkatan 1, akan dimulakan melalui empat program Pendidikan Bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, Kesemua program bahasa, termasuklah program Bahasa Cina dan Tamil, merupai mata pelajaran tersendiri.

Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi mata pelajaran Bahasa Cina/Tamil adalah seperti berikut:

1. Penggubalan Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah bagi Bahasa Cina dan Tamil;
2. Penyediaan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina dan Tamil bagi Tingkatan I, II dan III (atau peringkat sekolah menengah rendah);
3. Penyediaan Panduan Menulis Buku Teks Bahasa Cina dan Tamil bagi Tingkatan I, II, dan III,
4. Mengadakan taklimat penulisan buku teks kepada para penerbit buku teks, dan
5. Memandangkan kursus orientasi kursus pendedahan/kursus dalam perkhidmatan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Sumber/Kakitangan Penting/Bahasa Cina dan Tamil di pertengahan tahun 1987. Kursus dalam perkhidmatan untuk para guru akan dijalankan di peringkat negeri sebelum menjelang tahun 1988.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA— PENYERTAAN USAHASAMA

18. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan kontraktor-kontraktor bumiputera yang sekarang ini tidak mempunyai

sebarang projek untuk dijalankan. Tidakkah ada cadangan agar kontraktor-kontraktor bumiputera diberi peluang untuk penyertaan secara usahasama dengan kontraktor yang besar yang telah pun dapat mengambil tender-tender yang besar agar dapat diagihkan kerja-kerja kepada kontraktor yang menganggur sekarang ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Menyedari kedudukan kontraktor-kontraktor bumiputera yang mengalami kurang kerja, Kementerian Kewangan telah mengambil langkah untuk membantu mereka. Di antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (a) Meneruskan kemudahan-kemudahan dan keutamaan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera seperti mengkhaskan 30% nilai kerja kepada mereka, mengkhaskan kerja yang bernilai kurang daripada \$50,000 kepada mereka.
- (b) Menentukan beberapa projek yang diberikan kepada konsortium atau gabungan kontraktor-kontraktor bumiputera secara rundingan terus.
- (c) Membataskan semua projek bangunan kepada syarikat-syarikat tempatan serta semua projek kejuruteraan awam yang di bawah nilai \$50 juta kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan dengan ini juga memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Kontraktor-kontraktor bumiputera memang telah diberi peluang untuk berusahasama dengan kontraktor-kontraktor yang besar, tetapi Kerajaan tidaklah boleh memberi arahan khusus tentang penubuhan usahasama itu. Terpulanglah kepada kontraktor-kontraktor bumiputera mengambil

inisiatif atau dayausaha sendiri untuk mengadakan usahasama yang diperlukan serta digalakkan itu. Selain daripada itu Kementerian Kewangan berpendapat kontraktor-kontraktor bumiputera perlulah juga mengkaji semula kedudukan mereka serta membuat penyusunan semula sesuai dengan keadaan ekonomi sekarang, di samping membuat persediaan supaya dapat merebut peluang perniagaan yang lebih apabila keadaan ekonomi pulih semula.

KEM BELIA UMNO

21. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada kem belia UMNO di Sungai Amang, Hulu Klang letaknya di atas tanah Kerajaan; dan
- (b) adakah Kerajaan mengeluarkan sebarang bantuan dan pertolongan kepada kem tersebut. Jika ia, nyatakan jenis bantuan dan pertolongan yang diberi.

Perdana Menteri: Kementerian ini tidak terlibat langsung dengan Kem Belia UMNO di Sungai Amang, Hulu Klang dan Kementerian juga tidak pernah dihubungi mengenai pertolongan atau apa-apa bantuan untuk kem ini.

BUNGA ORKID—EKSPORT

22. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menjadikan "Bunga Orkid" sebagai salah satu sumber negara yang menguntungkan dari segi hasil eksport bunga ke luar negeri.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Bagi menjadi bunga orkid sebagai salah satu sumber pendapatan negara serta untuk

dieksport Kementerian Pertanian pada masa ini telah menubuhkan satu Panel Perundingan di antara Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat dalam perusahaan ini. Panel Perundingan ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama di antara pihak Kerajaan dan swasta untuk mengenalpasti potensi perusahaan bunga orkid serta halangan-halangan yang dihadapi dan mencari jalan bersama untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Penyelidikan juga dilaksanakan oleh MARDI dalam aspek pembaikbiak, kultura dan agronomi dengan tujuan meningkatkan pengeluarannya dengan cara yang sistematik dan berekonomik. Bagi menjamin pasaran yang berterusan untuk bunga orkid, perisikan pemasaran dan promosi di luar negeri akan juga dilaksanakan dengan kerjasama MAS dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

PENDATANG HARAM INDONESIA

23. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Luar Negeri Menyatakan:

- (a) keputusan atau kefahaman yang telah dicapai mengikut perbincangan antara negara kita dan negara Indonesia berkenaan dengan masalah penghijrahan haram di negara kita yang berasal dari Indonesia; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pendatang haram Indonesia telah dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto di Johor Bahru pada 5hb Februari yang lalu. Saya juga telah menimbulkan

masalah yang serupa dengan Menteri Luar Indonesia. Kedua-dua negara telah mencapai persefahaman untuk menyelesaikan masalah ini melalui usaha memperbaiki/mengukuhkan peraturan yang sedia ada untuk membolehkan kita mengawal dengan lebih berkesan kemasukan pekerja-pekerja Indonesia. Di samping itu, Kerajaan Indonesia juga memahami masalah-masalah yang sedang kita hadapi dalam perkara ini dan bersetuju bahawa pekerja-pekerja Indonesia yang berada di Malaysia adalah tertakluk pada undang-undang Malaysia.

Buat ketika ini berbagai Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat sedang mengkaji usaha-usaha dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengukuhkan peraturan yang sedia ada sejajar dengan persefahaman yang telah dicapai.

Berhubung dengan masalah pendatang haram Kerajaan akan terus mengambil tindakan tegas untuk menangkap, mendakwa dan mengusir pendatang-pendatang haram yang dapat dikesan.

SKIM PERKESO—FAEDAH BERSALIN

24. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau menimbang untuk melaksanakan faedah bersalin keselamatan sosial pekerja sebagai tambahan kepada skim PERKESO sekarang.

Tuan Kalakau Untol: Kementerian Buruh memang telah mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan faedah bersalin di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja. Walau bagaimanapun, didapati masih terlalu awal bagi Negara kita berbuat demikian oleh kerana buat masa ini Skim Keselamatan Sosial Pekerja

bertujuan memberi faedah kepada pekerja yang mengidap keilatan atau ditimpa bencana kerja sahaja.

Peruntukan di bawah Akta Kerja, 1955 dan kebanyakan perjanjian bersama mewajibkan pihak majikan memberi faedah cuti bersalin dan elaun bersalin kepada pekerja wanita yang layak. Buat sementara waktu, ini adalah dianggap memadai untuk Negara Malaysia sebagai sebuah Negara yang sedang membangun.

RUMAH—MENURUNKAN KOS PEMBINAAN

25. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerangkan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengurangkan kos pembinaan rumah.

Puan Napsiah binti Omar: Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang berat kepada usaha-usaha untuk menurunkan kos pembinaan rumah. Kos pembinaan rumah meliputi kos-kos tanah, infrastruktur dan bangunan itu sendiri. Dengan yang demikian, langkah-langkah untuk penurunan kos pembinaan ditumpukan kepada komponen-komponen tanah, infrastruktur dan bangunan.

Memandangkan bahawa keutamaan diberikan kepada golongan berpendapatan rendah, maka kebanyakan daripada usaha-usaha Kerajaan ditumpukan kepada perumahan jenis kos rendah. Antara langkah-langkah yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) Mempercepatkan proses kelulusan bersabit dengan tukar syarat dan pecah sempadan. Kelulusan yang cepat boleh mengurangkan dengan izin "holding cost". Semua Kerajaan Negeri telah pun mengadakan Sistem

Jawatankuasa Khas atau Pusat Serenti bagi tujuan ini.

- (ii) Mengurangkan kadar premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan. Kebanyakan Kerajaan Negeri telah pun mengkaji semula kadar premium bagi tujuan Program Khas Perumahan Kos Rendah.
- (iii) Piawaian-piawaian mengenai infrastruktur telah juga dikaji semula dan dikurangkan dengan tujuan menurunkan kos pembangunan rumah di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.
- (iv) Bagi mengurangkan kos bangunan pula, pelan-pelan seragam telah juga diadakan untuk kedua-dua Program Perumahan Awam Kos Rendah dan Program Khas Perumahan Kos Rendah.
- (v) Harga simen bagi projek di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah telah juga diturunkan, sungguhpun harga ini tidak ditawarkan oleh semua pengeluar simen.

KONSEP DASAR SAINS DAN TEKNOLOGI

26. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian bercadang menggubal Dasar Sains Negara yang sepadu dan terarah, yang berpandukan dengan dasar dan nilai kemanusiaan dan falsafah agama yang lebih tinggi, memandangkan sains dan teknologi itu adalah semata-mata alat yang boleh digunakan ke arah kebaikan dan kehancuran.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Konsep dasar Sains dan

Teknologi untuk pembangunan negara telah termaktub dalam Rukunegara. Sejak dari itu, Kerajaan telah menerapkan konsep ini dalam semua aspek pembangunan Negara dengan melibatkan sains dan teknologi. Dasar Sains dan Teknologi Negara seterusnya telah digubal dan diterima secara rasmi oleh Kerajaan pada bulan April 1986. Ianya terkandung dalam risalah Dasar Sains & Teknologi Negara yang boleh diperolehi oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kementerian saya jika beliau berminat.

Dasar Sains dan Teknologi Negara ini tidak akan bercanggah dengan apa-apa falsafah agama-agama yang terdapat di negara ini, bahkan ianya seterusnya akan menambahkan lagi pengetahuan dan fahaman kita terhadap benda-benda organik dan bukan organik. Saya suka merujuk kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa perasmian Mesyuarat ke 8 Majlis Santifik Yayasan Islam bagi Sains, Teknologi dan Pembangunan (atau IFSTAD) di Kuching pada 23 Februari baru-baru ini dan izinkan saya untuk memberi petikan dari ucapan tersebut yang berbunyi:

“It is said by some Muslims that we should not seek knowledge for the sake of knowledge. They deplore this approach because they feel it is western and secular. But have we not noticed that knowledge initially acquired without any specific benefit in mind, eventually proves to be useful and of benefit? Usually knowledge discovered by scientists is of no use to the scientists themselves. But to some others, that knowledge could be translated into something worthwhile. If the knowledge is applied for a bad purpose, it is not because the knowledge is bad. It is because evil people use it for their own ends. The knowledge should not be blamed or shunned”.

RUMAH KEBAJIKAN SWASTA—BANTUAN

27. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (i) apakah bentuk pengawasan dan bantuan yang diberi oleh Kementerian terhadap rumah-rumah kebajikan swasta;
- (ii) apakah kedudukan rancangan Kementerian untuk mewujudkan sebuah danar masyarakat (community chest).

**Menteri Kebajikan Masyarakat
(Dato Shahrir bin Abdul Samad):**

- (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini perkhidmatan yang diberi di rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh pihak swasta tidak tertakluk kepada mana-mana Akta. Oleh yang demikian, bantuan yang diberi oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat kepada pihak-pihak yang mengendalikan rumah-rumah kebajikan tersebut adalah dalam bentuk nasihat dan bimbingan sahaja. Bantuan tersebut yang diberi adalah juga atas permintaan pengusaha rumah-rumah kebajikan tersebut. Di samping itu, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan perbekalan undang-undang yang akan memberi kuasa kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk memantapkan piawaian minima terhadap perkhidmatan yang diberi di semua rumah-rumah kebajikan yang di kendalikan oleh pihak swasta dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela.

- (ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut konsep dana masyarakat, satu tabung akan diwujudkan untuk menyelaraskan semua kutipan derma serta menyalurkan wang yang dikumpulkan itu kepada yang memerlukan bantuan. Mengikut rancangan Kementerian Kebajikan Masyarakat, konsep dana masyarakat akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Yayasan Kebajikan Negara telah dikenalpastikan sebagai badan yang sesuai dan berkeupayaan untuk memainkan peranan utama dalam usaha melaksanakan konsep tersebut. Dengan tujuan ini, baru-baru ini Yayasan Kebajikan Negara dengan bantuan Kementerian Kebajikan Masyarakat telah melancarkan satu Kempen Dermawan Malaysia bagi selama satu tahun mulai 14hb Mac 1987. Tujuan kempen tersebut ialah untuk memaklumkan kepada orang ramai terhadap peranan Yayasan Kebajikan Negara dan juga mengutip derma bagi mengisi Tabung Amanah Yayasan tersebut.

KAWASAN ENDAU/ROMPIN SEBAGAI TAMAN NEGARA

28. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah rancangan Kerajaan berkenaan dengan Hutan Simpanan Endau/Rompin.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Berhubung dengan kawasan Endau/Rompin, pihak Jabatan Perhilitan telah pun mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk menjadikannya

sebagai kawasan Taman Negara yang kedua di Semenanjung Malaysia tertakluk di bawah Akta Taman Negara 1980. Bagi Negeri Pahang Darulmakmur, kawasan yang dicadangkan ialah seluas 38,689 hektar di Daerah Rompin. Namun demikian, pihak Kerajaan Negeri Pahang Darulmakmur seterusnya telah mewartakan kawasan ini bagi maksud awam di bawah Kanun Tanah Negara, sebagai Rezab Mergastua Rompin/Endau dan dijaga oleh Pentadbir Tanah Rompin.

Bagi kawasan di Negeri Johor, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 23 Ogos 1984 telah bersetuju kawasan seluas 24,899 hektar direzabkan sebagai Taman Negara Endau/Rompin daripada kawasan seluas 48,775 hektar yang dicadangkan pihak Jabatan Perhilitan. Kerajaan Pusat masih menunggu jawapan balas ke atas peng wartaan kawasan Endau/Rompin daripada Kerajaan Negeri Johor.

KERANI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KEPALA BATAS— BANTAHAN

29. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya telah terima sebarang bantahan mengenai seorang kerani yang tidak faham bahasa Tionghua yang dihantar untuk bekerja di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kepala Batas; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dalam hal ini.

65. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriannya telah terima sebarang bantahan mengenai seorang kerani yang tidak faham bahasa Tionghua yang dihantar untuk bekerja di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

(Cina) kepala Batas; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil dalam hal ini.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantahan tersebut telah diterima oleh Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Jabatan Pelajaran telah berbincang dengan Guru Besar Sekolah berkenaan dan diberitahu sekolah tersebut tidak menghadapi sebarang masalah dengan Pegawai Keraninya kerana semua surat-surat dan dokumen-dokumen rasmi yang dikendalikan oleh sekolah adalah dalam Bahasa Malaysia.

BAHASA MALAYSIA— BAHASA RASMI

30. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan hendak menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa Ilmiah dan Bahasa Serantau. Dapatkah Yang Berhormat menyatakan bilakah Bahasa Malaysia dapat dijadikan Bahasa Rasmi di persidangan antarabangsa setidak-tidaknya di peringkat ASEAN? Apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan setakat ini untuk mencapai matlamat tersebut.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan Kerajaan untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai Bahasa Ilmiah adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar pelbagai bidang ilmu tinggi di pusat-pusat pengajian tinggi;
- (ii) Meningkatkan keupayaan dan kecekapan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmiah dan bahasa budaya tinggi dengan

membina dan memantapkan istilah-istilah ilmiah dalam Bahasa Kebangsaan;

- (iii) Mempercepatkan proses pemindahan ilmu-ilmu moden di dunia ke Malaysia dan pembinaan budaya ilmu di kalangan masyarakat Malaysia dengan meningkatkan usaha penerbitan buku-buku ilmiah dan buku untuk pelajaran tinggi dalam Bahasa Malaysia; dan
- (iv) Kementerian Pelajaran juga sudah mengambil langkah-langkah untuk menjadikan tatabahasa Bahasa Malaysia Baru sebagai dasar yang utama bagi pembinaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang utama di rantau ini ialah:

- (i) Mengadakan kerjasama kebahasaan di antara negara kita dengan negara-negara lain yang berbahasa Melayu di rantau ini;
- (ii) Penyatuan ejaan rumi antara Malaysia dengan Indonesia dan diterima oleh Kerajaan Brunei Darussalam; dan
- (iii) Penyelarasan istilah-istilah ilmu di antara Bahasa Malaysia dengan Bahasa Indonesia dan diperluaskan dengan penyertaan Brunei Darussalam.

Sementara usaha-usaha selanjutnya dapat dijalankan, kita dapat menentukan secara pasti apakah Bahasa Malaysia yang dicita-citakan itu dapat diwujudkan dan dicadangkan menjadi bahasa rasmi di persidangan-persidangan peringkat Asean dan antarabangsa yang lain.

SEITA TIMUR CREDIT AND LEASING—SIASATAN

31. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa hampir tiada tindakan diambil terhadap syarikat-syarikat kredit dan leasing yang menerima deposit-deposit secara haram seperti Setia Timur Credit and Leasing (Seremban) Sdn Bhd meskipun para pendeposit telah membuat aduan polis seperti laporan polis Seremban bernombor 6873/85, 8080/85 dan 247/86.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan polis dalam kes-kes yang dimaksudkan telah selesai dan 6 orang Pengarah Syarikat tersebut akan didakwa di Mahkamah. Sukalah saya memaklumkan bahawa siasatan itu mengambil masa oleh kerana terdapat sejumlah 223 pendeposit yang perlu ditemuduga dan rakaman percakapannya diambil.

PELARIAN FILIPINA/PENDATANG HARAM INDONESIA

32. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Pasukan Petugas VII telah bermula menghadapi masalah pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram Indonesia yang terdapat di negara; jika ya, nyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini; jika belum, nyatakan sebab-sebab mengapa kelewatan yang panjang ini berlaku.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan supaya Pasukan Petugas VII diberi tanggungjawab untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin dan pelarian-pelarian ke negara ini bukan sahaja dari Vietnam tetapi juga dari mana-mana negara lain termasuk Filipina dan Indonesia. Pasukan Petugas VII ini akan menjalankan tugasnya sebaik sahaja segala persediaannya selesai

diatur untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin dari Filipina dan Indonesia.

TRAGEDI KERETAPI TANAH MELAYU DI KULAI

33. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah positif untuk memastikan Tragedi Keretapi Tanah Melayu berlaku di Sengkang, Kulai baru-baru ini tidak akan timbul lagi, dan

- (a) bilakah "Public Enquiry" akan dijalankan dan berapa hari telah ditetapkan untuk perbincaraan tersebut; dan pendapat atau findingnya akan diumumkan selepas penghabisan perbincaraan itu;
- (b) sama ada beliau sendiri akan memberi keterangan apabila "Public Enquiry" itu akan diadakan untuk memulihkan keyakinan orang-orang awam terhadap tugas dan tanggungjawab Menteri yang berkenaan; dan
- (c) pampasan dan pertolongan telah diberi kepada mangsa-mangsa yang terkorban dan cedera dalam tragedi itu.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya tidak berhasrat untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini kerana saya telah pun memberi jawapannya di Dewan yang mulia ini pada 10 Mac, yang lalu Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa tujuan mengadakan Badan Penyiasatan Awam itu bukan bermaksud untuk memulihkan keyakinan orang-orang awam terhadap tugas dan tanggungjawab Menteri Pengangkutan sebaliknya untuk mencari sebab musabab berlakunya kemalangan tersebut untuk dijadikan panduan di masa-masa yang akan datang. Saya akan mengumumkan hasil-hasil

siyasatan Badan Penyiasat Awam apabila mereka telah siap menyediakan laporannya kemudian.

L/KPL. AWANG BUDIN SAMBAS—PENEMBAKAN

34. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan keputusan siyasatan ke atas L/Kpl. Awang Budin Sambas yang menembak mati 3 orang konstabel polis di Semporna, Sabah pada 8-2-1987. Peristiwa ini menunjukkan terdapatnya anggota-anggota Polis yang tidak berdisiplin dan tidak menurut perintah. Oleh itu diharap beliau jelaskan bagaimana orang awam dapat mengharapkan dan mempercayai perkhidmatan yang baik daripada anggota polis diraja yang kurang berdisiplin dan tidak mematuhi dan memahami undang-undang sendiri. Harap jelaskan juga langkah-langkah yang harus diambil untuk menjamin bahawa peristiwa sebegini tidak diulangi semula.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siyasatan polis menunjukkan kesan tersebut berlaku disebabkan emosi manusia yang tidak dapat dikawal.

PERISTIWA DI PENJARA PUDU/ KUALA LUMPUR/KUANTAN/ MELAKA

35. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah dan ikhtiar yang positif dari segi jangka pendek dan jangka panjang bagi mencegah berulangnya peristiwa seperti di Penjara Pudu, Kuala Lumpur, Kuantan dan Melaka baru-baru ini. Apakah bentuk tindakan yang telah, sedang dan akan diambil bagi memastikan tidak berulang lagi peristiwa seperti itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai tindakan, langkah jangka panjang dan jangka pendek termasuk tindakan-tindakan positif telah diambil bagi mengelakkan tahanan lari dari lokap polis, antaranya:

- (i) mempertingkatkan disiplin anggota polis;
- (ii) memperketatkan kawalan berasaskan peraturan yang sedia ada;
- (iii) mengambil tindakan tegas mengikut lunas undang-undang terhadap anggota polis yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan; dan
- (iv) memperbaiki dan mengubahsuaikan bentuk fizikal lokap-lokap polis.

Mengenai keselamatan di Penjara pula, ekoran dari peristiwa di Penjara Pudu dan Kuantan baru-baru ini beberapa tindakan dan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dilaksanakan termasuklah:

- (i) orang tahanan dan banduan dibawa seorang demi seorang sewaktu dirawat oleh Pegawai Perubatan yang juga diiring dan dikawal oleh tiga orang Pegawai Penjara;
- (ii) menggari tangan banduan dan orang tahanan apabila mereka perlu dirawat kecuali atas nasihat doktor;
- (iii) membina pagar keselamatan di kawasan-kawasan yang perlu;
- (iv) mengadakan jaringan besi pemisah di antara banduan

dan majistret semasa mahkamah bersidang; dan

- (v) satu Jawatankuasa Khas juga telah ditubuhkan untuk mengkaji langkah-langkah jangka panjang yang perlu diambil supaya masalah di Penjara dapat diatasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, pihak polis telah mengenalpasti bahawa kes penembakan oleh anggotanya di Semporna, Sabah baru-baru ini adalah disebabkan oleh emosi manusia yang tidak dapat dikawal bukannya akibat dari kelemahan peraturan dan garis panduan penggunaan senjata yang sedia ada.

MAMINCO—PENUBUHAN

36. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jika beliau sedia mengemukakan kepada Parlimen segala butir-butir berkenaan penubuhan MAMINCO, objeknya dan kerugian kepada negara kita akibat dari penubuhannya.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Dr Lim Keng Yaik): Suka saya nyatakan di sini bahawa penjelasan panjang lebar mengenai MAMINCO telah pun dibuat oleh Kerajaan di dalam Dewan ini pada 10 November 1986 dan juga pada 17 November 1986 semasa mengumpul perbincangan mengenai belanjawan Kementerian Perusahaan Utama bagi tahun 1987. Dengan yang demikian, saya tidak bercadang untuk mengulangkannya atau memberi apa-apa penjelasan tambahan dan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bolehlah merujuk kepada nota-nota yang berkenaan perkara tersebut yang telah diedarkan di dalam Dewan ini.

MAMINCO—KAWALAN JAWATANKUASA PENYELIA

37. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa arahan Kabinet supaya mengadakan suatu Jawatankuasa Penyelia untuk mengawal semua operasi MAMINCO tidak dilaksanakan;
- (b) mengapa MAMINCO gagal menyerahkan kira-kira tahunannya semenjak 1981;
- (c) mengapa Pendaftar Syarikat gagal mengambil tindakan terhadap Maminco kerana ia tidak menyerahkan kira-kira tahunannya; dan
- (d) sama ada adakah benar Yang Amat Berhormat sendiri mengarahkan Bank Bumiputra menyerahkan \$400 juta kepada MAMINCO tanpa apa-apa ikatan atau jaminan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua urusan Maminco telah dikawal oleh suatu Jawatankuasa Penyelia yang ditubuhkan atas arahan Kabinet. Oleh itu dakwaan bahawa arahan Kabinet telah tidak dilaksanakan adalah tidak benar.
- (b) Maminco tidak menyerahkan kira-kira tahunan kepada Pendaftar Syarikat disebabkan perlunya Kerajaan merahsiakan urusniaga Maminco. Kerajaan telah pun melalui kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 10hb November, 1986 di Dewan yang mulia ini menerangkan perlunya Kerajaan merahsiakan perkara ini.

Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa penubuhan, tujuan dan urusan Maminco telah diumumkan oleh Kerajaan, akaun Maminco sedang diaudit dan akan diserahkan kepada Pendaftar Syarikat seterusnya;

- (c) Adalah difahamkan bahawa Pendaftar Syarikat telah memberi beberapa peringatan kepada Maminco untuk mengemukakan penyata kewangannya; dan
- (d) Penjelasan ke atas perkara ini telah pun dibuat pada 9-3-1987, iaitu ketika saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung.

PUSPATI—KEMAJUAN

38. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan, kemajuan dan pencapaian Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI) dalam usaha penggunaan sains dan teknologi nuklear, penyelidikan-penyelidikan untuk kemajuan sosio ekonomi negara.

Tuan Kasitah Gaddam: Unit Tenaga Nuklear (UTN) ataupun dahulunya dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI), sebagai sebuah agensi Kerajaan adalah berperanan bagi mengatasi masalah-masalah negara serta berusaha untuk meninggalkan taraf sosio-ekonomi negara melalui penggunaan sains dan teknologi nuklear dalam sektor-sektor pertanian, perindustrian, perubatan dan sebagainya. Untuk memberi suatu gambaran yang menyeluruh mengenai perkembangan, kemajuan dan pencapaian Unit ini, di sini saya akan huraikan beberapa bidang dan aktiviti

penting yang mana UTN telah dapat memberikan sumbangannya.

(i) Perkhidmatan

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, UTN mempunyai sebuah reaktor penyelidikan yang telah beroperasi sejak pertengahan tahun 1982. Reaktor ini digunakan untuk menyediakan kemudahan penyinaran kepada institusi-institusi menyelidik serta universiti tempatan dalam menjalankan kajian analisa unsur-unsur dengan kaedah yang disebut analisa pengaktifan neutron serta khidmat ujian dengan suatu teknik yang disebut radiografineutron. Di samping itu reaktor itu juga telah digunakan untuk menghasilkan beberapa jenis radioisotop untuk kegunaan penyelidikan di dalam dan di luar UTN.

UTN juga telah disediakan dengan sebuah makmal tentukan alat pengesan sinaran bertaraf kebangsaan. Dengan adanya kemudahan ini, semua alat-alat pengesan sinaran yang ada di agensi-agensi Kerajaan ataupun swasta dapat dibuat tentukan di dalam negeri. Di samping itu UTN juga telah mengadakan makmal serta kakitangan terlatih dalam bidang instrumentasi nuklear yang mana dapat memberi pertolongan dan bantuan kepada agensi-agensi lain dalam pembaikan dan penyenggaraan peralatan nuklear. Sehingga kini, UTN telah memberi khidmat ini kepada agensi-agensi Kerajaan dan swasta seperti

MARDI, UPM, UTM, NTI dan ICI.

Dalam bidang perindustrian, UTN telah bergiat dalam usaha memperkemas khidmat-khidmat kepakaran, nasihat, "trouble shooting" dan rundingcara dalam bidang penggunaan sains dan teknologi nuklear. Antara lain, Perkhidmatan kepakaran teknik Ujian Tanpa Musnah (NDT) telah diberikan kepada pihak-pihak lain seperti MAS, KTM, Limbongan Kapal Lumut dan syarikat-syarikat perkhidmatan NDT di Malaysia. Di samping itu, khidmat kepakaran bagi kerja-kerja "trouble shooting" dengan teknologi penyurih juga dilaksanakan di industri-industri tempatan seperti industri kertas, simen dan kimia dalam usaha untuk meninggikan mutu dan pengeluaran barangan yang mana dapat meningkatkan pertumbuhan industri di negara ini.

UTN juga memberi khidmat dalam bidang keselamatan sinaran dan pengurusan sisa radioaktif. Kepakaran yang terdapat di UTN di dalam bidang ini telah dapat membantu Kerajaan dalam menganalisa aspek-aspek keselamatan sinaran dalam kes-kes tertentu yang dihadapi oleh negara.

(ii) Penyelidikan

Di dalam bidang penyelidikan, beberapa projek penyelidikan sedang dijalankan oleh UTN sama

ada secara bersendirian ataupun dengan kerjasama dengan institusi-institusi lain di dalam dan juga di luar negeri. Di antaranya ialah projek-projek kajian pergerakan sedimen di kawasan pelabuhan, kajian biakbaka mutasi, kajian hubungan tanah-tanaman, kajian penyinaran makanan, yang mana kebanyakan projek-projek ini dijalankan sebagai projek kerjasama di peringkat kebangsaan. UTN juga sedang berusaha untuk memindahkan beberapa aspek teknologi nuklear yang sesuai kepada pihak industri.

(iii) Latihan

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, antara tujuan UTN ialah untuk menyediakan kakitangan terlatih di dalam berbagai bidang sains dan teknologi nuklear. Dalam usaha untuk mencapai objektif ini, UTN telah menganjurkan beberapa kursus, latihan dan seminar kepada agensi-agensi Kerajaan dan swasta. Antara latihan-latihan yang dianjurkan ialah keselamatan sinaran, penggunaan teknik-teknik nuklear dan penyenggaraan peralatan nuklear. Di samping itu UTN juga menganjurkan latihan dan persijilan dalam bidang NDT dengan kerjasama Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK), Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) dan Jabatan Kilangan dan Jentera (JKJ).

Secara keseluruhan ingin saya nyatakan bahawa Kerajaan berpuas hati dengan perkembangan dan kemajuan aktiviti-aktiviti di UTN. Kerajaan akan terus memberi sokongan di dalam usaha UTN untuk memperluaskan penggunaan sains dan teknologi nuklear di dalam usaha pembangunan sosio ekonomi negara.

AKTA PEMBAHAGIAN 1975

39. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengambil kira meminda Akta Pembahagian 1975 (AM Act. A 281) (Distribution Act, 1975) dengan adilnya kepada perempuan yang telah berkahwin di Malaysia dengan mengadakan peruntukan yang sama bagi pembahagian harta peninggalan si mati perempuan yang meninggal dunia tanpa wasiat dengan pembahagian harta peninggalan si mati lelaki yang meninggal dunia tanpa wasiat di bawah Akta tersebut oleh kerana pada masa sekarang semua harta peninggalan si mati perempuan yang berkahwin dan meninggal dunia tanpa wasiat akan diberi kepada suaminya tidak kira sama ada atau tidak si mati ini mempunyai anak yang menanggung beliau.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Buat masa ini Kerajaan belum ada cadangan untuk meminda Akta Pembahagian 1975 oleh kerana Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan yang sedia ada mengenai perwarisan harta si mati sebagaimana terkandung di dalam undang-undang tersebut masih sesuai dipakai mengikut keadaan semasa.

Bagaimanapun Kerajaan tetap meneliti perkara ini mengikut perkembangan semasa dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika keadaan memerlukan.

SENJATAPI BAGI ANGKATAN TENTERA

40. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan sejumlah perbelanjaan untuk membeli senjatapi-senjatapi bagi Angkatan Tentera yang kini tidak digunakan, sebab-sebab ia tidak digunakan; dan apakah terjadi kepada senjatapi-senjatapi yang "obsolete" ini.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kementerian Pertahanan tidak pernah membeli senjata-senjata yang tidak boleh digunakan atau "obsolete" semasa ianya dibeli. Walau bagaimanapun tidaklah dinafikan ada senjata-senjata yang obsolete di dalam Simpanan Angkatan Tentera Malaysia tetapi senjata-senjata ini adalah senjata-senjata yang telah dibeli dalam tempoh 50an umpamanya SLR 0.30 MK4 dan Mk5 yang pada masa ini tidak digunakan lagi kerana diganti dengan senjata-senjata yang lebih moden sesuai dengan perubahan teknologi.

Jumlah perbelanjaan membeli senjata-senjata tersebut agak sukar diperolehi kerana ini melibatkan rekod-rekod pembelian yang lama iaitu lebih dari 30 tahun yang lepas termasuk senjata peninggalan Tentera British. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Senjata-senjata ini apabila diganti akan dihapuskan mengikut cara-cara yang ditetapkan oleh Peraturan Angkatan Tentera dan Arahan Perbendaharaan.

GERAI PASAR MALAM

41. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Wilayah Persekutuan menjelaskan apakah dasar yang diikuti oleh Majlis Daerah untuk membenarkan Cawangan UMNO mengutip \$1.00 atau \$200.00 dari gerai-gerai Pasar Malam. Apakah kebenaran yang sama akan diberikan kepada parti-parti politik lain untuk

berbuat demikian. Kalau tidak boleh, sila berikan sebab-sebabnya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Hampir semua Pasar Malam di Wilayah Persekutuan dibuka atau ditubuhkan oleh berbagai-bagai badan, sama ada Badan Politik, Persatuan Penjaja, Persatuan penduduk, Rukun Tetangga dan sebagainya. Badan-badan ini adalah menjadi penganjur dan bertanggung-jawab untuk menguruskan hal ehwal Pasar Malam, terutamanya dari segi membersihkan kawasan Pasar Malam itu selepas waktu perniagaan.

Untuk maklum Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab memberi kelulusan serta melesenkan Pasar-pasar malam ini. Selain daripada itu, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, juga bertanggungjawab ke atas segala aspek yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti penjajaan seperti menyusun, memastikan kebersihan dan mengelakkan kacau-ganggu.

Mengenai kutipan wang yang dilakukan oleh Badan-badan ini adalah memang benar berlaku. Kutipan wang ini adalah di antara \$0.50 ke \$1.00 bagi seorang penjaja. Tujuan badan-badan ini mengutip wang tersebut, adalah untuk membayar gaji pekerja yang membersihkan Pasar Malam selepas sahaja waktu berniaga tamat, serta untuk mengisi Tabung Badan masing-masing.

KEGIATAN PERJUDIAN DI SABAH

42. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak

berkenaan dengan perjudian teratur secara terbuka, yang salah di sisi undang-undang telah bermaharajalela di Sabah dan mengapakah pihak polis tidak cekap dan tegas dalam mengambil tindakan terhadap penganjur perjudian ini dan sama ada beliau tahu atau tidak bahawa pengurusan Dewan Masyarakat Sandakan yang di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Sandakan telah digunakan sebagai tempat perjudian terbuka dan kenapa pihak polis tidak ambil tindakan mendakwa Pengurus Dewan Masyarakat ini pada hal penjudi-penjudi yang diberkas oleh Polis di Dewan Masyarakat telah didenda oleh mahkamah majistret di Sandakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dakwaan Ahli Yang Berhormat menyatakan pihak Polis tidak mengambil sebarang tindakan bagi membendung kegiatan perjudian di Sabah adalah tidak benar sama sekali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1985 hingga bulan Februari 1987 sebanyak 181 serbuan dan 1642 tangkapan telah dibuat di seluruh negeri Sabah. Berkenaan dengan Dewan Masyarakat Sandakan yang telah dijadikan tempat perjudian, pihak polis telah pun mendakwa penganjurnya dan penjudi-penjudi yang terlibat. Mereka telah didapati salah dan didenda antara \$50.00 hingga \$1,500.00 seorang. Tindakan tidak diambil ke atas Pengurus dewan tersebut kerana beliau didapati tidak terlibat dalam penganjuran judi itu.

ELAUN PENEMPATAN KHAS

43. Tuan James Jimbun Pungga minta Perdana Menteri menyatakan sama ada tindakan telah diambil bagi memenuhi bayaran elaun penempatan khas kepada pegawai dari Sarawak yang dipindahkan bertugas di Semenanjung Malaysia di mana

rancangan ini telah pun diluluskan. Kalau tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajjib bin Ahmad): Elaun Penempatan Khas memang ada dibayar kepada pegawai-pegawai dari Sarawak yang ditempatkan berkhidmat di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 1978 lagi.

INDUSTRI PERTAHANAN

44. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) sejauh manakah usaha-usaha telah, sedang dan akan diambil untuk mewujudkan Industri Pertahanannya sendiri. Apakah contoh-contoh industri-industri pertahanan yang telah dan akan dilaksanakan.
- (ii) bagaimanakah pentingnya Industri tersebut dalam konteks ekonomi negara dan Industrisasi Pertahanan negara sendiri.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Usaha-usaha memang telah dibuat untuk mewujudkan industri pertahanan sejak awal tahun tujuh puluhan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah jawatankuasa di peringkat kebangsaan iaitu, Jawatankuasa Pengeluaran Pertahanan Negara (JPPN) telah pun ditubuhkan untuk menggalakkan penubuhan industri pertahanan. Jawatankuasa ini dibantu oleh 6 buah Jawatankuasa kecil dalam bidang persenjataan, bekalan, perhubungan, kapal, kapal terbang dan kenderaan untuk mengenalpasti alat pertahanan tertentu yang boleh dikeluarkan di dalam negara ini.

Industri pertahanan yang ada sekarang terdiri daripada apa yang asas dan yang penting kepada pertahanan seperti kemudahan

perkilangan, pengeluaran serta penyenggaraan.

Dalam konteks ekonomi negara kita, industri pertahanan merupakan satu bahagian yang kecil sahaja walaupun kemudahan yang sedia ada adalah penting dalam industri tersebut. Tujuan utama adalah untuk mengadakan pengeluaran pertahanan tempatan supaya negara kita berkemampuan semasa darurat dan dapat mengurangkan pergantungannya kepada pembekal luar negeri. Harus diingat pengeluaran dalam negeri tidak semestinya membawa kos yang lebih murah oleh sebab pasaran yang terhad kepada Pasukan Keselamatan sahaja, dan ini tidak memberi "economies of sale" kecuali kalau kita dapat menawan pasaran luar negeri.

KEMELESETAN EKONOMI MALAYSIA

45. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab utama terjadinya kemelesetan Ekonomi Negara Malaysia;
- (b) berapa peratuskah kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia semenjak tiga tahun kebelakangan ini dan tiga tahun akan datang; dan
- (c) apakah langkah-langkah dan rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Dr Siti Zahara bin Haji Sulaiman:

- (a) Pertumbuhan ekonomi negara telah terjejas akibat dari perkembangan ekonomi antarabangsa yang lembab, kejatuhan harga semua barangan utama yang berterusan serta batasan-batasan struktur yang terdapat dalam ekonomi negara.

Lebih pengeluaran serta permintaan yang lembab bagi barangan utama telah mengakibatkan harga barangan turut berkurangan. Kejatuhan harga ini di samping struktur eksport negara yang mempunyai asas yang sempit (narrow-based) telah menjejaskan pendapatan tukaran asing negara. Pelaburan sektor swasta yang dijangka memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi negara, juga telah mencatatkan pertumbuhan yang negatif, sektor awam pula telah menghadapi kedudukan kewangan yang terbatas. Ini telah memerlukan kita mengambil langkah-langkah untuk mengawal perbelanjaan dengan lebih ketat lagi.

- (b) Pertumbuhan purata ekonomi, diukur mengikut Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga sebenar bagi 3 tahun kebelakangan ini, iaitu 1983-85, adalah sebanyak 4.2 peratus setahun, iaitu 6.3 peratus dalam tahun 1983, 7.8 peratus dalam tahun 1984 dan 1.0 peratus dalam tahun 1985. Berasaskan kepada unjuran yang terkandung di dalam belanjawan 1987 yang telah dibentangkan, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1986 dianggarkan bertambah sebanyak 0.5 peratus, sementara dalam tahun 1987, ekonomi dijangka akan meningkat pada kadar 1.0 peratus. Walau bagaimanapun, pada masa ini ada terdapat tanda-tanda ekonomi yang menunjukkan ekonomi negara akan mencapai kadar pertumbuhan yang lebih baik. Pemulihan ini dijangka akan berterusan dalam tahun 1988.

(c) Sebagai langkah mengatasi kesan-kesan kemelesetan, satu Jawatanluasa Kabinet Mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara telah merangka sebanyak 48 perakaunan yang merangkumi langkah-langkah jangka pendek dan panjang untuk dilaksanakan dengan serta merta. Tujuan langkah-langkah ini termasuk:

- Meningkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengatasi pengangguran.
- Memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran menerusi peningkatan kegiatan ekonomi dalam negeri.
- Memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.
- Meningkatkan tabungan sektor swasta dan awam.
- Menggalakkan pertumbuhan pelaburan sektor swasta.

BIL AIR—BAYARAN TUNGGAKAN

46. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapa Jabatan Bekalan Air khususnya di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan belum menyelesaikan masalah pembayaran tunggakan bil-bil air untuk tempoh 1981-1985, mengapakah penghuni rumah dan kedai dibebani dengan tunggakan bil yang besar-besar lagi walaupun kebanyakan mereka mampu membuktikan pembayaran mereka, bukankah kejadian sebegini membuktikan bukanlah penghuni yang kurang kemas dan cekap sebaliknya Jabatan Bekalan Air yang sedemikian. Adakah cadangan membatalkan rancangan memungut tunggakan memandangkan semakin

lama semakin banyak masalah yang timbul.

Dato' S. Samy Vellu: Soalan yang serupa telah dijawab pada 10-3-1986 di dalam ucapan tangguhan, dan pada 16-3-1986 semasa soal jawab mulut.

PENGHIJRAHAN ORANG MELAYU KE BANDAR

47. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan mempunyai dasar penghijrahan orang Melayu ke bandar. Jika ada, sejauh manakah keberkesanan dan adakah program dan rancangan penempatan yang tersusun, terutama dari segi tempat tinggal dan kegiatan ekonomi.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai dasar yang khusus mengenai penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar. Walau bagaimanapun perkara ini terkandung di bawah dasar-dasar yang sedia ada seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kependudukan, Dasar Perbandaran dan Dasar Pembangunan Wilayah.

Trend penghijrahan penduduk ke bandar adalah tertumpu di bandar-bandar utama yang merupakan salah satu faktor utama menyebabkan pertumbuhan pesat penduduk bandar. Penduduk bandar dijangka bertambah pada kadar 4.2 peratus setahun, iaitu dari 5.9 juta pada tahun 1985 kepada kira-kira 7.3 juta menjelang tahun 1990.

Ini bermakna penduduk bandar bertambah dari 37.4 peratus kepada 40.7 peratus dari jumlah penduduk keseluruhannya dalam tahun 1986-1990.

Berbagai dasar dan program pembangunan sosio-ekonomi dilaksanakan oleh Kerajaan untuk faedah penduduk bandar serta penduduk-penduduk yang berhijrah

ke bandar. Di antaranya, program-program sosial seperti perumahan awam, terutama kos rendah, penempatan semula setinggan, penyediaan dan peningkatan taraf kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas dalam kawasan-kawasan setinggan serta memperbaiki kemudahan pelajaran dan kesihatan. Program-program ekonomi juga dilaksanakan bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor moden di bandar terutama di bidang industri, perkhidmatan dan perniagaan serta memberi kemudahan-kemudahan insentif tertentu di bidang perniagaan, terutama peniaga-peniaga kecil.

Di samping program-program yang tersebut di atas yang dilaksanakan di bandar-bandar yang sedia ada, program-program pembangunan bandar-bandar baru di bawah Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah penghijrahan dan penempatan penduduk-penduduk dari luar bandar. Program ini juga telah melibatkan penduduk-penduduk luar bandar di dalam kegiatan-kegiatan sektor moden yang produktif dan penempatan yang tersusun yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di bandar-bandar.

PENGARAH LEMBAGA PELESENAN PENGANGKUTAN JALAN SABAH/SARAWAK LANTIKAN

48. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah sebabnya kelewatan perlantikan Pengarah bagi LPPJ (Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan) Sabah. Kedua-dua kontrak Pengarah bagi LPPJ Sarawak dan Sabah telah tamat tempoh pada bulan September 1986. Di Sarawak Pengarah LPPJ dilantik pada masa yang sama sewaktu tamat

tempoh, manakala di Sabah, hingga sekarang, Februari 1987, sudah 5 bulan, belum ada Pengarah LPPJ Sabah untuk mengadakan mesyuarat dan mengemaskinikan permohonan-permohonan permit dan lesen yang sudah bertimbun. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerianya untuk mengatasi permohonan yang bertimbun ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Pertanyaan ini telah pun dijawab pada 10-3-1987 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat kawasan Tawau.

PETANI SISWAZAH

49. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pertanian menyatakan sambutan siswazah terhadap Rancangan Siswazah pertanian; berapa banyakkah rancangan pertanian seumpama itu telah dilaksanakan dan melibatkan berapa ramai siswazah.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Sambutan daripada siswazah-siswazah ke atas program petani siswazah setakat ini amatlah menggalakkan. Setakat ini 700 peserta terdiri daripada mereka yang berkelulusan ijazah, diploma dan sijil telah mendaftarkan diri dengan pusat sumber Unit Pelaburan dan Pensiwaan, Kementerian Pertanian. Dalam perbincangan dan penulisan yang terdapat di dalam media massa menunjukkan bahawa orang ramai menyambut baik langkah Kerajaan mewujudkan program petani siswazah. Setakat ini ramai daripada peserta-peserta yang datang ke Kementerian adalah bertujuan untuk mendapat maklumat-maklumat asas serta berbincang untuk mengenal pasti projek dan usahatani yang akan diterokai oleh mereka. Selanjutnya mereka yang mempunyai cadangan projek yang akan dijalankan terus menghubungi Jabatan/Agensi

berkaitan dan juga pihak-pihak lain seperti pihak berkuasa Kerajaan Negeri untuk membincangkan secara terperinci keperluan-keperluan teknikal, tanah dan kewangan.

Setakat ini seramai 20 orang siswazah dan beberapa orang belia yang lain sedang melaksanakan projek masing-masing termasuk 8 orang siswazah yang mengusahakan tanah yang disediakan oleh KEJORA. Perlu juga diingatkan bahawa terdapat juga ramai siswazah-siswazah yang melaksanakan projek mereka masing-masing atas dayausaha sendiri setelah mendapat maklumat-maklumat daripada pusat sumber dan Jabatan/Agensi yang lain. Adalah dijangkakan lebih ramai siswazah akan tampil ke hadapan dan melaksanakan projek masing-masing setelah diberi penjelasan dan ditanam keyakinan diri bahawa sektor pertanian dapat menjamin punca pendapatan lumayan sekiranya dijalankan dengan teliti dan diuruskan secara professional.

PEKERJAAN MELALUI IKLAN

50. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Buruh menyatakan apakah langkah-langkah diambil bagi mengawal penipuan dan penindasan yang dilakukan oleh agensi-agensi atau syarikat-syarikat tertentu dengan menyiarkan iklan-iklan kerja yang palsu.

Tuan Kalakau Untol: Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- Menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dan tidak begitu ghairah untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan yang disiarkan melalui iklan-iklan oleh mana-mana pihak, terutama sekali

iklan-iklan yang meminta orang ramai supaya terlebih dahulu menjelaskan bayaran tertentu semasa membuat permohonan.

- Menggalakkan orang ramai membuat laporan kepada pihak polis sekiranya terdapat pihak-pihak yang tertentu disyaki menyiarkan iklan-iklan pekerjaan dengan tujuan untuk menipu orang ramai, terutamanya melalui iklan-iklan dalam penerbitan tempatan.

RUMAH KOS RENDAH— PELAKSANAAN

51. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerangkan progress projek menyediakan rumah kos rendah sebanyak 80,000 unit setahun yang dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Adakah Kerajaan sedar bahawa projek ini walaupun dapat membantu rakyat yang berpendapatan rendah membeli dan memiliki rumah, sebenarnya menjadi petanding hebat kepada pemaju-pemaju perumahan dan akhirnya tidak dapat membantu pemaju perumahan dan pasaran perumahannya, kiranya beliau sedar apakah tindakan Kerajaan supaya projek Rumah Kos Rendah Kerajaan ini dapat membantu Pemaju-pemaju Perumahan yang ada dan seterusnya industri perumahan itu sendiri.

Puan Napsiah binti Omar: Sejumlah 246 projek atau 96,138 unit telah dirancang untuk pelaksanaan bagi tempoh tahun pertama (Jun, 1986 hingga Jun, 1987) di bawah program khas perumahan kos rendah. Setakat ini sebanyak 31,581 unit atau 33% berada di peringkat pembinaan rumah (termasuk kerja-kerja pertapakan). Baki 64,557 unit atau 67% berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Adalah dijangkakan sehingga Jun 1987 sebanyak 36,667 unit akan

berada di dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Adalah kurang tepat untuk menyatakan bahawa program khas merupakan petanding hebat kepada pemaju-pemaju perumahan yang sedia ada. Program tersebut dilaksanakan oleh pemaju-pemaju swasta sama ada di tanah persendirian atau di tanah yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bagi projek-projek di tanah persendirian di bawah Program Khas, persaingan memang ujud tetapi ianya dijangkakan tidak begitu hebat memandangkan bahawa pemaju berkenaan tidak akan melaksanakan projek di bawah program ini jika ia mendapati bahawa pasaran untuk rumah-rumah yang akan dibinanya adalah diragukan oleh sebab ujudnya projek-projek yang sedia ada.

Bagi projek-projek di tanah yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah program khas, projek-projek ini diadakan oleh sebab pemaju swasta tidak berapa berminat untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah di tanahnya. Sebab-sebab yang sering diberi ialah kos tanah yang tinggi dan keuntungan yang rendah. Oleh itu pelaksanaan projek-projek di tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah program khas tidak akan menjejaskan dengan banyaknya pemaju swasta di tanah persendirian.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa di tanah yang dimajukan di bawah program khas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, ujud juga rumah-rumah selain dari rumah-rumah kos rendah. Walau bagaimanapun adalah dipercayai bahawa bilangan projek seperti ini dan unit yang terlibat adalah tidak besar.

Di tempat-tempat tertentu mungkin ujud rumah-rumah kos rendah yang dibina di tanah persendirian yang

masih belum dijual dan di tempat-tempat ini Kerajaan Negeri menyediakan tanah untuk pelaksanaan projek di bawah program khas. Kes-kes seperti ini juga dijangkakan tidak banyak.

Oleh kerana program khas tidak merupakan petanding hebat kepada pemaju perumahan yang sedia ada, maka soal Kerajaan memberi bantuan kepada mereka tidak timbul. Walau bagaimanapun, pemaju-pemaju berkenaan yang belum memulakan projek boleh membuat permohonan untuk mendaftarkan projek mereka di bawah program khas untuk mendapatkan faedah-faedah tertentu.

PENDIDIKAN ISLAM

52. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kesedaran dan kebangkitan terhadap agama Islam adakah Kerajaan berhasrat untuk membina sekolah-sekolah asrama penuh dalam bidang pendidikan "Rabbani" yang akan mendidik anak-anak kita bukan sahaja dalam bidang agama tetapi juga dalam jurusan "profesional" yang lain. Dengan demikian insan yang terdidik bukan sahaja arif tentang Islam tetapi juga arif dalam semua bidang profesionalisme juga.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pendidikan yang ada hari ini sebenarnya boleh memenuhi kehendak falsafah berpendidik Islam itu sendiri, kerana apa yang kita tekankan dalam sistem pendidik merangkumi aspek ilmu, akhlak dan disiplin. Keutamaan memang diberikan kepada mata pelajaran Agama Islam dan suasana pembelajaran sekarang adalah menuju ke arah pembentukan insan saleh dan berilmu. Walau demikian, kita

memang bersedia untuk mengujudkan lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Menengah Agama berasrama penuh jika mempunyai kemampuan kewangan dan keperluan.

BELIA DI BIDANG PERTANIAN/ TERNAKAN

53. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini supaya belia-belia kita suka/berminat menceburkan diri di bidang:

- (i) Pertanian dan Ternakan;
- (ii) Perniagaan dan Pertukangan;

untuk mengatasi pengangguran dan berhijrah ke bandar-bandar.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menarik minat belia dalam bidang-bidang pertanian dan ternakan ialah mewujudkan Program Belia Peladang dan menganjurkan kursus-kursus seperti Bengkel Motivasi Belia Peladang dan Kursus-kursus Pengurusan Projek Pertanian. Di samping itu juga Pusat Latihan Belia Dusun Tua mengadakan kursus khas dalam bidang pertanian dan ternakan seperti Jurusan Pertanian Bersepadu dan Memproses Hasil Pertanian. Kementerian juga ada menghantar belia-belia berlatih di beberapa Pusat Latihan Pertanian dan Haiwan yang terdapat di dalam negara ini.

Mengenai bidang perniagaan dan pertukangan, Kementerian telah menjalankan Rancangan Belia Berniaga dan Rancangan Peniaga Kecil serta memberi kursus-kursus yang berkaitan dengan perniagaan seperti Kursus Dorongan Perniagaan, Kursus Melahir dan Membina Usahawan, Kursus Penyediaan Makanan, Kursus Pengurusan Peniaga-Kecil.

Kursus Pengurusan Pemasaran, Kursus Merancang Keuntungan dan Bengkel Motivasi Perniagaan Kementerian juga telah mengwujudkan Institut Belia Usahawan yang bertempat di Ipoh yang bertujuan memberi kursus khas untuk belia di dalam bidang keusahawanan. Setakat ini Kementerian telah melatih 29,902 dalam bidang usahawan.

Selain daripada menganjurkan kursus-kursus yang bercorak perniagaan itu, Kementerian juga melalui Pusat-pusat Latihan Belia di Dusun Tua dan Kuala Trengganu mengadakan Latihan Kemahiran di dalam Jurusan Pertukang seperti Ketuk-mengetuk dan Semburan Cat, Kimpalan Gas dan Arka, Tukang Kayu dan Tanggam, Pemasangan Paip Domestik dan beberapa jurusan yang bercorak mekanik.

Di samping itu Kementerian telah mengambil langkah bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Lembaga Pertubuhan Peladang, MARDI dan MARA dan juga bank-bank bagi mendorong dan menggalakkan belia-belia supaya mengambil peluang lain-lain kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi tersebut ke arah melahirkan belia-belia yang bekerja sendiri.

TAMBANG PENERBANGAN DI SABAH/SARAWAK

54. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu faktor penting kenapa tambang kapal penerbangan MAS di Sarawak dan Sabah adalah amat tinggi jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia ialah harga minyak petrol yang digunakan di Sarawak dan Sabah adalah amat tinggi; jika benar, apakah

perbezaan harga dan sebab-sebab perbezaan tersebut. Bolehkah Kerajaan membuat satu perjanjian di antara Sarawak dan Sabah Shell Berhad supaya minyak yang digunakan itu dibeli dari Shell Berhad, Lutong, Sarawak dengan harga yang sama sepertimana yang dikenakan di Semenanjung untuk mengurangkan kos minyak dan penurunan tambang kapal di Sarawak dan Sabah.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya sukalah menerangkan bahawa adalah tidak benar bahawa tambang-tambang penerbangan di Semenanjung adalah lebih murah berbanding dengan tambang-tambang penerbangan di Sabah dan Sarawak. Tambang-tambang yang dikenakan di dalam Negeri Sabah dan Sarawak sebenarnya adalah lebih rendah secara purata jika dibandingkan dengan tambang-tambang yang dikenakan di Semenanjung. Mengikut purata, tambang yang dikenakan di Sabah dan Sarawak ialah sebanyak 48 sen bagi tiap-tiap batu manakala di Semenanjung pula ialah 50 sen bagi tiap-tiap batu. Bagaimanapun, bagi sektor-sektor tertentu di Sabah dan Sarawak tambang dari segi kos sebatu adalah berbeza sedikit dari kos purata tersebut dan juga keadaan sama terdapat di sektor-sektor di Semenanjung. Perbezaan-perbezaan tambang ini bukanlah hanya disebabkan oleh harga kos minyak jet tetapi juga terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi kos pengendalian perkhidmatan udara seperti masa dan jarak penerbangan, jenis pesawat yang digunakan dan bayaran operasi lain seperti kos stesyen dan sebagainya yang juga menentukan sesuatu harga tambang penerbangan.

Bagi perbekalan minyak jet, MAS mengadakan kontrak perbekalan terus dengan pembekal-pembekal minyak seperti syarikat Shell, Petronas dan Esso. Di bawah kontrak tersebut, MAS dikehendaki membuat bayaran

pembekalan minyak berasaskan kepada harga-harga yang berbeza sebagaimana yang ditetapkan oleh syarikat pembekal minyak itu mengikut stesyen-stesyen pembekalan.

Oleh yang demikian, penentuan harga minyak adalah di luar kawalan MAS kerana harga minyak adalah terpulang kepada syarikat-syarikat pembekal itu untuk menentukannya mengikut keadaan pasaran dan tertakluk kepada kos-kos pengedaran, pengendalian, tenaga kerja dan sebagainya.

ROYALTI PETROLEUM

55. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk menaikkan peruntukan 5% (lima peratus) daripada pendapatan minyak ke Negeri Sabah. Jika tidak, mengapa.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Adalah dirasakan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebagai pendapatan minyak itu ialah royalti petroleum. Kerajaan tidak dapat memberi pertimbangan untuk menaikkan kadar royalti petroleum melebihi 5% seperti sekarang ini. Pertimbangan ini tidak dapat dibuat bukan sahaja kepada negeri Sabah tetapi juga kepada negeri-negeri lain iaitu Sarawak dan Terengganu kerana kadar 5% itu adalah berpatutan.

KEBAJIKAN SETINGGAN

56. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan akan merumuskan satu Dasar Kebangsaan untuk menyelesaikan masalah setinggan memandangkan masalah kekurangan tempat kediaman adalah teruk. Kalau tidak berikan sebab-sebabnya.

Mengapa kebajikan setinggan itu tidak dihiraukan oleh Kerajaan. Nyatakan juga sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengarahkan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah setinggan.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Adalah tidak benar Kerajaan tidak menghiraukan masalah dan kebajikan setinggan. Walaupun pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai suatu dasar yang khusus mengenai setinggan tetapi masalah dan kebajikan setinggan diambil kira dalam dasar-dasar umum Kerajaan seperti Dasar Kependudukan, Dasar Perbandaran dan Dasar Pembangunan Wilayah.

Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pusat sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjaga kepentingan dan kebajikan setinggan sekiranya sesuatu kawasan setinggan diperlukan oleh Kerajaan bagi maksud pembangunan dan kepentingan awam yang lain. Di antaranya, setinggan-setinggan yang terlibat akan diberi tapak gantian yang lain, dipindahkan ke rumah sementara, ditawarkan rumah awam kos rendah atau diberi bayaran ganti rugi atau sewajarnya. Malahan setengah-setengah kawasan setinggan, hakmilik tanah sementara telah dikeluarkan kepada penduduk-penduduk setinggan yang berkenaan. Di samping itu, berbagai-bagai program sosio-ekonomi dan kemudahan asas serta infrastruktur telah dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk setinggan.

Kerajaan amat menyedari masalah perumahan golongan berpendapatan rendah termasuk setinggan-setinggan. Itulah sebabnya Kerajaan baru-baru ini telah melancarkan Program Khas Perumahan Kos Rendah. Program ini bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi di samping menyediakan kemudahan perumahan kos rendah untuk golongan

berpendapatan rendah termasuk setinggan. Di antara projek-projek yang dilaksanakan di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah terletak di kawasan-kawasan setinggan terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Rumah-rumah yang dibina akan ditawarkan kepada setinggan-setinggan yang terlibat.

Memandangkan berbagai langkah positif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan maka adalah tidak perlu pada masa ini Kerajaan Persekutuan mengarahkan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah setinggan.

BANJIR DI KAMPUNG RAJA BERSIONG

57. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian melalui Jabatan Parit dan Tali Airnya memberitahu bilakah pihaknya akan mengorek dan membuang pasir-pasir di taliairnya di Kampung Kota Raja Bersiong, Ijok, Selama, Perak yang telah menyebabkan banjir yang parasnya hampir 9 kaki pada masa musim hujan dan menyusahkan pesawah-pesawah kerana pengaliran air terhad menurut sejarah pasir-pasir itu dikorek pada tahun 1952.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Banjir yang berlaku di Kampung Raja Bersiong pada musim tengkujuh adalah kerana sebahagian Ban Terusan Ijok telah runtuh akibat limpahan air Sungai Ijok.

Ban yang runtuh ini telah pun diperbaiki dan di samping itu satu cadangan telah dibuat untuk meluluskan liku-liku Sungai Ijok yang berkenaan supaya tidak mengancam Ban Terusan Ijok. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan sebaik sahaja keadaan kewangan mengizinkan.

TENDER BEKALAN AIR DI LUAR BANDAR

58. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah projek bekalan air luar bandar yang berjumlah 1.3 billion diberikan dengan cara "Tender" atas "Negotiated Tender". Apakah justifikasi pemberian kontrak tersebut kepada Syarikat Antah Biwater.

Dato' S. Samy Vellu: Soalan yang serupa telah pun dijawab di Dewan ini pada 9-3-1987.

PERMIT IMPORT MERCUN

59. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkenaan dengan pengeluaran permit mengimport mercun apakah dasar Kerajaan dalam hal ini demi untuk mengelakkan beberapa masalah yang mungkin timbul seperti rasuah dan pasar gelap.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Pengimportan mercun tidak dibenarkan. Tetapi baru-baru ini Kerajaan telah membuat keputusan untuk membenarkan pembakaran mercun semasa perayaan Tahun Baru Cina iaitu pada hari pertama dan kedua Tahun Baru Cina dan semasa Chap Goh Meh. Selaras dengan keputusan ini, Kerajaan telah meluluskan 44 lesen import untuk mengimport mercun.

Lesen import tersebut dikeluarkan secara bebas kepada sesiapa yang mempunyai permit Polis. Sejauh yang diketahui, tiada masalah seperti rasuah dan pasar gelap yang dilaporkan mengenai pengeluaran lesen import ini.

PROJEK LUAR BANDAR DI SABAH

60. Tuan Joe Ojhi Supiring minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapa peruntukan projek luar bandar di

Sabah selalunya lambat disalurkan ke Sabah. Kerana ini menyebabkan implementasinya lewat (Delay). Dan berapakah purata peruntukan bagi Negeri Sabah tiap-tiap tahun terutama sekali pada tahun 1987 bagi projek-projek Bandar.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Adalah tidak benar peruntukan pembangunan bagi projek luar bandar di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dikeluarkan lewat seperti didakwa. Setahu saya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) mengeluarkan peruntukan tersebut kepada negeri-negeri sebaik sahaja ia diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Menyentuh projek-projek yang lewat dilaksanakan berkemungkinan ia disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti masalah teknikal sesuatu projek-projek itu, keadaan cuaca dan mungkin juga oleh kerana masalah tersendiri yang dihadapi oleh pihak kontraktor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek berkaitan.

Purata peruntukan tahunan yang dikeluarkan bagi Negeri Sabah untuk program-program kemudahan asas luar bandar di bawah jagaan KPNLB seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air, Jalan Luar Bandar dan Menaikkan Taraf Jalan Kampung bagi jangka masa antara tahun 1981 hingga 1986 ialah \$26,129,971.17.

Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Peruntukan</i>
1981	19,837,000
1982	34,523,037
1983	27,912,570
1984	16,066,220
1985	25,941,000
1986	32,500,000

Jumlah peruntukan yang dicadangkan bagi tahun 1987 ialah \$23,080,000 juta. Peruntukan ini walau bagaimanapun bergantung kepada had bumbung RML yang akan ditetapkan oleh Kerajaan kelak.

KEMALANGAN KERETAPI— KESELAMATAN

61. Dr V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa rekod keselamatan Keretapi Tanah Melayu adalah tidak memuaskan kerana tambahan tiba-tiba dalam bilangan kemalangan yang membawa maut di lintasan-lintasan keretapi dan kejadian tergelincir landasan.
- (b) landasan-landasan keretapi kita telah dibina oleh pihak British lebih kurang 150 tahun dahulu, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk meningkatkan taraf keselamatan landasan-landasan lama ini.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman:

- (a) Rekod keselamatan Keretapi Tanah Melayu adalah bertambah baik dari masa ke semasa jika di lihat daripada bilangan kemalangan sama ada di lintasanrata keretapi ataupun kerana kegelinciran landasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tersebut jumlah kemalangan di lintasanrata dalam tempoh 6 tahun yang lalu adalah seperti berikut:
 - 1981—18 kematian (tren langgar bas)
 - 1982—Tiada
 - 1983—1 kematian (tren langgar lori)

1984—Tiada

1985—Tiada

1986—6 kematian (tren langgar kereta)

Sementara bilangan kegelinciran dalam tempoh yang sama juga adalah seperti berikut:

1981—144 kegelinciran

1982—134 kegelinciran

1983—101 kegelinciran

1984—74 kegelinciran

1985—48 kegelinciran

1986—47 kegelinciran

Ini menunjukkan bahawa jumlah kemalangan yang berlaku makin berkurangan dan rekod keselamatan KTM bertambah baik.

- (b) Umur landasan Keretapi Tanah Melayu lebih kurang 100 tahun, dan bukan 150 tahun seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini rangkaian landasan KTM sepanjang 1633 km. Usaha-usaha telah dan dijalankan untuk memperbaharui landasan tersebut di mana sepanjang 86 km landasan di utara telah pun diperbaharui dalam Rancangan Malaysia Ke-4. Sementara landasan sepanjang 288 km dari Slim River ke Butterworth telah dibaikpulih dengan menggantikan Kayu landasan yang buruk dengan yang baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-5, Kerja-kerja membaharui landasan sepanjang 250 km, rangkaian Sungai Yu—Tumpat sedang dijalankan. Begitu juga rangkaian Gemas/Paloh sepanjang 84 km sedang dijalankan. Kerja-kerja membaikpulih dan

memperbaharui landasan memerlukan perbelanjaan yang besar, dan di dalam keadaan kemelesetan yang berlaku sekarang, Kerajaan mungkin tidak dapat melaksanakan program tersebut sepenuhnya.

PROGRAM IADP

62. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah sesuatu kajian dibuat mengenai kekesan program IADP selepas 5 tahun diimplementasikan selain daripada peratusan peruntukan yang dibelanjakan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kajian mengenai kekesan program IADP tidak dijalankan selepas 5 tahun projek diimplementasikan, tetapi sebaliknya dijalankan selepas 5 tahun tamat tempoh pelaksanaan sesuatu IADP. Ini disebabkan impek sesuatu projek itu hanya dapat dikesan selepas beberapa tahun tamatnya tempoh projek di mana pembinaan infrastruktur dilaksanakan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—PEMOHON

63. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemohon perumahan awam kos rendah untuk disewa dan dibeli sehingga 28-2-1987;
- (b) jumlah bilangan unit perumahan awam yang akan siap untuk diduduki dalam tahun 1987;
- (c) memandangkan perumahan awam dalam Wilayah Persekutuan tidak menerima apa-apa peruntukan pembangunan 1987 apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan sektor

swasta akan menyegerakan projek pembangunan mereka dan mana-mana unit rumah yang masih belum dijual oleh sektor swasta akan disewakan kerana ramai orang tidak mampu membelinya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Merujuk kepada soalan (a), jumlah pemohon perumahan awam kos rendah untuk disewa berdasarkan permohonan melalui sistem pendaftaran terbuka di Jabatan Pengurusan Perumahan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sehingga bulan Mac, 1987 ialah seramai 51,503 pemohon. Di samping itu, jumlah permohonan untuk membeli rumah awam kos rendah sehingga bulan Mac, 1987 ialah seramai 21,229 pemohon. Jumlah ini adalah berdasarkan kepada permohonan-permohonan rumah berharga \$30,000 ke bawah.

Data-data ini adalah merupakan data terkumpul yang merangkumi bilangan mereka yang memohon dan telah mendapat rumah yang dikehendaki (cumulative figure).

Bagi soalan (b), pada tahun 1987 sejumlah 3,070 unit perumahan awam yang telah siap untuk diduduki di bawah projek sistem pembinaan yang diselenggarakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Di samping itu, adalah dianggarkan sebanyak 860 unit rumah panjang akan dibina dan dijangka siap pada tahun 1987.

Mengenai soalan (c), sukalah saya menegaskan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai program tertentu untuk menyelaras projek-projek perumahan di bawah program khas perumahan kos rendah, di mana pemaju-pemaju swasta yang bercadang untuk membina rumah kos rendah dalam jangka waktu 1986-1999, akan disenaraikan di dalam program

ini. Tujuan program ini adalah untuk memastikan agar sektor swasta dapat menyegerakan pelaksanaan projek pembangunan mereka.

Melalui program ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bertindak sebagai penyelarar kepada pihak swasta. Dalam hubungan ini, di antara peranan yang dimainkan oleh badan ini ialah:

- (i) Menasihati atau cuba mencari jalan/memberi pandangan kepada pihak swasta sekiranya mereka menghadapi masalah di dalam melaksanakan projek tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan projek berkenaan dapat dilaksanakan secepat mungkin dan mengikut perancangan.
- (ii) Memberi keutamaan kepada projek berkenaan di dalam mendapatkan kelulusan perancangan; dan
- (iii) Menyelaras dan "monitor" projek-projek melalui sistem Bilik Gerakan untuk membolehkan kerjasama dari lain-lain Agensi Kerajaan yang terlibat dengan projek itu dapat disatukan. Sistem Bilik Gerakan projek ini ditempatkan di Kementerian Wilayah Persekutuan.

Berkaitan dengan unit-unit rumah swasta yang masih belum dijual ini diserahkan kepada pihak pemaju sendiri untuk menentukan sama ada perlu disewa atau tidak. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memanjangkan maklumat mengenai pemohon-pemohon yang didaftarkan kepada pemaju supaya boleh dihubungi bagi dipertimbangkan untuk membeli rumah mereka.

BERNAMA—PENUBUHAN

64. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bidang kekuasaan dan struktur organisasi, serta fungsi-fungsi BERNAMA;
- (b) jumlah peruntukan yang diterima olehnya pada kebelakangan lima tahun ini; dan
- (c) jumlah kakitangan eksekutif, kategori C dan D di BERNAMA.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):

(a) Tujuan penubuhan BERNAMA seperti yang termaktub di bawah para 4 (1) Akta BERNAMA adalah:

- “ (i) mencari dan mengemukakan maklumat, berita, bahan-bahan berita atau rencana-rencana berita yang lengkap, benar dan saksama atas apa-apa perkara mengenai kepentingan awam dan bangsa di dalam dan di luar Persekutuan;
- (ii) membahagi-bahagikan maklumat, berita, bahan-bahan berita atau rencana-rencana berita itu kepada pelanggan-pelanggan dengan dikenakan bayaran sama ada berupa wang atau pertukaran berita atau kedua-duanya; dan
- (iii) melaporkan dengan sebenar dan saksamanya dengan tidak menyentuh kepentingan “awam dan bangsa, pendapat-pendapat segala golongan penduduk-penduduk Persekutuan.”

Ini bermakna bidang kuasa BERNAMA meliputi:

1. Menentukan mengikut budibicaranya untuk menerima dan mengagih berita dan bahan berita serta rencana antarabangsa, serantau dan lain-lain berita melalui langganan, bayaran atau mana-mana bentuk pertukaran berita;
 2. Pemilikan dan Penjualan harta alih dan tak alih. Pentadbiran BERNAMA dikendalikan oleh sebuah Lembaga Pengelola 13 orang yang terdiri dari ahli-ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dari kalangan Media dan agensi Kerajaan. Sementara kumpulan pengurusan diketuai oleh seorang Pengurus Besar. Di bawah Pengurus Besar terdapat empat jabatan penting iaitu Jabatan Pengarang yang diketuai oleh seorang Ketua Pengarang, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Setiausaha dan Perkhidmatan Teknikal dan Jabatan Komersial yang masing-masing diketuai oleh seorang Pengurus.
- (b) Jumlah peruntukan yang diterima sejak 1983 adalah:
- | | |
|-------|------------|
| 1983— | \$5.5 juta |
| 1984— | \$6.6 juta |
| 1985— | \$6.6 juta |
| 1986— | \$5.3 juta |
| 1987— | \$4.6 juta |
- (c) Jumlah kakitangan adalah:
- | | |
|-------------|------------|
| Kumpulan A— | 97 |
| Kumpulan B— | 57 |
| Kumpulan C— | 105 |
| Kumpulan D— | 87 |
| Jumlah— | <u>346</u> |

(Soalan No. 65. Sila lihat jawapan No. 29).

**GURU BESAR SEKOLAH
RENDAH JENIS KEBANGSAAN
(CINA) YEONG CHANG,
BATU PAHAT**

66. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa Kementerianya meminta keputusan Pejabat Pelajaran Johor serta menolak rayuan dan hasrat Ibubapa-ibubapa murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yeong Chang, Sg Suloh, Batu Pahat, untuk menukar Guru Besar sekolah itu ke sekolah yang lain.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pelajaran adalah wakil Kementerian Pelajaran di negeri Johor. Bila timbul isu berhubung dengan Guru Besar SRJK(C) Yeong Chang, Sg Suloh, Batu Pahat, sudah sewajarnya Kementerian Pelajaran meminta Jabatan Pelajaran tersebut menjalankan penyiasatan yang lengkap dan melaporkannya kepada Kementerian Pelajaran. Dalam pada itu Kementerian Pelajaran juga mendapat maklumbalas daripada punca-punca yang lain.

Keputusan yang dibuat didasarkan kepada maklumat-maklumat ini dan mengutamakan kepentingan pelajaran murid-murid di sekolah tersebut dan kemajuan pelajaran amnya, di negara ini.

**PELAN INDUK PEMBANGUNAN
PENJARA**

67. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada suatu Pelan Induk untuk pembangunan Penjara seluruh Negara pernah dibuat. Nampaknya keadaan dan perancangan yang sedia ada tidak sebaik dan secukup yang diharapkan bagi menghadapi masalah-masalah yang lebih mencabar dan "sophisticated" pada masa kini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penjara Malaysia mempunyai cadangan untuk pembangunan penjara di seluruh negara.

Walau bagaimanapun oleh kerana kedudukan ekonomi yang tidak mengizinkan maka pembinaan bagi beberapa buah penjara baru yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan buat masa ini.

PENYAKIT LELAH (ASTHMA)

68. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau menimbang untuk menambah penyakit lelah (asthma) ke dalam senarai penyakit di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Tuan Kalakau Untol: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, penyakit lelah (asthma) telah pun dimasukkan ke dalam Jadual Kelima Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) (DR. 1/87) yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 10hb Mac, 1987.

**SALINAN AWARD MAHKAMAH
PERUSAHAAN**

69. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Buruh menyatakan mengapa orang ramai tidak boleh membeli salinan-salinan award Mahkamah Persekutuan.

Tuan Kalakau Untol: Adalah tidak benar salinan-salinan award atau Keputusan Mahkamah Perusahaan tidak dapat diperolehi untuk orang ramai. Semua Keputusan Mahkamah Perusahaan dicetak dan dijilidkan setiap bulan menjadi sebuah buku yang dikenali sebagai Laporan Undang-undang Perusahaan (Industrial Laws Reports). Laporan ini dihantar kepada

semua pelanggan tetap di mana bayaran langganan tahunan yang dikenakan adalah sebanyak \$150.00 setahun.

Laporan ini boleh diperolehi daripada Malaysian Current Law Journal Sdn Bhd. beralamat Lot No. 12, Tingkat Bawah, Bangunan Straits Trading, 50700 Kuala Lumpur (No. tel: 2939885).

PEKERJAAN KEPADA GRADUAN

70. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberi peluang pekerjaan kepada semua graduan-graduan dari Universiti-universiti Tempatan dan Luar Negeri, dalam tahun-tahun yang akan datang memandangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam tahun 1986 tidak begitu menggalakkan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Sebenarnya soalan seperti ini telah pun dijawab pada 18 Mac, 1987 di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa Kerajaan sedang merancang untuk mengadakan beberapa program yang difikirkan sesuai bagi mengujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk siswazah-siswazah yang akan tamat pengajian dari Universiti-universiti dalam dan luar Negeri di tahun-tahun yang akan datang. Bagaimanapun masalah pengangguran adalah satu masalah nasional, maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak membantu mengatasi masalah ini. Bagi siswazah-siswazah yang berkenaan pula, mereka hendaklah mengubah sikap kepada bersedia menggunakan ilmu-ilmu yang dipelajari untuk berdikari tanpa terlalu bergantung

kepada Kerajaan untuk menyediakan pekerjaan.

JABATAN BOMBA— PERKHIDMATAN

71. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pihak Kementerian berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Bomba bagi memadam, mencegah kebakaran, melindungi nyawa dan harta benda. Kalau tidak, apakah usaha-usaha bagi memperbaiki keadaan ini.

Puan Napsiah binti Omar: Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Taib, suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi mutu dan tahap pencapaian Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam memadam, mencegah kebakaran, melindungi nyawa dan harta benda yakni sesuai dengan pembangunan negara, pembesaran kawasan bandar, pertumbuhan kawasan-kawasan industri dan kewujudan bandar-bandar baru. Ini termasuklah dengan menambahkan jumlah anggota, kereta bomba bertangki dan pembinaan balai-balai bomba baru.

Di samping usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan lagi prestasi Jabatan ini, Kerajaan juga menitikberatkan usaha untuk menyedarkan orang ramai dan majikan-majikan terhadap kepentingan pencegahan kebakaran. Ini termasuklah dengan mengadakan Minggu Kempen Mencegah Kebakaran (yang telah dijalankan sejak tahun 1984), Penubuhan Pasukan Bomba Gotong-Royong, Penubuhan Unit-unit Kawalan Kebakaran di Bangunan-bangunan Tinggi dan Mengadakan Ceramah-ceramah kepada orang ramai.

**UCAPAN PERDANA MENTERI
DI PERSIDANGAN OIC—
SAMBUTAN**

72. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi dunia-dunia Islam terhadap ucapan tegas terhadap perpaduan Islam dan ukwah Islamiah yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini di Persidangan OIC yang diadakan di Kuwait.

Dato' Rais Yatim: Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Sidang Kemuncak Islam di Kuwait baru-baru ini telah mendapat sambutan baik dan penghargaan yang tinggi dari pemimpin-pemimpin negara Islam. Ucapan tersebut yang berthematik kepada teras perpaduan ummah dan dakwah Islamiah telah menerangkan dengan jelas akan sikap kita serta perlunya kerjasama dalam OIC ke arah mencapai tujuan dan cita-cita sebagaimana tercatat dalam Piagam OIC. Dalam hal ini negara-negara anggota bukan sahaja perlu bekerjasama dan bersefahaman di bidang-bidang politik, ekonomi dan kebudayaan bahkan juga dalam bidang dakwah Islamiah.

**PERWIRA HABIB BANK—
KENYATAAN**

73. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam dakwaan-dakwaan mengenai amalan-amalan curang dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam Perwira Habib Bank yang menyebabkan bank tersebut mengalami kerugian besar; sama ada mereka yang bersalah telah dibawa ke muka pengadilan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perwira Habib Bank telah pun membuat kenyataan akhbar bahawa laporan-laporan polis telah

pun dibuat hasil daripada penyiasatan ke atas tuduhan-tuduhan kecurangan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai-pegawainya. Pada masa ini, penyiasatan sedang dijalankan oleh pihak berkuasa polis dan mereka yang terlibat akan dibawa ke muka pengadilan.

**SYARIKAT YANG DIMANSUHKAN
PENDAFTARANNYA**

74. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah syarikat-syarikat dan firma-firma yang telah ditutup atau dimansuhkan pendaftarannya pada tahun 1986;
- (b) diletakkan di bawah "receivership" pada tahun 1986; dan
- (c) didaftarkan untuk perniagaan pada tahun 1986.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Mengikut rekod di Pejabat Pendaftar Syarikat, pada tahun 1986, sejumlah 248 syarikat telah dimansuhkan pendaftarannya, 175 syarikat telah diletakkan di bawah "receivership" dan 9529 telah didaftarkan.

Senarai nama-nama syarikat berkenaan adalah terlalu panjang untuk diumumkan di Dewan yang mulia ini.

**PEGAWAI KERAJAAN AKTIF
DALAM POLITIK**

75. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan dalam Kategori "A" yang bergiat secara aktif dalam politik jumlah kakitangan Kerajaan dalam Kategori "B", "C" dan "D" yang mendapat kebenaran dari Pengarah Jabatan atau Jabatan

Perkhidmatan Awam untuk melibatkan diri dalam politik yang aktif.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Setakat ini Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengenalpasti seramai 274 orang kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan "A" yang dilaporkan bergerak cergas dalam politik.

Bagi kakitangan Kerajaan Kumpulan "B", "C" dan "D" di dalam Perkhidmatan Bukan Gunasama, Jabatan ini tidak mempunyai maklumat jumlah mereka yang dibenarkan bergerak cergas dalam politik kerana rekod-rekod ini disimpan di Kementerian masing-masing. Bagi kakitangan Kumpulan "B", "C" dan "D" dalam Perkhidmatan Gunasama, sehingga kini Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah memberi kebenaran seperti berikut:

Kumpulan "B"—4

Kumpulan "C"—9

Kumpulan "D" --

KAKITANGAN KERAJAAN DALAM PARTI POLITIK

76. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada jumlah bilangan kakitangan Kerajaan dalam setiap Gred atau Kumpulan yang mengambil bahagian dalam parti-parti politik, iaitu (a) UMNO (b) MCA (c) MIC (d) Gerakan (e) PPP (f) SUPP (g) PBB (h) USNO (i) PBDS (j) PBS (k) SNAP (l) HAMIM, dengan memegang jawatan ataupun menjadi ahli biasa.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Kerajaan tidak pernah mencatat rekod keahlian kakitangannya di dalam parti-parti politik. Oleh yang demikian maklumat yang dikehendaki itu tidak dapat diberi. Maklumat yang ada hanyalah bagi maksud tindakan tatatertib yang melibatkan 274 pegawai

Kumpulan A yang dilaporkan mengambil bahagian cergas dalam politik.

GRED SEKOLAH RENDAH DI SARAWAK

77. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerianya mengetahui bahawa ada beberapa buah Sekolah Rendah dalam Bahagian Ketujuh, Sarawak belum digezetkan dengan Perbendaharaan untuk membayar elaun tanggungan dan sebahagiannya kepada Guru Besar.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Sekolah Rendah di Negeri Sarawak telah digredkan. Jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan terdapat di senarai Perjawatan 1987 Kementerian Pelajaran. Oleh itu tidak terdapat sebarang sekolah yang belum digredkan lagi (digezetkan).

PENANAM TEMBAKAU

78. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan jumlah penanam-penanam tembakau mengikut negeri-negeri;
- (b) jumlah hasil pendapatan tahunan dari perusahaan menanam tembakau; dan
- (c) sama ada kita menjual tembakau kita ke luar negeri (export) dan jika ada sila nyatakan hasil pendapatan tahunan.

Dato' Dr Lim Keng Yaik:

- (a) Jumlah penanam-penanam tembakau yang telah mendaftar dengan Lembaga Tembakau Negara mengikut negeri-negeri

pada tahun 1986 ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Keluarga</i>
Kelantan	31,151
Terengganu ..	8,423
Kedah	3,306
Perlis	3,156
Pahang	639
Melaka	925
Johor	141
Negeri Sembilan	57
Jumlah ..	<u>47,798</u>

- (b) Jumlah hasil pendapatan dari perusahaan menanam tembakau pada tahun 1986 ialah \$82,552,343 dalam bentuk nilai daun hijau dan \$167,192,497 dalam bentuk nilai daun kering.
- (c) Kita tidak ada dan belum lagi mengeksport tembakau kita ke luar negeri.

BANGUNAN ST. JOHNS CATHEDRAL—MEMPERBAIKI

79. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan sempurna dan jangka panjang yang akan diambil untuk membaiki retakan-retakan dan pecah-pecah di Bangunan St. Johns Cathedral di Bukit Nenas yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan bangunan Telekom di sebelahnya. Apakah jaminan diberi kepada pihak gereja itu bahawa Jabatan Telekom Malaysia dan/atau Syarikat Telekom Malaysia Berhad akan bertanggungjawab Bangunan St. Johns Cathedral adalah selamat dan tidak akan runtuh-roboh pada masa akan datang.

Tuan Ong Tin Kim: Juru perunding bagi projek Syarikat Telekom Malaysia berkenaan telah berbincang dengan pegawai bangunan St. Johns Cathedral

pada 24 Februari 1987 di mana kedua-dua belah pihak telah bersetuju dengan tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang akan diambil bagi menjamin keselamatan bangunan gereja itu.

Tindakan-tindakan itu telah dan sedang diambil dan satu sijil pengesahan keselamatan ke atas bangunan itu akan dikeluarkan oleh Jurutera Struktur (Structural Engineer) Juru perunding projek berkenaan setelah kerja-kerja berkenaan selesai dilaksanakan.

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH

80. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan cadangan Kementerian tersebut untuk membuka rancangan pembangunan tanah bagi tahun 1987. Sila nyatakan jenis tanaman komoditi yang akan terlibat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Bagi tahun 1987, empat buah agensi di bawah Kementerian (Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah) akan melaksanakan rancangan pembangunan tanah. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) akan melaksanakan pembukaan tanah baru dan menempatkan peneroka-peneroka. Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) pula melaksanakan pemulihan dan penyatuan tanah terutama sekali bagi tanah-tanah terbiar, dan pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) akan melaksanakan program penanaman semula getah. Agensi-agensi lain iaitu DARA, KEJORA, KETENGAH, KEDA, PERDA dan JENGKA tidak akan melaksanakan rancangan

pembangunan tanah tetap akan melaksanakan pembangunan infrastruktur, perbandaran dan pelaburan.

Jadi, mengikut perancangan bagi tahun 1987, FELDA akan membuka seluas 33,996 hektar tanah baru, KESEDAR akan membuka seluas 3,076 hektar, FELCRA akan memulih dan menyatukan seluas 31,964 hektar tanah terbiar dan RISDA akan menanam semula getah seluas 32,380 hektar.

Jenis tanaman komoditi yang terlibat mengikut agensi-agensi ialah seperti berikut:

Agensi	FELDA (Hektar)	KESEDAR (Hektar)	FELCRA (Hektar)	RISDA (Hektar)	Jumlah (Hektar)
<i>Jenis Tanaman</i>					
Kelapa Sawit	27,080	1,436	26,174	11,333	66,023
Getah ..	2,939	1,640	2,743	19,428	26,750
Koko ..	3,867	3,867	3,047	—	6,914
Kopi ..	110	—	—	—	110
Tanaman-tanaman lain	—	—	—	1,619	1,619
Jumlah ..	33,996	3,076	31,964	32,380	101,416

BERAS DISERANGI ULAT/ SERANGGA

81. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah sebab-sebabnya, beras yang dijangkiti ulat dan serangga yang dijual di seluruh Sabah oleh Lembaga Padi Nasional (LPN) Sabah pada bulan Februari ini tidak didedahkan. Apakah sebab-sebab ini dalam golongan Rahsia Rasmi.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Kementerian ini sedar bahawa terdapat beras yang diserangi ulat dan serangga telah dipasarkan dalam bulan Februari 1987 di Sabah. Jumlah beras tersebut adalah sebanyak 500 tan metrik sahaja dan dikeluarkan dari gudang LPN Likas. Beras ini telah seterusnya dijual oleh peruncit-peruncit di kawasan Kota Kinabalu dan

kawasan pendalaman iaitu Keningau dan Ranau. Beras sebanyak 500 tan metrik tersebut hanya merupakan sebahagian kecil sahaja, iaitu 5% daripada jumlah beras yang dipasarkan oleh LPN Sabah setiap bulan. Oleh itu tidaklah benar dakwaan Yang Berhormat bahawa semua beras yang dijual dalam bulan Februari 1987 dijangkiti oleh ulat dan serangga dan tidaklah juga benar bahawa beras yang dijangkiti itu telah dijual di seluruh Sabah.

Berkait dengan mengapa beras tersebut dijangkiti ulat dan serangga, adalah dimaklumkan bahawa beras itu ialah sebahagian daripada beras sebanyak 3,090 tan metrik yang disusun di dalam satu stek. Selain daripada beras 500 tan metrik tersebut, beras lain dalam stek itu tidak dijangkiti oleh ulat dan serangga. Dengan demikian, apabila beras dikeluarkan daripada stek tersebut, kedua-dua beras yang dijangkiti dan tidak dijangkiti telah dikeluarkan.

Ekoran kepada kejadian tersebut, LPN telah mengambil tindakan menentukan bahawa beras yang baik sahaja dijual kepada pemborong-pemborong dan beras yang dijangkiti serangga dibersihkan semula terlebih dahulu sebelum dijual.

INDUSTRI TEMBAKAU

82. Tuan Mohamad Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemajuan "Industri Tembakau" tempatan sangat-sangat menggalakkan kebelakangan ini. Kalau sedar nyatakan jumlah dan nilai keluaran dari tiap-tiap negeri yang menanam tembakau di negara kita ini tiap-tiap 3 tahun kebelakangan ini dibandingkan dengan jumlah dan nilai yang diimport dari luar negeri. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan "kuota Import" kepada tembakau luar negeri sebagai satu dari

usaha kepada penggalak kepada "Industri Tembakau" di dalam negeri.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Saya memang sedar bahawa industri Tembakau Awetan Pemanas Malaysia (TAPM) telah mengalami kemajuan yang menggalakkan, terutamanya pada tahun 1986, di mana pengeluaran mencapai 12.87 juta kg. berbanding dengan kuota sebanyak 11.4 juta kg. yang diageh.

Mengenai perbandingan jumlah dan nilai keluaran dari tiap-tiap negeri yang menanam tembakau di negara kita bagi tiap-tiap 3 tahun kebelakangan ini dengan jumlah dan nilai yang diimport, saya memohon izin Tuan Yang di-

Pertua supaya maklumat-maklumat terperinci ini disampaikan secara bertulis (dilampirkan sebagai Lampiran I) kerana ia melibatkan angka-angka yang banyak dan akan memakan masa Dewan yang mulia ini jika dinyatakan.

Pencapaian kemajuan industri tembakau yang menggalakkan di kebelakangan ini adalah hasil daripada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan keadaan cuaca yang baik. Walau bagaimanapun Kerajaan akan terus mengawasi perkembangan industri tembakau dan sedang menyusun langkah-langkah sewajarnya bagi menentukan kemajuan industri ini dapat ditingkatkan lagi.

LAMPIRAN I

JUMLAH DAN NILAI KELUARAN TEMBAKAU
MENGIKUT NEGERI DAN TEMBAKAU IMPORT
1984-1986

<i>Perkara</i>	1984		1985		1986		
	<i>Jumlah (Juta kg.)</i>	<i>Nilai (Juta \$)</i>	<i>Jumlah (Juta kg.)</i>	<i>Nilai (Juta \$)</i>	<i>Jumlah (Juta kg.)</i>	<i>Nilai (Juta \$)</i>	
DALAM NEGERI	Kelantan	4.930	57.594	5.781	76.955	8.997	117.735
	Terengganu	1.281	15.163	1.612	21.440	2.564	32.530
	Kedah	0.323	4.079	0.655	8.718	0.528	6.735
	Perlis	0.256	3.236	0.538	7.304	0.400	5.214
	Pahang	0.048	0.515	0.177	2.384	0.204	2.627
	Melaka	0.019	0.216	0.146	2.082	0.141	1.765
	Johor	0.003	0.035	0.008	0.115	0.026	0.332
	Negeri Sembilan	0.003	0.034	0.007	0.092	0.010	0.135
	Jumlah Dalam Negeri	6.863	80.872	8.924	119.090	12.870	167.073
Jumlah Import	4.422	82.928	5.534	98.700	5.489*	94.146*	

* Sehingga 31 November 1986.

TAMBANG PENERBANGAN KE SABAH

83. Tuan Gerald Math Lee Min minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa adalah lebih murah bagi rakyat Sabah untuk melancong ke Negeri Filipina dan demikian juga bagi penduduk-penduduk Semenanjung Malaysia apabila mereka melancong ke Negeri Thai dan Singapura;
- (b) jika benar, sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk mengurangkan tambang kapal terbang antara Negeri Sabah dan Semenanjung Malaysia bagi menggalakkan lagi pelancong-pelancong tempatan untuk melancong di Negara sendiri bagi menyekat mata wang ringgit daripada mengalir ke negara-negara asing;
- (c) sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk mencadangkan lebih banyak pusat-pusat pelancongan bagi mempertingkatkan lagi industri pelancongan di Negeri Sabah.

Dato Kok Wee Kiat:

- (a) Adalah tidak benar bahawa tambang penerbangan untuk melancong bagi perjalanan dari Sabah ke Filipina atau ke Singapura adalah lebih murah daripada tambang penerbangan untuk melancong dari Sabah ke Semenanjung Malaysia. Saya ingin menerangkan bahawa tambang-tambang khas yang disediakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bagi tujuan pelancongan yang diadakan dalam berbagai bentuk atau jenis tambang seperti "Advance Purchase Excursion Fare", "Night Tourist Fare", "Family Fare", "Group Fare"

dan sebagainya mempunyai potongan diskaun di antara 15% hingga 50% daripada tambang-tambang biasa pada sektor-sektor berkenaan. Kadar-kadar tambang ini adalah jauh lebih rendah daripada kadar tambang pelancongan yang terdapat bagi perjalanan dari Sabah ke Filipina ataupun ke Singapura. Begitu keadaannya di Semenanjung Malaysia di mana kadar tambang pelancongan ke Sabah dan Sarawak adalah jauh lebih rendah dari kadar ke Bangkok. Sungguhpun demikian, bagi sektor-sektor tertentu seperti dari Kuala Lumpur ke Singapura ataupun Pulau Pinang ke Haadyai, tambang penerbangan adalah lebih murah daripada tambang penerbangan ke Sabah dan Sarawak. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kos operasi dalam pengendalian perkhidmatan udara perlulah mengambil kira beberapa faktor termasuk jarak jauh di antara dua buah tempat.

- (b) Dengan adanya berbagai-bagai jenis tambang pelancongan yang memberi peratus diskaun yang tinggi saya percaya bahawa orang ramai akan mengambil peluang untuk menggunakan tambang-tambang ini bagi melawat tempat-tempat di negara sendiri. Sungguhpun demikian, Kerajaan dan MAS akan sentiasa mengawasi tambang-tambang ini dan mengambil langkah-langkah bagi mempertingkatkan lagi insentif-insentif bagi menggalakkan pelancongan tempatan. Di samping itu melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) satu program percutian istimewa yang meliputi Sabah dan Sarawak telah diadakan di

samping lawatan melalui Feri Malaysia. Program percutian istimewa yang dipeloporkan oleh TDC itu memang bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia bercuti di dalam negeri dengan harga yang murah dan berpatutan.

- (c) Perbadanan Kemajuan Pelancongan telah pun melaksanakan Kajian Pelan Induk Pelancongan bagi Negeri Sabah dalam tahun 1980. Kajian ini telah pun mengenaltentu beberapa kawasan yang boleh dimajukan untuk pelancong seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti Kota Kinabalu sebagai pintu masuk utama ke Sabah dan mencadangkan kemudahan-kemudahan hiburan, restoran, tempat-tempat menarik dan aktiviti perairan di Kota Kinabalu.
- (ii) Memajukan Sandakan untuk pelancongpelancong yang ingin melihat keindahan alam semula jadinya.
- (iii) Memajukan Kudat dan kepulauan di Utara Sabah sebagai kawasan rekreasi dan peranginan.
- (iv) Meningkatkan kawasan Semporna yang mempunyai sumber-sumber laut dan batu karang.

Dengan adanya kajian pelan induk ini pihak-pihak tertentu serta pihak swasta adalah digalakkan melaksanakan projek-projek yang telah dikenalpasti itu.

PINJAMAN BANK KEPADA BUMIPUTERA

84. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab kenapakah sering kita mendengar bahawa banyak bank-bank perdagangan tidak begitu ghairah memberi pinjaman kepada bumiputera dan sekiranya quotanya tidak dipenuhi mereka yang sanggup membayar denda kepada Bank Negara dan apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil mengenai hal ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Semua bank perdagangan dikehendaki memberikan sebahagian dari jumlah pinjamannya kepada Bumiputera. Dalam tahun 1986, bank-bank dikehendaki memberikan sekurang-kurangnya 20% dari jumlah pinjaman mereka pada 31hb Disember, 1986. Bank perdagangan secara keseluruhannya dapat memberikan 32% dari jumlah pinjaman mereka pada 31hb Disember, 1985 kepada Bumiputera berbanding dengan keperluan minimum 20%. Dalam tahun 1986, pinjaman yang diberikan kepada Bumiputera meningkat sebanyak 10.4% iaitu merupakan 43.3% dari jumlah pinjaman baru yang diberikan oleh bank perdagangan. Sebagai denda, bank-bank yang gagal mematuhi garis panduan ini akan diminta meletakkan jumlah yang kurang itu di Bank Negara selama satu tahun pada kadar faedah penalti yang akan diputuskan oleh Bank Negara.

Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa bank-bank lebih suka untuk denda, kerana denda secara meletakkan jumlah yang berkurangan itu di Bank Negara dengan faedah penalti akan memberi kesan kepada kedudukan pembiayaan bank dan juga keupayaan mendapatkan pulangan. Sebagai tambahan, bank yang gagal untuk mematuhi garis panduan pinjaman

tidak akan diberi perhatian wajar dalam permohonan mereka untuk membuka pejabat-pejabat cawangan.

PENGHARAMAN MEMBAKAR MERCUN

85. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah muslihat Kerajaan menarik balik pengharaman membakar mercun di musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya dan lain-lain perayaan yang diumumkan beberapa hari sebelum perayaan Tahun Baru Cina yang baru saja lalu, memandangkan ekonomi negara yang kian mencabar ini di mana rakyat seluruh negara telah sama-sama tertekan. Bukankah membakar mercun itu sama juga membakar wang yang sepatutnya digunakan dengan berfaedah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penarikan balik pengharaman pembakaran mercun pada musim perayaan Tahun Baru Cina dan lain-lain perayaan baru-baru ini dibuat oleh Kerajaan tanpa apa-apa muslihat. Penarikan balik pengharaman pembakaran mercun itu dibuat atas permintaan orang ramai dan setelah mengambil kira keadaan keselamatan negara yang bertambah baik. Saya juga berpendapat bahawa membakar mercun sama dengan membakar wang. Sungguhpun begitu terpulanglah kepada orang ramai bagaimana hendak menggunakan wang mereka dengan sebaiknya. Jika mereka berpendapat membakar mercun akan memberi kepuasan kepada mereka maka Kerajaan tidaklah dapat menghalang.

RACUN SERANGGA BERTOKSID—KAWALAN

86. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau menerima satu memorandum daripada

Persatuan Pengguna-pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) berhubung cadangan pindaan ke atas undang-undang dan amalan berhubung penggunaan dan kawalan racun serangga bertoksik, jika ada, apakah tindakan yang telah Kerajaan ambil ke atas memorandum tersebut. Minta Menteri menyatakan butir-butir bilangan kes racun serangga untuk tahun-tahun 1980 hinggalah ke tahun 1986.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Memorandum bertajuk "Occupational Safety and Health in Agriculture" telah diterima pada bulan Mei 1986 yang lepas, dan ulasan dari Jabatan Pertanian mengenainya telah dikemukakan pada saya pada 5 Jun 1986. Ia juga telah dikaji oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak di mesyuaratnya pada bulan Ogos 1986.

Pada keseluruhannya cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam memorandum ini telah pun diambil kira oleh Lembaga di dalam aktiviti-aktiviti kawalan racun perosak. Satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan di bawah Lembaga untuk merangka Kaedah-kaedah Racun Makhluk Perosak (Pelesenan Bagi Penjualan dan Penyimpanan Untuk Jualan) 1987, bagi mengawal kedai-kedai dan premis yang menjual dan menyimpan racun perosak. Kaedah-kaedah Racun Perosak (Pembelian, Penyimpanan atau penggunaan Racun Makhluk Perosak Amat Berbisa) 1987 telah siap dirangka dan sedang diteliti oleh pihak Peguam Negara. Bilangan kes-kes akibat keracunan bagi tahun 1980-1986 adalah sentiasa dikesan oleh Kementerian Kesihatan.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—DAKWAAN

87. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan

mengapa Bank Negara gagal melaksanakan kuasa-kuasanya di bawah Peraturan 8 dalam Peraturan Perlu (Perlindungan Pendeposit-pendeposit) 1986 bagi membeku dan menyerah semua harta-harta kepunyaan pengarah-pengarah koperasi yang disyaki, didakwa atau ditahan kerana melakukan kesalahan-kesalahan bersangkutan dengan skandal koperasi.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat harta dan aset ahli-ahli pengarah Koperasi Pengambilan Deposit yang disyaki, didakwa ataupun ditahan kerana melakukan kesalahan berhubung dengan koperasi, telah masih lagi dibekukan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit) 1986. Dengan pembekuan ini, semua urusan ataupun penjualan harta dan aset tersebut, tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran Bank Negara. Oleh yang demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Bank Negara gagal melaksanakan kuasa-kuasanya di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit-pendeposit) 1986, adalah tidak benar.

AGRICULTURAL PARK

88. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Pertanian menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan "Agricultural Park". Bagaimana ianya memberi faedah pembangunan sektor pengeluaran makanan pada masa hadapan. Bagaimana pula pekebun kecil mendapat munafaat daripadanya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Secara amnya Agricultural Park yang dimaksudkan merupakan satu taman tumbuh-tumbuhan atau aboretum yang mengandungi himpunan pelbagai

jenis tumbuhan kayu-kayan, buah-buahan, tumbuhan perubatan (medical plants) dan sebagainya yang terdapat dari pelusuk negara kita. Jenis-jenis tanaman/tumbuhan ini akan dilabel dari segi nama saintifik dan nama amnya untuk pengetahuan dan pelajaran bagi orang awam, pelancong-pelancong, pelajar-pelajar dan ahli-ahli akademik yang melawat ke taman ini. Selain dari tanaman/tumbuhan tersebut, taman bunga-bunga termasuk orkid-orkid liar juga akan ditanam di mana-mana kawasan yang sesuai. Kolam-kolam ikan, insectory, taman burung-burung, kebun sayur-sayuran tertentu boleh juga diadakan. Pada asasnya segala "flora dan fauna" negara dapat diadakan dalam taman ini.

Projek ini secara tidak langsung boleh memberi faedah pembangunan sektor pengeluaran makanan pada masa hadapan dan seterusnya memberi munafaat pekebun kecil/petani-petani di negara ini. Ini kerana taman pertanian yang akan diwujudkan di samping mempunyai daya penarik ia juga merangkumi unsur-unsur pembelajaran yang boleh diambil teladan oleh para pelawat. Beberapa kawasan terpilih di dalam taman pertanian berkenaan akan ditanam dengan tanaman buah-buahan secara komersial dengan amalan corak pertanian moden. Di samping untuk mendapatkan hasil bagi menampung perbelanjaan penyelenggaraan taman berkenaan ianya juga bertujuan untuk dijadikan model corak pertanian yang betul dan menguntungkan. Ini sudah tentu akan memberikan ilham kepada pelabor dan juga pekebun kecil bahawa tanaman makanan jika diusahakan dengan baik akan mendatangkan keuntungan. Dengan ini taman pertanian diharap dapat menambahkan lagi keyakinan dan minat para pelabor dan pekebun kecil tentang potensi keuntungan dalam sektor pertanian.

MENAHAN ORANG YANG DISYAKI

89. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan yang dibuat oleh pihak polis kepada mahkamah di bawah Seksyen 117, "Criminal Procedure Code" bagi maksud untuk menahan orang-orang yang disyaki terlibat dengan jenayah dari tahun 1982 ke tahun 1986 dan dari semua jumlah ini, berapa jumlah permohonan ini yang diberi kebenaran oleh mahkamah; dan
- (b) jumlah orang-orang yang disyaki yang ditahan seterusnya dan kemudiannya dibebaskan oleh pihak polis tanpa sebarang dakwaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan yang dibuat oleh pihak polis di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah (Criminal Procedure Code) dari tahun 1982 hingga 1986 ialah 83,618. Dari jumlah tersebut sebanyak 78,498 telah dibenarkan.
- (b) Dalam tempoh yang sama sejumlah 33,864 telah dibebaskan tanpa sebarang dakwaan.

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas point of order 86 (3) dan saya rujuk kepada Aturan Urusan Mesyuarat hari ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, point of order 86?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 86 (3), dan saya sebut kepada Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini mengenai risalah-risalah yang ada dibentangkan dibawa ke dalam mesyuarat DR. 1 mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Bagi Kira-kira Kerajaan Persekutuan, 1982 dan Peraturan 86 (3) yang berbunyi:

"sesuatu penyata atau penyata khas Jawatankuasa Pilihan bersama-sama dengan peringatan perjalanan mesyuarat dan peringatan apa-apa keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa hendaklah dibawa ke dalam mesyuarat oleh Pengerusi atau ahli lain yang diwakili oleh Jawatankuasa itu dan hendaklah diperintahkan terbentang di Meja Majlis dan dicap dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat."

atau dengan izin:

"A report or special report together with the minutes of the proceedings of a Select Committee."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tak payahlah ulang, kita faham Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang:and the minutes of any evidence taken before that Committee. . . .itu ialah verbatim proceedings dan apa yang ada di hadapan kita ialah laporan, syor-syor, minit-minit, tetapi tidak ada verbatim proceedings. Dan inilah satu laporan yang tidak lengkap, yang tidak mengikut Peraturan Mesyuarat dan tidak membenarkan Ahli-ahli Parlimen untuk mengkaji laporan-laporan ini

supaya mahu bahas atau apa-apa tujuan dan tentulah sangat susah untuk Ahli-ahli Parlimen untuk faham Laporan ini tanpa verbatim proceedings yang dikehendaki dan yang diwajibkan oleh Peraturan 86 (3). Khasnya apabila kita baca Bank Bumiputra Malaysia Berhad, skandal BMF, sangat susah untuk mengikuti dan tentulah itu tak lengkap dan tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat dan saya meminta satu ruling bahawa Laporan ini yang dibentangkan di bawa ke Dewan ini tidak mengikut peraturan Mesyuarat dan dibatalkan dan dengan arahan apabila Parlimen bersidang satu laporan yang lengkap dengan apa yang dikehendaki oleh peraturan 86 (3), dengan verbatim proceedings dibawa supaya Ahli Parlimen boleh baca, faham, kaji dan mungkin mahu kemukakan satu usul untuk bahasa sekarang tidak boleh. Itu "crippled report, handicapped report", dengan izin, dan tidak mengikut Peraturan. Saya harap perkara ini boleh diputuskan supaya kita boleh mengikuti Peraturan Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, perkataan verbatim itu di mana?

Tuan Lim Kit Siang: 86 (3), ada 3.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, itu interpretasi sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Ada 3 bahagian. Satu penyata ialah penyata laporan, satu penyata bersama-sama dengan peringatan perjalanan mesyuarat iaitu minutes of proceedings.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, minutes tidak bermakna "verbatim", Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu ada, minutes of proceeding itu ada. Itu bahagian yang tertentu. Ada lagi bahagian yang ketiga, "dan peringatan apa-apa keterangan yang diambil. . . ."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, and the minutes of any evidence.

Tuan Lim Kit Siang: Minutes of any evidence tidak ada di sini, apa-apa minutes of evidence tidak ada di sini dan kita mengikut kelaziman, baik pun di House of Commons atau di Dewan Rakyat yang mulia ini, minutes of evidence ialah "Verbatim" tetapi sekarang setengah verbatim pun tidak ada, dan ini tentulah kita tidak boleh pergi luar daripada apa yang biasa, oleh kerana itu mustahak. Saya percaya tentulah verbatim proceedings akan dibawa ke Dewan yang mulia ini tetapi hendaklah bersama-sama, tetapi sekarang ini "bit and pieces, dengan izin, susah untuk mengikuti, faham dan itu tanggungjawab kita supaya kita mahu mengikuti Peraturan.

Saya percaya Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tidak berpendapat bahawa tak payah verbatim proceedings, mungkin lagi tiga bulan, enam bulan tetapi mahu bersama-sama, oleh kerana kita boleh mengikuti Peraturan, orderly dan bukan setengah-setengah, crippled report, handicapped report, semua datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, kita akan siasat perkara ini dan buat satu ruling.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

RANG UNDANG UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atau masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (19hb Mac, 1987).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

4.08 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya menyambung ucapan saya dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Hakcipta 1987. Kelmarin, Tuan Speaker, saya ada merujuk Fasal 42 dalam Rang Undang-undang ini. Fasal 42 ada memperuntukkan bahawa affidavit dan akaun berkanun boleh digunakan sebagai *prima facie* tentang fakta-fakta yang terkandung di dalamnya apa-apa prosiding di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, apabila saya berucap atas perkara ini kelmarin, saya ada membangkitkan kes Frank Foster yang ada di dalam Mahkamah Tinggi Pulau Pinang baru-baru ini dan dalam kes itu, Tuan Speaker, keterangan melalui satu Statutory Declaration, dengan izin, ada digunakan dalam Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi ada bertindak atas apa yang ada dalam Statutory Declaration itu dan Frank Foster yang ada dituduh di bawah Seksyen 39B telah dibebaskan daripada tuduhan di bawah mana yang beliau ada didakwa. Apa yang mustahak, Tuan Speaker, dalam perkara ini dan juga apa yang ada sekarang dalam Fasal 42 risiko yang

ada dalam keadaan apabila affidavit surat sumpah boleh digunakan sebagai keterangan dalam satu kes jenayah.

Tuan Speaker, dalam peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang depan kita ada hukuman berat. Ada satu peruntukan yang ada memperuntukkan 20 tahun penjara, Tuan Speaker. Ini bermakna oleh kerana hukuman yang ada terkandung dalam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 20 tahun itu di mana, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: 20 tahun itu Tuan Speaker, ada dalam.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Merujuk kepada Fasal 43?

Tuan R. Karpal Singh: Ya, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Fasal 43?

Tuan R. Karpal Singh: Fasal 41.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 41kah atau 43?

Tuan R. Karpal Singh: 41 pun ada juga, Tuan Speaker. Ada dalam tempat-tempat lain juga. Fasal 41, muka surat 43 dalam Bahasa Malaysia, Tuan Speaker—“dalam hal kesalahan di bawah perenggan (g), denda tidak melebihi \$20,000 pada setiap perekaan. . . dengannya kesalahan telah dilakukan. . . .” dan akhirnya dalam sub-seksyen itu, Tuan Speaker, “penjara bagi tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): 41, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: 41.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Lihat 43-3 tahun..

Tuan R. Karpal Singh: Di mana tiada penalti khas, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau tidak ada penalti dalam mana-mana peruntukan, oleh itu penalti yang ada terkandung dalam 43, tetapi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berkaitan dengan 42.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): yang berhubung ialah 43.

Tuan R. Karpal Singh: Maksimum penalti yang boleh dijatuhkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: 20 tahun!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak apa, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Can't understand (*Ketawa*). Fasal 43—“Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah akta ini. . . .”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, makna saya

Tuan R. Karpal Singh: “atau mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada penalti khas diperuntukkan, apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$25,000 atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, makna saya di bawah 42 tiada penalti; kalau tidak katakan di sana yang berkaitan ialah 43.

Tuan R. Karpal Singh: 42. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Di bawah 42, apakah penalti, di mana?

Tuan R. Karpal Singh: 42 bukan sangkut dengan penalti, tetapi sangkut dengan affidavit yang boleh diterima dalam keterangan dalam satu kes (*Tepuk*). 42 bukan berkenaan kesalahan; di bawah 42 tidak ada kesalahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Itulah jadi jikalau satu lawyer di sana, satu lawyer di sini tentu begitu. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana, Tuan Speaker, ada penalti, apa yang saya cakap tadi, dan juga saya pegang kuat dengan pendirian itu sampai sekarang. Walaupun Tuan Speaker ada memberi penjelasan tadi, oleh kerana ada satu penalti yang serius begitu 20 tahun, ini jadi life imprisonment, dengan izin, di bawah undang-undang—20 tahun. Oleh itu, Tuan speaker, jikalau diadakan peruntukan sepertimana yang ada sekarang affidavit (surat sumpah) boleh digunakan, Tuan speaker, ini jadi satu masalah yang serius dan oleh kerana itu saya merayu kepada Timbalan Menteri yang berkenaan untuk mengambil berat atas peruntukan itu dan juga apa yang saya ada sentuh kelmarin, Tuan Speaker, mengenai apa yang dua orang rakyat Jerman ada buat dalam kes Frank Foster. Tindakan dua orang dari negara Jerman ini ada mengecilkan sistem undang-undang kita dalam negara ini. Dan bukan dua orang Jerman ini sahaja yang ada cuba mengecilkan sistem kita, Tuan

Speaker, tetapi ada juga lagi satu rakyat Australia, satu orang bernama Frank Galbally.

Tuan Speaker, jikalau kami ada peruntukan yang ada dalam Fasal 42 sekarang boleh jadi orang-orang dalam negara lain tidak akan hormati sistem kami dan sepetimana Frank Galbally ini apa yang beliau ada buat dalam negara Australia tentu kejadian seperti itu boleh berlaku dalam negara-negara lain. Apa yang penting, Tuan Speaker, tentu kami ada satu sistem undang-undang, satu sistem kehakiman yang ada peruntukan-peruntukan yang munasabah. Dalam perkara Frank Galbally ini, Tuan speaker, jikalau saya boleh berucap sedikit sebanyak atas tajuk ini.

Tuan Speaker, Frank Galbally adalah satu lawyer—lawyer terkenal atau tidak saya tidak tahu—saya sendiri ada keraguan atas itu. Tetapi, lawyer ini, Tuan Speaker, pada akhir tahun 1985 dalam satu kes di mana saya ada mewakili satu pelanggan saya Kevin John Barlow yang telah didakwa dalam mahkamah di bawah seksyen 39B—Barlow dan juga satu lagi rakyat Australia, Geoffery Chambers.

Tuan Speaker, lawyer ini datang ke negara kita di bulan Disember 1985. Dia datang di sini oleh kerana ibu bapa Kevin John Barlow menyuruh beliau untuk datang ke negara kita untuk membantu saya dalam kes rayuan di Mahkamah Agung dalam bulan Disember 1985. Pada 17hb Disember, 1985, lawyer ini, Frank Galbally ada menyatakan dalam Mahkamah Agung apabila hari itu Mahkamah itu sudah ditangguhkan. Lawyer ini ada berani dalam Mahkamah dan dalam masa itu, Tuan Speaker, ada wartawan tempatan dan juga asing dalam Mahkamah itu, ada peguam lain di sana, rakyat Australia pun ada di sana, lawyer ini Tuan Speaker, ada menggunakan perkataan “blame it on your bloody system”, dengan izin. Rakyat Australia ini lawyer dari negara itu berani

menggunakan perkataan seperti itu atas Mahkamah Agung kita dalam negara ini.

Saya ada membangkitkan perkara ini, Tuan Speaker, di hadapan Mahkamah Agung dan Mahkamah Agung ada memutuskan. Permohonan yang saya ada buat terhadap lawyer ini, Tuan Speaker, jadi satu permohonan untuk sabit lawyer ini dimasukkan dalam Penjara Pudu atas satu tuduhan menghina Mahkamah Agung kita.

Dalam hujah-hujah saya, Tuan Speaker, saya ada merayu kepada Mahkamah Agung untuk memberi peluang kepada lawyer ini untuk membela diri atas tuduhan yang saya ada bangkitkan dan mengikut sistem kita Mahkamah Agung ada memberi peluang kepada lawyer ini untuk menjawab atas tuduhan yang ada berbangkit terhadap beliau. Masa itu, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan?

Tuan Woon See Chin: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini penjelasan atau point of order atau.

Tuan Woon See Chin: Peraturan Mesyuarat 35 (6), Tuan Yang di-Pertua: “Seorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan tepat bagi dirinya,jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu.”

Tuan R. Karpal Singh: Nampaknya ini bukan lawyer di sana. Rakyat Australia ini Kevin John Barlow. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat.

Keputusan saya bahawa perkara ini telah habis diselesaikan dalam mahkamah dan beliau masa bercakap ini tidak ada kepentingan kewangan dan saya minta Yang Berhormat teruskan. *(Tepuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Itu betul, Tuan Speaker. Boleh jadi Timbalan Menteri ini tidak baca suratkhbar atau dengar apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan sahajalah.

Tuan R. Karpal Singh: MCA sudah hancur, tetapi lagi berani mahu cakap apa yang tidak ada apa-apa makna.

Tuan Woon See Chin: *(Bangun)*

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan atau point of order?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 35 (6), ini berkaitan dengan pecuniary interest.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat di sana cabar Tuan Speaker sekarang. Keputusan Tuan Speaker sudah dicabar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Kami tentu bela diri Tuan Speaker, jangan takut *(Tepuk)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan kepada tajuk, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, bukan kes ini juga sudah selesai. Apa yang dikatakan oleh Tuan Speaker tadi bukan sudah selesai. Kevin John

Barlow dan Chambers sudah digantung—habis. Tetapi apa yang mustahak, Tuan Speaker, atas satu perkara yang mahu serius, Mahkamah Agung kami telah dihina oleh seorang rakyat Australia.

Boleh jadi Timbalan Menteri itu mahu jadi seorang permanent resident di Australia oleh kerana mahu bantu satu lawyer negara di sana. Bolehkah jadi bermakna itu? Dan juga Timbalan Menteri di sana mahu pergi ke mana? India *(Ketawa)*.

Jangan main-main MCA sudah mati, lagi baik dikebumikan. Jangan kacau. Ada apa-apa lain? Jikalau tidak, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Teruskan, ya *(Tepuk)*.

Tuan Speaker, lawyer ini bila bela diri atas tuduhan menghina Mahkamah Agung ada minta maaf dalam Mahkamah terbuka, Mahkamah Agung kita ada terima itu. Dia minta maaf. Sistem kami begitu, Tuan Speaker, jikalau seorang minta maaf kami tunggu untuk timbang. Dan oleh itu Mahkamah Agung buat satu kesilapan besar sekali. Bila lawyer ini minta maaf tidak ada apa-apa keikhlasan, tidak ikhlas permintaan itu oleh kerana hari itu juga lawyer ini pergi balik ke negara beliau dan dua, tiga hari selepas itu lawyer ini ada berani hentam, menghina lagi sistem kami.

Dari Alor Setar tidak berani untuk buat demikian di sini. Jikalau lawyer ini mahu temui dengan saya di mana-mana pun boleh Tuan Speaker, saya terima itu, tetapi kelakuan dan sikap satu orang lawyer begini bolehkah kami maafkan?

Tuan Speaker, saya ada tulis satu surat kepada "The Victorian Bar".

Masa itu saya ingat “celaka” ini jadi satu ahli Victorian Bar tetapi apabila saya dapat jawapan dari Victorian Bar, Timbalan Pengerusi Victorian Bar itu, Encik E. W. Gillan Q. C., beliau ada jawab baru-baru ini surat yang saya hantar kepada Pengerusi Bar itu dan beliau.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Penjelasan?

Dato Kok Wee Kiat: Boleh beri atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu Yang Berhormat dari Jelutong, apa kaitan dengan perkara itu dia berbangkit dengan Rang Undang-undang Hakcipta?

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau kami boleh ada peruntukan, bukan apa yang ada dalam Fasal 42, ada lain. Saya bangkitkan itu selepas saya sudah habis dengan Fasal 42. Jikalau kami boleh ada satu sistem dalam mana ada satu peruntukan seperti yang ada dalam Fasal 42, sistem kami tentu kena hentam oleh negara-negara lain. Oleh kerana itu, Tuan Speaker, saya membangkitkan perkara ini di sini, jangan buat kesilapan, jangan beri peluang kepada negara-negara lain untuk menghina sistem kami. Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, jikalau peruntukan seperti yang ada dalam Fasal 42, jikalau apa yang ada di sana jadi undang-undang, boleh jadi masa depan ini jadi satu punca kritikan oleh negara-negara lain. Apa yang saya katakan tadi, Tuan Speaker, jawapan yang saya terima dan jawapan ini tidak payah saya bacakan semua sekali di

sini. Apa yang diperkatakan oleh Vice-Chairman E. W. Gillet O. C.:

I appreciate your concern particularly in the light of the apology which was tendered to the Malaysian Supreme Court. However, Mr. Galbally is not a member of the Victorian Bar and according to the Council there is no jurisdiction in respect of him. Mr Galballu practises pursuant to a practising certificate issued by the Law Institute of Victoria which is the body empowered to enforce those rules of professional conduct which apply to persons holding practising certificates.

Oleh itu, Tuan Speaker, kelmarin saya ada hantar sepucuk surat aduan serupa sepertimana yang saya hantar kepada Victorian Bar kepada The Law Institute of Victoria untuk mengambil tindakan atas lawyer ini. Tuan Speaker, apa yang ada dikatakan oleh lawyer ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat berkenaan, sukacita saya memberi satu balasan yang baik, saya harap dia boleh menunjukkan apa kaitan kes yang personal, dengan izin, dia dengan Australian Bar atau Victorian Bar dengan perkara Hakcipta.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut, ini negara Australia, bukan Canada *(Ketawa) (Tepuk)*. Boleh nafikan tidak ada buat permohonan untuk jadi permanent resident di sana *(Tepuk)*—Berdiri.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat. . .

Tuan R. Karpal Singh: Ada atau tidak, boleh nafikan atau tidak—habis, boleh?

Dato Kok Wee Kiat: Itu bukan satu cross examination dalam Mahkamah.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh nafikan?

Dato Kok Wee Kiat: Yang Berhormat hendak dapat penjelasan atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Bukan, boleh nafikan? Tidak buat permohonan?

Dato Kok Wee Kiat: Kalau tidak berani mendengar penjelasan, jangan cabarlah, itu angin sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan angin-bukan angin, saya buat satu tuduhan sekarang itu betul. Oleh kerana itu tidak berani untuk nafikan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat berkenaan kalau dia benar berani.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh nafikan?

Dato Kok Wee Kiat: Jangan menuduh di dalam Dewan yang mulia ini—ada banyak tempat keluar.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh nafikan?

Seorang Ahli: Yes or no?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Ahli dari Jelutong, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berani, ini jadi ahli-ahli MCA. Tuan Speaker, bukan negara ini negara beliau. Negara lain, bukan dia sahaja, ada banyak yang lain. Dia mahu main-main dengan sistem kita ini. Saya teruskan, Tuan Speaker (*Tepuk*). Lawyer ini, Tuan Speaker, Timbalan Menteri tadi cakap tidak ada kaitan. Ini jadi satu perkara

personal. Ini bukan jadi satu perkara personal. Mahkamah Agung ada dihina oleh lawyer ini. Apa yang saya kata tadi, Tuan Speaker, dia boleh hentam saya, tidak apa, saya hentam dia, boleh (Ketawa), tetapi dia mahu hentam Mahkamah Agung. Mahkamah Agung tidak ada peluang, oleh kerana dalam sistem kita, hakim-hakim tidak boleh terlibat dalam satu public controversy. Yang Arif Ketua Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Agung dan juga Ketua Hakim Negara baru-baru ini ada dalam kenyataan, ada bercakap dalam satu public controversy beliau tidak boleh ambil bahagian. Jikalau hakim tidak boleh, kami sebagai seorang officer of the court—dia pun satu lawyer, bukan? Saya hairan, Tuan Speaker, dia tidak cuba pertahankan sistem kehakiman kami. Ini bukan satu perkara personal apa yang saya katakan tadi. Lawyer ini berani cakap dalam satu article yang ada di sini.

Dato Kok Wee Kiat: Point of order. Peraturan 36 (1), saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh memberi satu keputusan, sama ada perkara ini ada berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya rasa Ahli dari Jelutong terlampau panjang memberi contoh-contoh, cuba ringkaskan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya boleh, Tuan Speaker, terima kasih. (*Tepuk*) Bila hentam sistem kita, lawyer Frank Galbally ini ada cakap—"Certainly it was very sad, but a wonderful experience in many ways to see how some other countries get on rough justice to their extreme and the little concern for human life."

Jikalau itu bukan satu cabaran kepada sistem kehakiman kami, saya tidak tahu apa cabaran lain yang lebih serius daripada cabaran ini.

Tuan Speaker, kelmarin di Pulau Pinang, Duta Australia di sini, Encik David Evans, ada cakap, jika saya boleh baca apa yang ada dalam STAR. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri maksud sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Beliau bercakap, Tuan Speaker, apa yang ada dikatakan oleh Frank Galbally jadi pandangan persendirian, pendirian beliau dan dalam satu Kerajaan demokratik atau open, dengan izin, seorang ada hak untuk beri pandangan. Tetapi apa yang saya hairan, Tuan Speaker, jikalau pandangan kami boleh diterima, tetapi dalam konteks apa yang terjadi, seorang lawyer yang minta maaf kepada Mahkamah Agung, masa itu, Tuan Speaker, terima dan tidak hantar orang ini ke Pudu, itu kesilapan besar Mahkamah Agung. Apabila dia balik, dia hentam Mahkamah itu juga. Bolehkah Duta Australia ini beri jawapan atas perkara itu? Itu apa yang mustahak, Tuan Speaker, unprofessional and unethical conduct.

Saya merayu, bukan kepada Timbalan Menteri ini, oleh kerana beliau tidak ada apa-apa kuasa, ini semua robot dalam Barisan Nasional (*Tepuk*). Saya merayu kepada Perdana Menteri kita sebagai Menteri Dalam Negeri ambil berat atas perkara ini dan terus mengisytiharkan Frank Galbally, lawyer Australia ini sebagai seorang *person non grata* dalam negara ini (*Tepuk*). Jikalau dia berani datang ke negara ini terus diberkas dan hantar dia balik. Tidak payah masuk Pudu pun, Tuan Speaker. He is not even fit for our Pudu Prison (*Tepuk*). Itu pandangan saya. Saya tidak tahu apa pandangan lawyer itu di sana (*Ketawa*). Atas tajuk itu, Tuan Speaker, saya tidak mahu cakap lebih lagi, tetapi apa yang terjadi tadi ini satu tanda MCA sudah mati, sudah hancur. Ada dua tiga Timbalan Menteri yang tengah mati yang ada di

sini sekarang (*Ketawa*). Menteri tidak berani mari di sini.

Jadi ini tindakan satu lawyer yang saya ingin untuk pertahankan sistem kita, tetapi tidak berani. Mahu kacau untuk sebab-sebab peribadi, barangkali sekarang mahu pergi ke Australia—Canada tidak dapat di sana. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, saya sekarang merujuk kepada Fasal 49. Apa yang lagi hairan, bukan sahaja Fasal 42 yang boleh mengencilkan imej kita dalam kacamata negeri-negeri lain yang ada satu sistem perundangan yang boleh diterima sebagai satu manusia yang munasabah. Fasal 49 membolehkan sesuatu waran diterima sebagai bukti tanpa mengira kecacatan, kesilapan atau ketinggalan di dalamnya. Di arah mana sistem keadilan kami—tidak kira kecacatan, kesilapan, tidak kira, boleh digunakan, Saya tidak mahu dapat penjelasan sekarang tetapi saya beri amaran bila jawab Fasal 49 dan fasal-fasal lain, sudah tentu beri penjelasan atas perkara ini.

Tuan Speaker, satu waran tangkap atau satu search warrant, dengan izin, jadi satu perkara yang serius oleh kerana waran-waran seperti itu ada kena mengena dengan kebebasan seorang warganegara dalam negara kita. Jikalau boleh ada peruntukan seperti Fasal 49, tidak kira ada kecacatan atau apa-apa kesilapan, waran itu kekal, boleh digunakan dalam mahkamah, dalam fikiran saya, kami ada ke arah yang tidak baik.

Baru-baru ini, dalam satu kes bagaimana seorang peguam Mohd. Shafi bin Abdullah yang pada masa dahulu adalah anggota di Jabatan Peguam Negara, seorang Pedakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara lebih kurang dalam, jikalau saya tidak silap, 7 atau 8 tahun. Dia jadi peguam sekarang—peguam swasta, bukan dalam Kerajaan. Pada 30hb Oktober, 1986

pegawai Polis dan juga seorang lagi Timbalan Pendakwa Raya yang barangkali satu masa sahabat Encik Mohd. Shafi, ada buat satu serbuan ke pejabat Encik Mohd. Shafi.

Apabila Encik Mohd. Shafi bertanya atas apa serbuan ini ada dibuat, Polis jawab: Atas satu waran yang dikeluarkan oleh seorang Majistret di Kuala Lumpur. Encik Mohd. Shafi ada buat rayuan masa itu mahu lihat waran itu. Polis ada tunjukkan waran itu kepada Encik Mohd. Shafi tetapi dalam waran itu, jikalau saya baca apa yang ada di dalam waran itu, dalam bahasa Inggeris, oleh kerana Warrant itu adalah dalam bahasa Inggeris:

“Warrant of Search after Information of a particular offence to S. P. Poh Boon Wah, Timbalan Ketua Bahagian D. 9, the Chief Police Officer of the State of Wilayah Persekutuan and other Police Officer (to be designated by name”, Tetapi tiada apa-apa di sini—“Whereas information has been laid before me of the commission or suspected commission of the offence of section 19 (1) 1972 Akta Rahsia Rasmi and it has been made to appear that the production of the articles specified in the Schedule below is essential to the inquiry now being made or about to be made into the said offence or suspected offence mendapatkan segala dokumen-dokumen di bawah Akta Rahsia Rasmi.”

Itu sahaja, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa butir lain, tanpa perkataan seperti yang saya baca tadi, “mendapatkan segala dokumen-dokumen di bawah Akta Rahsia Rasmi”—segala dokumen-dokumen di bawah semua Akta itu. Adakah ini munasabah? Jikalau apa yang ada dalam Fasal 49 sekarang, jikalau ini jadi undang-undang, waran seperti itu kekal, boleh diterima, Encik Shafi tidak ada apa-apa jalan untuk dakwa Kerajaan atas

perbuatan seperti itu yang dalam fikiran saya melanggar undang-undang oleh kerana undang-undang ada peruntukan, tidak kira kesilapan atau kecacatan dalam satu waran boleh digunakan. Adakah ini munasabah, Tuan Speaker?

Dalam pengalaman saya sendiri di Pulau Pinang dalam tahun 1985, Majistret Kampar pada 16hb November, 1985 ada dikeluarkan satu waran ke atas saya. Tujuan waran itu untuk berkas saya untuk dihadapkan ke Mahkamah Majistret di Kampar. Saya bukan bunuh sesiapa, Tuan Speaker.

Tuduhan telah dibuat ke atas saya bahawa saya ada mengambil bahagian dalam satu perhimpunan haram di Chinese Assembly Hall, Kopisan Baru, Gopeng, Kapar. Ini tindakan atas waran, Tuan Speaker. Bila saya ada dipejabat saya di Pulau Pinang, saya telah dapat satu panggilan telefon oleh seorang Inspektor, Bhubinder Singh; itu pun Singh. Seorang Singh hendak melawan seorang lagi Singh (*Ketawa*). Bhubinder Singh, apabila dia menelefon saya, berkata, “Oh, ada satu waran yang dikeluarkan oleh Majistret Kampar. Sekarang saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk hadir di Balai Polis. Jikalau tidak, saya boleh datang ke tempat mana Yang Berhormat ada untuk berkas Yang Berhormat”. Saya jawab, “Tidak apa, ini perkara kecil, bukan saya bunuh sesiapa, tidak apalah. Tidak payahlah datang ke sini, saya akan datang ke Balai Polis”. Oleh kerana saya tidak ada melanggar Undang-undang, tidak ada buat apa-apa yang tidak baik, saya tidak takut. Apabila saya hadir di Balai Polis itu, pegawai itu tangkap saya dan kata, “I am arresting you”, dengan izin. I said, “All right, arrest me”. Dia kata, “Oh, mahu ikat jamin”. Saya cakap, “Boleh ikat jamin, jangan gantung sudahlah”.

Tuan Speaker, apabila saya dapat salinan waran itu, saya telah meneliti

waran itu. Saya hairan dengan apa yang disebutkan dalam waran itu, iaitu oleh kerana saya telah mengambil bahagian dalam satu perhimpunan haram, itu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 27 (5) (a) Akta Polis, 1967. Waran itu dikeluarkan oleh Majistret Kampar. Apabila saya lihat apa yang ada terkandung dalam Kanun Acara Jenayah terus-terang ini menjadi satu summons case, bukannya warrant case. Tetapi Polis telah berani membuat satu permohonan kepada seorang Majistret yang mengeluarkan satu waran yang tidak mengikut undang-undang.

Tuan Speaker, seterusnya saya telah buat satu kes dalam Mahkamah Tinggi Ipoh dan Mahkamah Tinggi itu telah membuat keputusan bahawa waran itu tidak sah, tidak mengikut undang-undang dan oleh itu, waran itu diketepikan. Selepas itu, Tuan Speaker, kawan baik saya Peguam Negara tidak puas hati, beliau ingat dia pandai mahu lawan lagi, dan dia buat rayuan kepada Mahkamah Agung. Mahkamah Agung telah membuat keputusan pada 19hb Januari 1987 dan rayuan itu telah ditolak. Saya tahu tentu Peguam Negara mahu cari jalan lain, "Oh, mana boleh Singh ini lari, tentu satu hari mahu tangkap dia". Tetapi itu bukan satu perkara yang mustahak, Tuan Speaker.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat kata, ada dua "Singh" yang datang. "Singh" satunya ialah Yang Berhormat, satu lagi mewakili siapa? Siapa yang diwakili oleh Singh yang satu lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Ya, Kerajaan Malaysia—Inspektor Bhubinder Singh. Ya, Kerajaan pun ada "Singh", betul, tetapi "Singh Kerajaan" tidak berapa kuat seperti "Singh" dalam DAP (*Ketawa*). Perkara ini, Tuan Speaker, adalah serius oleh kerana ada peruntukan dalam Akta Polis Seksyen

32. Dengan izin, saya bacakan itu dalam bahasa Inggeris:

"Non-liability for Where the defence to any act done under suit instituted against a authority of police officer, an extra warrant. police officer, volunteer reserve police officer or an auxiliary police officer is that the act complained of was done is obedience to a warrant purporting to be issued by any competing authority, the court shall upon production of the warrant containing the signature of such authority and upon proof that the act complained of was done in obedience to such warrant, enter judgement in favour of such police officer, extra police officer, volunteer reserve police officer or auxiliary police officer."

Ada peruntukan mengenai non-liability, Tuan Speaker. Oleh kerana apa yang dibuat oleh Peguam Negara dalam perkara ini yang mana saya terlibat, saya tidak ada apa-apa jalan untuk buat satu kes atas Kerajaan.

Saya faham, Tuan Speaker, Encik Mohd. Shafi ada membuat satu kes terhadap Kerajaan atas apa yang telah berlaku dalam pejabat beliau. Tetapi nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara apabila memberi nasihat kepada Kementerian yang berkenaan dalam perkara ini, iaitu kepada Kementerian Timbalan Menteri itu, ianya tidak memberi nasihat yang munasabah mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami. To compound the matters, dengan izin, Timbalan Menteri juga seorang Peguam tetapi dia tidak mahu terima peruntukan-peruntukan yang tidak munasabah dalam undang-undang.

Lagi satu fasal, Tuan Speaker. Fasal 51 memperuntukkan bahawa boleh diterima kenyataan sama ada secara lisan atau bertulis yang dibuat oleh seorang sama ada sebelum atau selepas dia dipertuduh dan sama ada semasa

berlangsungnya suatu penyiasaan atau tidak dan sama ada kesemua atau sebahagian daripadanya bagi menjawab soalan-soalan.

Tuan Speaker, ada undang-undang lain yang membolehkan rakaman keterangan atau statement daripada seorang si tuduh. Seksyen 113 dalam Kanun Acara Jenayah ada peruntukan seperti ini. Ada juga undang-undang lain yang mana ada peruntukan seperti ini.

Tuan Speaker, Tuan Speaker pun seorang peguam, dan Tuan Speaker tentu tahu akan seksyen 115 Kanun Acara Jenayah dalam mana ada peruntukan untuk memberi kuasa kepada seorang majistret untuk merakamkan statement dan, dengan izin, saya baca apa yang ada dalam seksyen 115 Kanun Acara Jenayah:

“Any Magistrate may record any statement or confession made to him at any time before the commencement of the inquiry or trial”.

Peruntukan ini, Tuan Speaker, ada dalam undang-undang kita yang buat beberapa lama, tetapi dalam tahun 1976 seksyen 113 ada berkuatkuasa dan peruntukan dalam seksyen 113 adalah serupa dengan peruntukan yang ada dalam Fasal 51 di sini.

Peruntukan dalam seksyen 115 Kanun Acara Jenayah pun ada, tidak dibatalkan, tetapi dalam zaman sekarang seksyen 115 tidak digunakan, biarpun seksyen 113 atau peruntukan seperti itu dalam undang-undang lain seperti ISA dan Akta-akta yang lain.

Tuan Speaker, kuasa diberi kepada seorang pegawai pangkatnya tidak rendah daripada inspektor dan dalam peruntukan ini juga kuasa diberi kepada seorang penolong pengawal, seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor.

Tuan Speaker, inspektor-inspektor yang ada sekarang bukan inspektor-inspektor seperti yang ada dalam zaman dahulu. Inspektor-inspektor ini semua muda, tidak bertanggungjawab dan ada banyak kes dalam mana inspektor-inspektor ada cuba untuk dapat kenyataan. . . .

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, minta perhatian, tak cukup koram.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, sila bilang.

(Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak cukup, sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang saya katakan tadi inspektor-inspektor yang tidak bermutu, muda, tidak bertanggungjawab, guna keseksaan atas orang-orang yang ditahan dan ada kes-kes dalam mana inspektor-inspektor ini ada hentam orang yang ditahan sampai mati, dan gunakan taktik-tektik yang tidak baik untuk dapat statement, dengan izin, to extort confessions and statements, dan dalam perkara ini, saya baca apa yang ada dalam *The Malayan Law Journal*, keluaran Julai 1980, muka surat X:

“In Lai Kim Hon and others versus Public Prosecutor.

The Federal Court gave a preliminary judgement in dealing with the appeals by the accused and by the Public Prosecutor, stating that it will give its reasons in writing later.

The Federal Court dismissed the appeals against conviction by the first, third, fourth and fifth accused"—ini semua pegawai polis termasuk inspektor—"holding that the learned trial Judge had enough evidence before him which if believed, would justify his finding the appellants guilty. The Federal Court also dismissed the cross appeal by the Public Prosecutor against the acquittal of the second accused stating that they would not be justified in disturbing the trial Judge's verdict."

Apa yang penting, Tuan Speaker, ialah Yang Arif Tun Suffian, apabila memberi alasan-alasan dalam kes itu ada bercakap seperti ini:

"The Police Force exists to protect the public from criminal elements and are given wide powers of arrest, search, investigation and so on, to detect offenders to collect evidence against them and to bring them to book. These powers are to be found in the Criminal Procedure Code and other laws enacted by Parliament, and welcomed by the people. The Police are expected to do their duty energetically and efficiently, and on the whole they do that, as witnessed by the comparative peace and tranquility that exists in the country. But one power the Police do not have—and it is most unlikely that Parliament and the people will give it to them—and that power is to assault and torture suspects in their custody, least of all, power to kill. Parliament and the public expect the Police to exercise their power in a civilised and humane way. Those who exceed their powers should not expect to be protected by the law.

In this case on June the 18th, 1977, at 9.20 a.m., the Police arrested Noordin, a young boy of 16, son of an ex sergeant of the Special Constabulary on suspicion of being involved in a spate of

housebreakings and thefts in the Datuk Keramat area in Kuala Lumpur. He was arrested in Johor in Chaah and take to the Segamat Police Station. There was no complaint about his treatment in Johor. From there he was taken to the Cheras Police Station in Kuala Lumpur and then transferred to the Pudu Police Station where he was beaten to death. When he arrived at the Cheras Police Station, he was "in good condition". But when he arrived at Pudu Police Station, there were fresh bruises on his body, obviously acquired while he was at the Cheras Police Station. He was interrogated and he insisted that he was innocent. This was regarded as non-cooperation and so he was subjected to what is known in the Force as "intensive interrogation" described as continuous interrogation for up to 12 hours by a team of interrogators who changed every two hours. During the interrogation at the Cheras Police station beginning at 9.20 p.m. on 19th June, 1977, he was hung from a window facing outwards handcuffed to the window's grill in the manner of crucifixion. He was completely naked. He was beaten with a rubber hose by a succession of police officers including, the learned Judge found, the four appellants. He struggled and screamed in pain and shortly after midnight on the 19th/20th June, he became lifeless.

When his body arrived at the General Hospital at 2.50 a.m., the doctor who examined it pronounced it dead, death having accrued an hour or so earlier. A post-mortem examination the following afternoon revealed over 24 linear abrasions all over his body, caused by blows with a rubber hose, and by falls, punches and kicks. The doctor said that the cause of death was the cumulative affect of multiple blows, testicular reflex and lower resistance due to

disease and possibly due to starvation also. There was no trace of drug inside his body.

During the 40 hours he spent in custody, he was given no food; and there was positive evidence that during the interrogation he asked for water, and was ordered not be given any."

Zalim, Tuan Speaker, apa yang ada dalam ini.

"Such was the brutal treatment that the accused—and others unknown in the Force—saw fit to give this young boy who all along maintained his innocence and from whom they wanted to extort a confession or information. The learned Judge sentenced the first accused (a Chief Inspector) to three years, the third accused to 18 months, and the other two accused to 12 months each.

Each of us, had we been trying this case, might have given more severe sentences, . . .".

Ini pandangan, Tuan Speaker, Hakim-hakim Rayuan.

". . . .but sitting as a court of appeal, we interfere only if in our opinion the sentences imposed by the learned trial Judge were manifestly excessive or manifestly inadequate or he had proceeded on wrong principles. Counsel on behalf of the four appellants argued that the sentences on their clients were manifestly excessive, while Mr. Mah, D. P. P. , argued that the sentences, except the one on the first accused, were manifestly inadequate, and that in the public interest to show official disapproval of police brutality, they should be enhanced.

We have given this matter very anxious consideration. While agreeing with Mr. Mah that this is a

very serious case and that Malaysia should not be allowed to develop into a police state, . . .".

Ini mustahak, Tuan Speaker.

". . . .we do not think that the sentences on the four appellants are manifestly excessive or manifestly inadequate, and that the learned Judge has proceeded on a wrong principle. In the circumstances we affirm the sentences."

Ini lagi mustahak.

"But this should not be regarded as a precedent in future cases. Members of the Force who do their duty in accordance with the law will receive our and public support and encouragement; but those who treat suspects in a cruel manner can expect to receive only very severe punishments from the courts. Parliament and the public will not allow a Savak to be established here, bringing disrepute to those responsible for the government and for the administration of justice."

Tuan Speaker, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan beri jaminan kepada Dewan yang mulia ini pegawai-pegawai yang ada kuasa dalam peruntukan ini untuk rakam kenyataan daripada orang-orang yang ditahan tidak kena hentam seperti Noordin dalam kes ini. Noordin bukan cedera, Tuan Speaker, dia mati dan bukan ini kes sahaja, tetapi ada banyak lain di mana tidak ada bukti oleh kerana apabila seseorang ada dihentam dalam balai Polis, saksi-saksi yang di sana adalah Pegawai-pegawai Polis juga, oleh kerana itu susah untuk dapat keterangan. Polis ada salahguna kuasa. Dalam kes Noordin sudah meninggal dunia, perkara ini ada dilihat oleh semua orang dalam negara ini. Jikalau beliau ada cedera juga, Tuan Speaker, boleh jadi kes ini tidak masuk ke mahkamah.

Tuan Speaker, apabila Polis gunakan kuasa di bawah Seksyen 113, yang ada serupa dengan peruntukan dalam Fasal 51, Polis ada salahguna kuasa. Di dalam kes saya juga, bukan kes itu juga, warrant case, ada lagi satu kes, kes saya sendiri—Karpal Singh v. Attorney—General Malaysia. Bukan saya jadi lawyer sekarang, jadi subject matter kes-kes dalam Malayan Law Journal. Dalam kes ini, Tuan Speaker, parti saya ada dalam kempen selamatkan Bukit Cina di Melaka. Bukan ada satu perarakan seperti mana ada dituduh oleh Polis, ada satu marathon yang mula dari Alor Setar, di Johor dan Kuantan sampai ke Bukit China. Dalam program ini, Tuan Speaker, saya ada di arah oleh parti saya untuk pergi ke Alor Setar oleh kerana dalam satu masa yang ada jadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, oleh kerana itu parti saya arah saya sendiri pergi ke sana untuk memulakan marathon itu.

Tuan Speaker, apabila Yang Berhormat dari Sandakan ada mulakan marathon itu, saya dan rakan-rakan saya ada ikut Ahli Yang Berhormat itu tak berapa jauh luar daripada Bandar Alor Setar, tetapi OCPD Alor Setar mahu cari fasal, oleh kerana Parti DAP ada terlibat. Jika Perdana Menteri ada di sana boleh ada perarakan, ataupun boleh juga, boleh langgar undang-undang, tidak apa. Seperti mana beliau ada buat dalam constitutional crisis tak berapa lama dahulu, tetapi kami dalam DAP jangan gelar Menteri Kerja Raya, kami dalam DAP jadi mangsa. Apa yang saya katakan tadi bukan perarakan, Tuan Speaker, OCPD itu kelakuannya dia tak berapa sopan, di cakup lebih kurang, dia cakup tidak boleh jalan, tepi jalan raya pun, tidak boleh jalan. Oleh kerana masa itu saya ingat apa yang kami buat tidak langgar undang-undang saya pun jawab, kami tentu jalan oleh kerana tidak langgar undang-undang. Masa selepas itu ada lebih kurang 15 Polis biasa dan lebih

kurang barangkali 25 Polis FRU—Oh, besar-besar ini datang ke sana. Dan dalam satu masa, seorang pegawai Polis FRU ini terus hentam saya di sini dan saya hentam balik (*Ketawa*). Saya hentam dia 3 kali. Dia cuba 2 kali lagi, tetapi tidak berjaya. Saya hentam oleh kerana apa yang kami ada buat masa itu bukan langgar undang-undang, tetapi pegawai Polis ini langgar undang-undang. Jikalau seorang Pegawai Polis langgar undang-undang, saya sebagai rakyat negara kita ada kuasa untuk hentam balik. Masa itu. . . .

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:
(Bangun)

Tuan R. Karpal Singh: . . . Jangan takut, bukan orang mahu hentam awak.
(*Ketawa*)

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, menurut Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bermakna negara kita memberikan sepenuh demokrasi hinggalan Ahli Yang Berhormat boleh tumbok Polis pun tidak menjadi masalah.

Tuan R. Karpal Singh: Itu bermakna boleh hentam siapa pun, Menteri pun boleh, jikalau dalam undang-undang (*Ketawa*). Itu betul, Tuan Speaker. Hari itu, 18 orang rakan-rakan saya kena tahan di Balai Polis Alor Setar. Saya dan 2 orang rakan-rakan saya termasuk Ahli Yang Berhormat dari Sandakan tidak diberkas hari itu. Kejadian ini pada 20hb Oktober, 1984. 18 orang rakan-rakan saya ini ada dituduh dalam mahkamah langgar undang-undang seksyen 27 Akta Polis dan pada 1hb Disember, 1984 seorang pegawai datang ke pejabat saya di Pulau Pinang. Kali ini bukan orang singh, kali ini Inspektor Sudar. Bila dia datang, saya jemput dia masuk dalam pejabat saya. Saya tanya: mahu minum teh? Oh, tidak apa. Baik.

Tuan Speaker, pegawai ini terus beritahu kepada saya dia dihantar oleh Timbalan Pendakwa Raya Kedah untuk rakam satu kenyataan di bawah seksyen 113 Kanun Acara Jenayah. Bukan 133 juga tetapi 113 1 (a) (ii). Tetapi yang ada dalam peruntukan 51 serupa juga 51 (a) (ii). Tuan Speaker, apabila saya cakap kepada pegawai ini, saya belum ditahan, belum diberkas, oleh itu seksyen ini tidak boleh diguna. Tetapi pegawai ini cakap, ini arahan pegawai atasan saya dan tugas saya untuk datang di sini untuk dapat kenyataan dan tuan terpaksa untuk buat kenyataan. Saya tidak buat kenyataan oleh kerana dalam fikiran saya Polis tidak ikut undang-undang masa itu. Tuan Speaker, saya telefon Penasihat Undang-undang Kedah, oleh kerana Timbalan Pendakwa Raya tidak ada dalam pejabat masa itu dan pendapat beliau itu juga paksa saya buat satu kenyataan di bawah seksyen 113 (1) (a) (ii).

Tuan Speaker, Seksyen 113 (1) (a) (ii) sepertimana ada di sini apabila seorang sudah ditangkap, jikalau tidak ada satu amaran, satu statement tidak boleh dirakam. Saya tidak ditangkap, tidak diberkas, oleh kerana itu pada pendapat saya pada masa itu seksyen itu tidak boleh diguna. Pegawai ini balik ke Kedah.

Selepas itu, saya tulis satu pucuk surat kepada Peguam Negara. Dalam surat itu saya jelaskan bukan saya takut untuk membuat satu kenyataan tetapi oleh kerana undang-undang yang digunakan atas saya masa itu tidak boleh digunakan, saya tidak buat, tetapi ini adalah apa yang terjadi. Dalam surat itu saya beri keterangan apa yang jadi, saya beritahu kepada Peguam Negara, tetapi saya dapat satu jawapan dari Peguam Negara dan pendapat Peguam Negara serupa dengan pegawai Inspektor Sudar dan juga Penasihat Undang-undang Kedah. Dan dalam surat itu juga Peguam Negara beri nasihat kepada saya, lebih baik saya buat satu

kenyataan di bawah seksyen 113. Selepas itu saya buat satu kes dalam Mahkamah Tinggi Kedah untuk dapat keputusan atas interpretasi seksyen 113 (1) (a) (ii).

Tuan Speaker, pada 24hb Disember, 1986 Yang Arif Mustafa Hussein buat keputusan bagi pihak permohonan saya bahawa Polis tidak ada hak untuk rakaman satu kenyataan di bawah Seksyen itu oleh kerana masa itu saya tidak ditangkap dan dalam kes yang saya bangkitkan tadi juga, "Oh! Peguam Negara tidak puas hati, he can never be satisfied with this chap", dengan izin. Baru-baru ini di bawah seksyen 4184, Tuan Speaker, kelmarin Peguam Negara sudah dihentam sekali lagi. Tetapi dia tidak malu, berapa kali dihentam pun dia buat lagi apa yang tidak mengikut undang-undang. Dia kena hentam lagi sampai bila, saya pun tidak tahu. Barangkali jikalau dapat Perdana Menteri baru, habis Peguam Negara ini. (*Tepuk*)

Jangan gelak, Menteri Kerja Raya pun habis, ya (*Ketawa*). Mahu campur tangan dengan kempen, mahu campur tangan dalam kempen UMNO baru-baru ini. Kena hentam daripada Dato Musa pagi kelmarin, ada jawabkah, tidak berani (Seorang Ahli: Sudah jawab). Oh, sudah jawab. Tetapi ini bermuka dua. Jikalau Dato Musa menang, "Musa, oh, nombor satu hero" (*Ketawa*). Saya tahu kelakuan MIC.

Oh ya, siapa yang menang semua ada di sana. Bila Deepavali beri dia makan lagi, ini kali Musa, makan kueh. Tuan Speaker, jangan marah, itu sedikit digression sahaja.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 31 (6). Saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong ini tidak kena mengena dengan Akta Hakcipta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat, jangan sentuh itu lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Itu betul, Tuan Speaker—itu in a light vein. Menteri Kerja Raya pun gelak juga, tidak buat apa-apa, tetapi dia di sana sudah bangun (*Ketawa*). Apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, rayuan ada dibuat oleh Peguam Negara kepada Mahkamah Agung lagi sekali.

Baru-baru ini pada 9hb Julai, 1986, Mahkamah Agung juga tolak rayuan itu. Perkara itu bukan habis di situ juga, Tuan Speaker. Daripada rakan saya 18 orang yang kena tahan ini, tiga orang yang tidak kena tahan masa itu, tetapi tiga ini pun kena tahan, kemudian termasuk saya. 18 ini ada menghadapi dua tuduhan dan saya tiga tuduhan—satu tuduhan ialah untuk hentam Polis di bawah Seksyen 353, jikalau sabit, masuk penjara—habis. Tetapi Tuhan ada di sana. Tuduhan di bawah Seksyen 353 bahawa mana saya dituduh pukul pegawai polis ini, kenapa yang terjadi dalam kes itu juga, Tuan Speaker, jikalau saya boleh cakap sedikit sebanyak atas perkara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, pegawai yang ada terlibat dalam perkara ini, pegawai yang saya ada hentam saya mengaku di sini oleh kerana saya ada Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kes itu sudah habiskah? Belum habis lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Belum habis lagi. Ada rayuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada rayuan tidak boleh bercakap di sini. Jadi itu *sub judice*, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi dalam appeal pun kami tentu menang, Tuan Speaker. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Menang tidak menang, itu kira lain tetapi itu *sub judice*.

Tuan R. Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker. Jikalau Tuan Speaker beri keputusan seperti itu, saya terima. Tuan Speaker, apa yang penting dalam perkara ini saya ingat Kerajaan dan juga Timbalan Menteri tentu dapat checks and balances, ini yang penting oleh kerana kalau tidak ada checks and balances, dengan izin, peruntukan yang ada di bawah Seksyen 51 boleh disalahgunakan.

Saya merayu kepada Kerajaan, Tuan Speaker, hapuskan Seksyen 113 dalam Kanun Acara Jenayah dan juga apa yang ada dalam Fasal 41 dan balik kepada keadaan dahulu pada tahun 1976 apabila Seksyen 113 ada dikuatkuasakan. Gunakan Seksyen 115. Seksyen 115 Kanun Acara Jenayah memberi kuasa kepada satu Majistret, satu pengadil untuk rakam kenyataan daripada si tuduh.

Seorang Majistret jadi satu orang yang tidak terlibat dalam siasatan, satu orang bebas, dan tentu, Tuan Speaker, jikalau satu Majistret rakam statement itu, itu lagi munasabah, bukan polis oleh kerana polis ini semua, dengan izin, of the same kind, oleh kerana agency, dengan izin, polis ini tentu mahu jamin siasatan ada hasil dan orang yang dituduh di hadapan Mahkamah tentu salah guna kuasa oleh kerana tidak ada digunakan peruntukan dalam Seksyen 115.

Seksyen 115 Kanun Acara Jenayah itu tidak dihapuskan, ada lagi dalam Undang-undang kami sampai sekarang, tetapi dalam pengalaman saya selepas tahun 1976, Tuan Speaker, sampai hari ini pihak polis tidak menggunakan Seksyen 115 biarpun satu Inspektor. Seorang

Inspektor yang hadir di Mahkamah berkata, "Oh, saya ada beri amaran di bawah Seksyen 113 kepada si tuduh dan si tuduh ada buat kenyataan ini".

Walaupun si tuduh cakap, "orang ini ada hentam saya, saya tidak cakap apa yang dia cakap, saya ada cakap", tetapi, Tuan Speaker, dia diberitahu dengan izin, magic words, iaitu, "It is my duty to warn you that you are not obliged to say anything, or to answer any question but anything you say whether in answer to a question or not may be given in evidence". Dengan magic formula itu terus statement itu ada diterima oleh Mahkamah sebagai keterangan dan atas keterangan itu, Tuan Speaker, satu orang boleh digantung jikalau ada dihadapkan ke mahkamah atas satu tuduhan bahawa mana ada satu penalty mode.

Tuan Speaker, saya berasa gembira sebab saya dapat satu peluang untuk membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini oleh kerana ada banyak mangsa yang didapati salah sedangkan mereka bukan bersalah tetapi mahkamah ada bertindak atas kenyataan yang ada digunakan sebagai keterangan dalam mahkamah.

Tuan Speaker, dengan itu saya merayu kepada Timbalan Menteri berkenaan supaya diteliti semula peruntukan-peruntukan yang saya bangkitkan tadi, alasan-alasan yang saya telah beri, sebab-sebab yang saya telah beri dan diambil tindakan oleh kerana, Tuan Speaker, dalam sebarang kes, dengan izin, justice must not only be done but must seen to be done. Dalam pandangan saya, Tuan Speaker, jikalau ada lagi peruntukan-peruntukan seperti yang saya telah bangkitkan tadi, then not only justice cannot be seen to be done but it cannot be done. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.39 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Akta Hakcipta 1987 yang bertujuan untuk menggantikan Akta Hakcipta 1969.

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan Akta Hakcipta ini sebagai satu Rang Undang-undang bagi menggalakkan hasil kreatif penduduk-penduduk di negara kita. Kita tidak boleh menafikan Akta ini akan memberi hasil lebih kepada penyanyi-penyanyi, penulis-penulis dan lain-lain penerbit karya sastera kita dan ini akan mewujudkan lebih kuantiti dan juga kualiti bahan-bahan dalam bidang muzik, karya-karya seni dan lain-lain sastera.

Akta ini seterusnya akan memberi lebih perlindungan kepada semua penerbit dan ahli-ahli yang berkaitan dengan bidang-bidang tersebut dan oleh yang demikian, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi daripada sektor teknologi dan komputer, saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, negara kita masih tidak sampai ke satu peringkat untuk menerbitkan apa-apa bahan yang asli. Apa yang kita gunakan dan amalkan dalam negara kita pada masa ini hanya apa yang kita salin daripada lain-lain negara, khasnya negara-negara barat. Dengan keadaan dasar perindustrian Kerajaan di bawah Industrial Master Plan, dengan izin, sektor teknologi dan komputer harus memainkan peranan yang lebih penting di negara kita dan saya ingin memohon kepada Kerajaan untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebagaimana Akta Hakcipta ini akan memainkan peranan penting seperti ini untuk membangunkan sektor perindustrian di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hakcipta ini juga harus dipandang dari segi generasi akan datang, oleh kerana Akta seperti ini harus menggalakkan generasi akan datang dalam bidang-bidang industri dan komputer. Baru-baru ini kita dapat tahu daripada badan peperiksaan negara kita di bawah analisa yang dibuat berkaitan dengan pencapaian murid-murid negara kita di dalam peperiksaan STPM, mutu pelajaran telah merosot, khasnya dalam ilmu matematik dan perakaunan. Dengan keadaan tersebut kita harus juga meninjau bagaimana Akta ini akan mempengaruhi pembangunan negara kita di sektor-sektor tersebut dan mencari jalan bagaimana pencapaian generasi akan datang boleh dinaikkan di dalam sastera-sastera tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan yang boleh saya beri ialah untuk negara kita menjadi ahli dalam "The Berne Convention" dan "The Universal Copyright Convention" yang diuruskan di bawah UNESCO.

Pada pendapat saya Kerajaan negara kita harus menjadi ahli sekurang-kurangnya dalam satu convention tersebut, oleh kerana dengan keadaan sebagai ahlinya, negara-negara barat dengan perlindungan yang diberi oleh Convention tersebut akan menggalakkan joint-venture dengan beberapa badan pakar yang diadakan di luar negeri dengan badan-badan di negara kita dari segi pemindahan teknologi ataupun transfer of technology,, dengan izin, khasnya di bidang sains, teknologi, perakaunan dan komputer. Saya juga dapat tahu Kerajaan kita sedang bekerjasama dengan WIPO—World International Property Organisation, dengan izin, berkaitan dengan paten. Saya ingin memohon kepada Kementerian berkenaan untuk melanjutkan kerjasama tersebut untuk perlindungan hakcipta dalam semua

bidang, khasnya dalam sains, teknologi dan komputer. Perkara kerjasama ini boleh dibandingkan dengan kerjasama yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negara Jepun dengan Amerika Syarikat pada tahun 1950an.

Dalam sektor industri pembinaan kereta-kereta, dari satu peringkat kerjasama negeri Jepun telah muncul sebagai satu negeri utama dalam bidang industri kereta di seluruh dunia pada masa kini. Inilah contoh yang kita harus ikuti dan dengan Akta Hakcipta ini kita harus mewujudkan satu sistem kerjasama dengan negara-negara maju dalam sektor-sektor tersebut untuk semua penduduk-penduduk di seluruh negara kita menerima hasil daripada Akta ini dan bukan sahaja satu golongan seperti artis-artis, penulis-penulis dan golongan tersebut. Saya percaya dan yakin dengan tindakan tersebut, hasrat Kerajaan berkenaan dengan sektor industri boleh juga dicapai dalam jangkamasa 10 tahun ataupun 15 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta Hakcipta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

5.44 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Hakcipta 1987. Tuan Yang di-Pertua, mula-mulanya saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Hakcipta ini dibentangkan ke Parlimen untuk diluluskan, adalah satu langkah ketetapan diambil oleh Kerajaan untuk melindungi karya-karya ciptaan yang dibuat di dalam Malaysia oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Malaysia memang mempunyai keyakinan dan keupayaan untuk

mencipta sesuatu karya di dalam bidang sastera, muzik, seni lukis, filem, rakaman bunyi-bunyian dan siaran ataupun persembahan penyiaran Radio dan Televisyen. Penciptaan bagi rakyat Malaysia patut diberi hakcipta, tetapi bukan sama sekali kami pasti melindungi ciptaan yang dibuat oleh orang-orang asing ataupun karya-karya yang diciptakan di tempat-tempat lain. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan janganlah menjadi pengorbanan sendiri untuk kepentingan orang-orang asing atau sesuatu golongan kecil dan tertentu untuk mencari kekayaan apabila kami meluluskan Rang Undang-undang Hakcipta ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kami mesti melindungi dan menjaga kepentingan ciptaan-ciptaan yang dibuat di tempat-tempat luar dari Malaysia? Adakah negara-negara lain akan mengambil langkah-langkah ataupun dilindungi di bawah undang-undang seperti kita untuk menjaga hakcipta kami di negara itu? Saya percaya, mereka tentu menjaga kepentingan mereka dulu. Kepentingan-kepentingan orang asing akan diketepikan dan diabaikan, sebaliknya mengapa kami tidak menjaga kepentingan kami sendiri dan mengabaikan kepentingan hakcipta orang asing. Hakcipta dibuat di atas dasar jalan dua hala (two-way traffic) dan melindungi antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang hakcipta bagi sastera, muzik, filem, video dan rakaman bunyi-bunyian, kami tidak boleh berbanding dengan negara-negara lain, khasnya negara-negara yang menggunakan bahasa English, bahasa Mandarin dan bahasa Cantonese. Banyak bahan-bahan dan materials dalam Bahasa English dan bahasa Cantonese seperti buku English dan Video Mandarin dan Cantonese, rekod-rekod, muzik, filem-filem, rakaman-rakaman

bunyian, video keset dan sebagainya. Jika kami bertujuan meluluskan Rang Undang-undang ini untuk bukan hanya melindungi hak keistimewaan kami sendiri tetapi juga hak keistimewaan orang-orang asing, maka kami akan menghadapi kerugian yang besar. Kami akan menghadapi satu keadaan di mana

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Minta penjelasan. Yang Berhormat dari Pasir Pinji menggunakan perkataan "kami" itu, kami DAPkah atau kami rakyat Malaysia? Kalau rakyat Malaysia gunakan "kita", bukan "kami".

Tuan Lau Dak Kee: Betul, baik, terima kasih.

Saya rasa kami termasuk semua golongan, bukan sesiapa pun, maksud saya kita rakyat Malaysia dan pada pendapat saya kita dengan kami itu tidak ada berlainan. Tuan Yang di-Pertua, kita akan menghadapi satu keadaan di mana barang-barang import seperti buku-buku, filem-filem dan tayangan-tayangan video yang dibuat daripada negeri asing akan naik harganya sehingga 2 atau 3 kali ganda. Ini bermakna pencipta-pencipta orang asing atau pihak-pihak asing yang mempunyai hakcipta itu ataupun ejen-ejen tempatan akan menikmati kekayaan atas undang-undang Hakcipta kita yang dibuat sekarang. Tetapi beribu-ribu dan berjuta-juta rakyat Malaysia akan menjadi mangsa atas kekayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kami mesti berhati-hati atas perbuatan kami sendiri, khususnya undang-undang kita sendiri. Janganlah ada satu undang-undang yang telah dibuat itu mengakibatkan atau menyekatkan

rakyat kita sendiri. Akan tetapi menguntungkan orang-orang asing sekiranya undang-undang itu bertujuan untuk kepentingan rakyat dan negara kita. Saya ingin memberi suatu gambaran yang sebenarnya berlaku di masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, di mana kita dapati hakcipta bagi industri video di Malaysia dikontrol oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu. Merekalah yang menjadi kaya dan juga merekalah yang menjadi ejen-ejen untuk menambah kekayaan bagi orang-orang asing. Peniaga-peniaga kecil seperti pusat video yang menjalankan pusat-pusat itu dan menyewakan video tape itu menjadi mangsa di bawah hakcipta dan kekayaan untuk mereka sahaja. Tuan Yang di-Pertua, tayangan video siries kebanyakan diimport dari Hong Kong, Taiwan, USA dan England. Mula-mulanya diperbuatkan video itu untuk tayangan bagi negeri masing-masing, rakyat negara lain dapat menikmati tayangan itu dengan bayaran rendah ataupun bayaran sederhana pada masa yang lalu apabila Akta Hakcipta itu belum berkuatkuasa, ataupun diragukan di Malaysia, tetapi pada lima atau enam tahun lalu ada sekomploit ejen-ejen di masyarakat kami dengan arahan daripada orang-orang atasan merebut pasaran industri video di negara kita ini dengan bayaran berjuta-juta ringgit kepada orang-orang asing untuk mendapatkan lesen ejen ciptaan itu bagi siri video.

Apabila golongan kecil ini dapat lesen ejen ciptaan, biasanya golongan ini adalah orang-orang kaya dan berkuasa dan mungkin ada perhubungan dengan badan-badan tertentu dalam Kerajaan. Mereka menggunakan lesen hakcipta untuk mencari kekayaan, mereka menggunakan berbagai cara sama ada dengan paksaan ataupun tidak. Operator-operator pusat-pusat video

ingin menjalankan perniagaan mereka tanpa apa-apa kekacauan dan gangguan secara terus atau tidak terus, harassment ataupun victimisation, dengan izin, daripada pihak tertentu pastilah mereka sudah buat perjanjian dengan ejen tersebut dengan bayaran beribu-ribu ringgit kepada mereka.

Tuan Speaker, pusat video kena dibayar \$5,500 bagi tahun 1984, \$11,500 bagi tahun 1985 dan 1986 untuk mendapatkan kebenaran salinan ataupun duplicatekan ataupun menyewakan tayangan video programme daripada Television Broadcast Limited daripada Hongkong (TVB). Pada tahun 1987 perjanjian itu akan luput, bayaran yang akan dikenakan belum dapat tahu lagi, mungkin ia akan bertambah satu atau dua kali ganda lagi. Bagi mendapatkan kebenaran untuk cinematofy filem daripada Asia Television Limited of Hongkong, bayaran untuk perjanjian itu dikenakan \$3,600 bagi tahun 1984; \$4,600 bagi tahun 1985 dan \$5,600 bagi tahun 1986.

Saya diberitahu bahawa lebih kurang 2,000 buah pusat video yang ada di dalam Malaysia. Jika setengah-setengah pusat video mampu membuat perjanjian untuk mengeluarkan lesen bagi programme Television Broadcast Limited of Hongkong, bermakna mereka akan pungut sebanyak \$11.5 juta daripada rakyat Malaysia. Jika $\frac{3}{4}$ terpaksa buat perjanjian, lebih kurang \$18 juta telah masuk dalam poket orang-orang asing. Jika termasuk program-program daripada Asia Television Limited of Hongkong, pusat-pusat video akan kena bayar sejumlah tidak kurang daripada \$25 juta setahun. Sebahagian besar wang ini akan hilang dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini hanya bayaran perjanjian sahaja. Pusat-pusat video di bawah perjanjian itu

dipaksa membayar \$68.80 untuk "recording fees" bagi tiap-tiap satu program baru. Kerajaan tahu atau tidak, tiap-tiap minggu, Television Broadcast Limited of Hongkong (TVB) melalui ejen Malaysia dapat membekalkan 5 hingga 6 tape baru seminggu. Ini bermakna pusat-pusat video akan kena bayar tambahan sebanyak \$20,000 setahun hanya semata-mata untuk "recording fees" sahaja. Siapa yang jadi kaya—tentulah ejen yang mempunyai lesen hakcipta; siapa yang untung—tentulah orang-orang asing; siapa yang tertindas—tentulah masyarakat kita; siapa yang rugi—tentulah Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat video bukan sahaja menghadapi penindasan yang tersebut, mereka juga menghadapi pegawai-pegawai yang berkuasa selalu menyalahgunakan kuasa mereka apabila menjalankan sesuatu serbuan di bawah nama pelanggaran hakcipta ataupun Akta Penapis Filem. Pihak-pihak hakcipta dan pemegang-pemegang lesen dengan cara langsung atau tidak langsung, dengan izin, mislead badan-badan berkuasa menjalankan "raid" itu ataupun pemeriksaan (inspection), ataupun rampasan tape-tape di pusat-pusat video. Mereka menggunakan maklumat-maklumat yang jahat, dikatakan sesuatu pusat video yang enggan membuat perjanjian dengan mereka, mempunyai atau menyimpan tape-tape seperti "blue film" ataupun "undesirable film". Tetapi sentiasa berlaku pihak berkuasa apabila menjalankan tindakan mereka, tidak periksa atau semak maklumat-maklumat itu dengan teliti, sama ada tindakan itu perlu atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kejadian telah dibuktikan. Pusat-pusat video yang kena rampas tape-tapenya dikatakan melanggar hakcipta tetapi akhirnya mereka dibebaskan kerana technical error oleh pihak berkuasa

apabila tuannya pusat video itu membayar dan menandatangani perjanjian dengan pihak pemegang lesen. Ada juga item-item yang tidak ada di dalam senarai waran pun dirampas juga. Pelanggaran syarat-syarat perjanjian sebenarnya adalah kes sivil tetapi ini telah dimasukkan dalam kes jenayah. Perbuatan ini adalah memaksa pusat-pusat video membuat bayaran kepada pemegang-pemegang lesen hakcipta. Bilakah pihak-pihak berkuasa bekerja untuk kepentingan pemegang lesen hakcipta swasta itu? Pusat-pusat video tidak ada jalan lain kecuali menandatangani perjanjian yang berat sebelah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tindakan-tindakan terhadap pusat-pusat video akan meningkat dan bertambah berkali-kali apabila perjanjian lama akan luput dan perjanjian baru sedang menunggu untuk ditandatangani. Kontrak antara pemegang lesen tempatan dengan TVB Hongkong akan luput pada hujung Mei tahun ini, kontrak Asia Television akan luput pada pertengahan bulan September tahun ini. Pemegang-pemegang lesen tempatan akan meningkatkan harganya lebih tinggi lagi untuk mendapatkan kontrak daripada tycoon-tycoon di Hongkong. Tycoon-tycoon di Hongkong adalah lebih bijak dan pandai lagi, mereka berpakat dengan mengkomplotkan kaki-kakinya di Malaysia beramai-ramai memberi tawaran yang ditentukan oleh tycoon-tycoon Hongkong atau Taiwan. Maka harga tawaran itu meningkat berganda-ganda.

Inilah taktik-taktik yang digunakan oleh tycoon-tycoon Hongkong dan Taiwan untuk mencari kekayaan atas "loopholes" dalam Undang-undang Hakcipta kita. Taktik-taktik digunakan oleh pihak yang lain termasuk sesiapa yang bertandatangan di perjanjian itu akan digerenti

mereka dilindungi tanpa apa-apa tindakan oleh pihak berkuasa. Mereka dikatakan mempunyai jalan untuk membereskan tindakan-tindakan daripada Polis ataupun daripada kilang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan hakcipta dalam bidang industri video, Jabatan Penapis Filem perlu dibincangkan sama oleh kerana tiap-tiap video kaset perlu ditapis sebelum ianya dibenarkan untuk tayangan bagi orang-orang awam. Video kaset yang diimport mesti mendapat "clearance" daripada Jabatan Kastam dahulu, kemudian hantar ke Jabatan Penapis Filem untuk diluluskan sama ada program di dalam video kaset itu bercanggah dengan syarat-syarat tetap atau tidak. Jika program dalam kaset itu dibenarkan, maka cap "A" akan dikeluarkan bagi master tape dengan bayaran yang tertentu. Cap "B" akan dikeluarkan berdasar kepada cap "A" daripada Jabatan Penapis Filem dengan bayaran yang tetap juga. Sesiapa menayang atau menyewa video kaset tanpa cap "B" akan didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tindakan-tindakan yang dijalankan oleh pihak berkuasa jarang atau boleh dikatakan tidak mengambil tindakan-tindakan terhadap pihak yang tidak mempunyai Kad A tetapi selalunya pusat-pusat video dikenakan raid atau serbuan yang tidak mempunyai Kad B. Sebenarnya, Kad A dipegang oleh pihak Hakcipta atau agen-agensya atau pemegang-pemegang lesennya. Mereka sentiasa tidak akan tunggu-menunggu sehingga master tape itu dapat kelulusan dan mempunyai Kad A, mereka telah buah salinan-salinannya untuk membekalkan kepada pelanggan-pelanggan atau pusat-pusat video tetapi pemegang-pemegang Kad A itu tidak kena raid. Manakala salinan-salinan yang dibekalkan oleh

pemegang-pemegang lesen itu kena raid dan dihukum oleh sebab tidak mempunyai Kad B.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini beribu-ribu video cassette telah dihantar ke Pejabat Penapis Filem dua hingga tiga tahun yang lalu untuk mendapatkan Kad B dan bayaran tapis pun telah dijelaskan begitu lama tetapi Kad B masih belum dikeluarkan. Bolehkah jabatan yang berkenaan memaklumkan Dewan ini, mengapa permohonan yang begitu banyaknya tidak diproses dan mengapa Kad B tidak dikeluarkan. Maksud untuk memilih Kad B semata-mata untuk menapis video cassette itu sama ada melanggar syarat atau tidak, bukan bertujuan untuk mendapatkan wang, maka sistem Kad B ini patut dihapuskan semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk perkembangan industri video di kalangan masyarakat kita serta mewujudkan satu suasana yang baik dan sihat di mana rakyat Malaysia dapat menikmati faedah di bawah Undang-undang Hakcipta ini, saya berharap Kerajaan akan meimprovekan prosedur-prosedur pemeriksaan dan penguatkuasaannya tanpa apa-apa unwarranted haraestment, dengan izin, terhadap pusat-pusat video. Langkah-langkah mesti diambil terhadap pemegang-pemegang lesen swasta atau pihak pencipta asing. Mereka akan menggunakan segala pengaruhnya dan money politiknya untuk tujuan mencapai kekayaan.

Saya mencadangkan program video cassette mesti ditapis daripada hujung pengeluarannya bukanlah salinan-salinannya. Semua program-program video daripada negeri asing dikecualikan sekatan Hakcipta. Karya-karya sastera seperti buku-buku, cerita-cerita, novel-novel dan

risalah-risalah, drama-drama, laporan-laporan, ucapan-ucapan dan komputer-komputer program jika dibuat oleh bukan warganegara Malaysia, tidak layak memberi Hakcipta kepada mereka atau agennya. Saya menyeru Kerajaan memasukkan semua Hakcipta daripada warganegara Malaysia atau datuk-datuk neneknya atau anak-anak cucunya sama ada ia hidup atau mati tanpa apa-apa pendaftaran atau permohonan disifatkan sebagai Hakcipta mereka. Mereka boleh disahkan atas sisi undang-undang yang sedia ada sekarang. Hakcipta bagi orang-orang asing tidak dilindungi kecuali negeri asing itu telah mencapai perjanjian Hakcipta dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan juga bagi terjemahan-terjemahan dalam Bahasa Malaysia daripada buku-buku asing termasuk buku bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa-bahasa lain jikalau terjemahan itu dibuat di dalam Bahasa Malaysia dikecualikan penguatkuasaan daripada Rang Undang-undang Hakcipta ini. Itulah cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah.

6.06 ptg.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang ini dengan cara ringkas, ini adalah oleh kerana sebahagian besar ucapan saya telah dirompak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini memang seperti dikatakan dalam kertas di hadapan kita iaitu memansuhkan Akta Hakcipta 1969. Apa yang saya ingin menimbulkan di sini, ialah apabila

Rang Undang-undang ini dijadikan Akta patutlah perlindungan penuh diberikan kepada pencipta-pencipta tempatan, khususnya pencipta-pencipta muzik di tanahair kita ini.

Seperti kita semua sedar, khususnya di Amerika Syarikat ataupun United Kingdom di mana seorang pencipta lagu ataupun pemuzik boleh menjadi jutawan dengan hanya mencipta satu atau dua buah lagu sahaja. Misalnya Paul Anka dalam tahun remajanya mencipta Diana sehingga sekarang beliau cukup kaya dengan royalti dari lagu itu. Tetapi di tanahair kita sendiri, pencipta-pencipta lagu ataupun muzik kurang bernasib baik. Apa yang kita lihat sekarang, seperti Ahmad Nawab yang telah mencipta ratusan lagu yang dapat sambutan yang hebat dan hangat dan seperti Manan Ngah yang baru-baru ini mencipta sebuah lagu yang amat menarik berjudul "Sekadar di Pinggiran" yang disampaikan oleh Francisca Peter dengan begitu merdu sekali sehingga hati kita semua goncang. Keset-keset Sahara Yaakub pun telah dicetak rompak juga, Tuan Yang di-Pertua. Mereka masih belum menjadi begitu kaya, jauh sekali menjadi jutawan. Walaupun dalam negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1969 telah mengadakan Akta Hakcipta tetapi nampaknya Kerajaan telah gagal menjaga kepentingan pencipta muzik tempatan.

Baru-baru ini minggu yang lalu Dewan yang mulia ini telah meluluskan untuk menubuhkan satu tabung untuk Allahyarham P. Ramlee. Jika Akta Hakcipta 1969 ada berkesan, saya rasa karya-karya muzik P. Ramlee akan dapat perlindungan penuh dan setakat ini keluarganya atau waris-warisnya boleh hidup dengan senang dengan royalti yang dapat dari ciptaan-ciptaannya, tetapi adalah sangat dukacita seorang yang begitu terkenal atau popular

yang boleh diterima oleh semua penduduk-penduduk di negara kita ini, apabila meninggal dunia mengalami satu nasib kurang manis sehingga Kerajaan terpaksa menubuhkan satu tabung untuk Allahyarham itu.

Lagi satu perkara saya ingin timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu dalam Rang Undang-undang yang kita bahaskan hari ini tak ada peruntukan untuk barang-barang imitation ataupun barang-barang tiruan. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedar di negara-negara jiran kita, misalnya negeri Thailand, Taiwan ataupun Korea Selatan kita boleh mendapatkan karya-karya ataupun barang-barang termasuk seperti beg-beg ataupun wallet-wallet Gucci, Christian Dior dan sebagainya, pembuatan asas ialah dari negeri Eropah tetapi di negeri Thai kita boleh dapat beg Gucci murah ataupun jam ataupun tie dan sebagainya, sama juga barang-barang tiruan ini boleh didapati di Taiwan dan Korea termasuk computer Apple yang palsu itu.

Dalam Rang Undang-undang yang kita ada di sini tak ada peruntukan untuk barang-barang tiruan, sebab barang-barang tiruan ataupun imitation ini pun merupakan satu cara di mana karya asas dicetak rompak. Oleh kerana itu, saya haraplah pihak Kerajaan boleh menimbang dan apabila perlu menambahkan peruntukan ini, sebab kita tidak mahu tengok negara kita jadi seperti Thailand ataupun Korea Selatan ataupun Taiwan di mana barang-barang tiruan boleh didapati dengan senang dan mudah.

Lagi satu perkara yang saya ingin hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah apabila kita meluluskan Rang Undang-undang ini kita patut mahu buat satu ketetapan di mana kita tidak boleh memberi perlindungan penuh

ataupun total protection kepada karya-karya asing. Misalnya buku-buku perubatan, buku-buku undangan ataupun karya-karya bersabit dengan teknologi dan design patutlah Kerajaan berhak menggunakan karya-karya asing itu untuk kepentingan negara dan rakyat. Jika kita meluluskan satu Rang Undang-undang memberi perlindungan penuh kepada orang asing, nampaknya seperti Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji kata akhirnya kita sendiri mengalami kerugian.

Sebelum saya menamatkan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang sekali lagi iaitu apabila Rang Undang-undang ini menjadi Akta, saya haraplah pihak yang berkuasa jangan menyalahguna apa yang ada dalam Akta ini. Misalnya serbuan-serbuan dijalankan oleh pihak polis pada tahun 1985 dan 1986 kepada pusat-pusat video di seluruh negara kita ini. Nampaknya pada masa itu pihak polis lebih minat menjalankan serbuan ke atas pusat-pusat video. Mungkin dari tindak-tanduk itu mereka boleh mendapat faedah bila dibanding dengan menjalankan tugas biasa seperti menghapuskan jenayah tidak begitu memberi keuntungan. Jadi, dengan secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Chua Jui Meng: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kapit. Sila.

Tuan Chua Jui Meng: Ini dari Bakri, bukan Kapit.

Tuan Yang di-Pertua: Bakri! Sila. Berapa lama Yang Berhormat akan mengambil masa?

Tuan Chua Jui Meng: 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, ada usul dahulu. Sila Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAS- KAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang
di-Pertua,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat pertimbangan atas semua Urusan Kerajaan, Majlis Mesyuarat hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada Usul yang berbunyi, Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat pertimbangan atas semua Urusan Kerajaan, Majlis Mesyuarat hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga

semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat pertimbangan atas semua Urusan Kerajaan, Majlis Mesyuarat hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

6.16 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang menentukan dan yang melindungi karya-karya pencipta yang berkuatkuasa pada hari ini adalah Akta Hakcipta 1969. Akan tetapi Akta ini sudah ketinggalan masa dan tidak lagi dapat memenuhi perkembangan-perkembangan pesat dalam bidang penyiaran dan penyiaran am kini.

Perkembangan pesat dalam sains dan teknologi hari ini telah menyebabkan banyak karya dan ciptaan para karyawan, penulis, pemuzik dan ahli-ahli seni yang lain dirompak oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini telah mengambil kesempatan yang wujud dalam Akta Hakcipta 1969 yang mempunyai beberapa kelemahan untuk mencuri dan merompak hasil-hasil ciptaan para seni untuk mencari keuntungan yang segera. Tindakan-tindakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini telah menyebabkan para pencipta kehilangan hasil pendapatan mereka. Bukan sahaja para pencipta merasa

kehilangan hasil, bahkan nama dan maruah negara juga turut terancam.

Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terlibat dalam industri percetakan, penerbitan buku, software computer, muzik, perfileman dan pandang-dengar telah menggesa Kerajaan mengemaskinikan Akta Hakcipta 1969 ini. Peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Akta Hakcipta 1969 patut dimansuhkan dan digantikan dengan peruntukan-peruntukan yang lebih baik serta lebih ketat demi melindungi hak-hak pencipta khususnya para pencipta tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Hakcipta 1987 yang diperkenalkan ini patut dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud dalam Akta Hakcipta 1969. Ia mesti dapat memenuhi tujuan menjamin hakcipta dan melindungi para pengarang, seniman dan karyawan-karyawan lain supaya mereka dapat menikmati faedah dan imbuhan daripada penggunaan karya-karya mereka demi mendorong mereka untuk menjadi lebih kreatif dalam menghasilkan lebih banyak karya yang bermutu kepada negara dan bangsa. Di samping itu, Rang Undang-undang ini mesti juga membolehkan industri-industri yang berkaitan berkembang dan bersaing dalam keadaan yang sihat.

Melalui Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini, beberapa peruntukan baru telah digubal dan diketatkan. Satu pentakrifan yang baru mengenai karya sastera telah diperkenalkan untuk meliputi program dan penyusunan komputer serta memberi perlindungan hakcipta kepada program komputer. Ini bermakna semua karya pakar komputer akan dilindungi oleh undang-undang. Keadaan ini akan menyediakan satu suasana yang lebih

baik bagi karyawan-karyawan tempatan menghasilkan program-program komputer yang lebih kreatif serta membolehkan mereka menyebarkan dan memasarkan ciptaan-ciptaan mereka tanpa was-was.

Selain daripada melindungi karya sastera, karya-karya pandang dengar juga turut dilindungi oleh undang-undang. Di sini bukan sahaja karya-karya rakaman bunyi yang diperbuat di Malaysia diberi perlindungan hakcipta, tetapi karya-karya muzik, seni dan filem buatan Malaysia juga dijamin perlindungannya.

Di samping itu, hak-hak eksklusif pencipta bukan sahaja merangkumi pengeluaran semula dan penyampaian kepada awam dan siaran tetapi juga diperluaskan kepada perhubungan kabel dan pengedaran awam sama ada dalam bentuk asal ataupun terbitan. Ia juga bercadang mengubah peruntukan yang menentukan bahawa hak sesuatu ciptaan itu hanya wujud selama hayat pencipta kepada peruntukan yang menentukan hak-hak tersebut wujud semasa hayat pencipta dan lima puluh tahun selepas kematiannya.

Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini juga menjamin perlindungan hakcipta kepada semua karya-karya asing yang diterbitkan semula di negara ini sama seperti karya-karya tempatan. Jangkamasa perlindungan telah dilanjutkan kepada 50 tahun. Peruntukan sedemikian tidak wujud dalam Akta Hakcipta, 1969. Ini akan dapat mendorong para penerbit menerbitkan karya-karya di negara ini dan seterusnya memperkembangkan industri percetakan.

Peruntukan penguatkuasaan Rang Undang-undang Hakcipta ini juga telah mengalami perubahan. Denda dan hukuman maksima yang dikenakan ke atas seseorang yang bersabit dengan kesalahan

pelanggaran hakcipta telah bertambah menjadi lebih berat. Jika menurut Akta Hakcipta 1969, had denda maksima adalah \$100,000 akan tetapi peruntukan ini telah dihapuskan dan peruntukan baru yang mengenakan denda tidak melebihi \$10,000 bagi setiap salinan langgaran atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali dikenakan.

Ini bermakna jika pesalah mempunyai satu keset tiruan yang mengandungi 20 buah lagu, dia boleh didenda sebanyak \$200,000 bagi setiap keset kepunyaannya atau dipenjarakan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan membuat atau memiliki karya perekaan (contrivance), denda sebanyak \$20,000 bagi setiap perekaan atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya dikenakan ke atas pesalah.

Dengan peruntukan menambahkan hukuman dan denda ke atas sebarang pelanggaran hakcipta adalah diharapkan ia akan menghalang perbuatan pelanggaran hakcipta daripada berleluasa.

Di samping itu, berdasarkan Akta Hakcipta 1969, penguatkuasaan Akta hanya diperuntukkan kepada polis. Rang Undang-undang Hakcipta 1987 memperuntukkan kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk melantik seorang pengawal dan beberapa timbalan pengawal hakcipta untuk menguatkuasakan undang-undang hakcipta. Ini bermakna kuasa untuk menahan dan merampas karya-karya tiruan dan perekaan terletak di bawah bidangkuasa polis dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan hakcipta memainkan satu peranan yang amat mustahak kerana ia boleh

bertindak sebagai satu dorongan kepada para karyawan untuk terus menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi serta dapat memperbanyakkan bahan-bahan bacaan di Malaysia.

Tambahan pula Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini dijangka dapat memberi perlindungan yang sewajarnya kepada para pencipta. Selain daripada itu, ia mewujudkan suasana keyakinan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan industri percetakan, perfileman, penerbitan buku, komputer, muzik, pandang dengar dan lain-lain.

Di samping itu, dengan penguatkuasaan Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini, ia dapat meyakinkan pihak antarabangsa bahawa pelaburan mereka adalah selamat di negara ini. Ia juga membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia benar-benar berusaha menghapuskan tindakan pelanggaran hakcipta demi melindungi kepentingan karyawan tempatan dan asing.

Dengan hujah-hujah ini, saya sokong Rang Undang-undang Hakcipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.25 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong di atas Rang Undang-undang Hakcipta 1987 yang mana Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan yang lebih baik di dalam undang-undang berhubungan dengan hakcipta dan bagi perkara-perkara lain berkaitan dengannya dan memansuhkan Akta Hakcipta, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas daya usaha Kerajaan sehingga mengadakan Rang Undang-undang Hakcipta 1987 ini untuk menjadikan undang-undang yang boleh mengenakan hukuman kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencari kekayaan bagi kepentingan mereka sendiri.

Perkara-perkara seumpamanya yang telah berlaku berlarutan kepada karya-karya sebagaimana yang saya sebutkan ini mungkin akan meliputi di dalam ucapan dan pandangan daripada diri saya berhubung dengan karya sastera termasuklah—

- (a) novel, cerita, buku, risalah, manuskrip, karya syair dan penulisan lain;
- (b) lakonan, drama, arahan, pentas, senario filem, skrip siaran, karya koreografi dan pantomim;
- (c) treatis, sejarah, biografi, karangan dan artikel;
- (d) ensiklopedia, kamus dan karya rujukan lain;
- (e) surat, laporan dan memorandum;
- (f) syarahan, ucapan, khutbah dan karya-karya lain yang sama sifatnya;

termasuk juga perhubungan dengan—

- (a) karya sastera;
- (b) karya muzik;
- (c) karya seni;
- (d) filem;
- (e) rakaman bunyi; dan
- (f) siaran; dan lain-lain.

Yang saya sebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang selalu didapati cetak-cetak rompak yang mereka itu

mencipta begitu susah, siang dan malam umpamanya untuk menyediakan satu hakcipta untuk lagu, setelah siap dinyanyikan ataupun direkodkan tetapi orang-orang lain yang hanya untuk mencari kesempatan, mereka itu mencuri, merompak di atas karya-karya yang mereka buat ini.

Umpamanya karya-karya yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi termasuk juga karya-karya muzik sebagaimana Allahyarham P. Ramlee yang ada disebutkan juga oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain, yang mana karya beliau itu pada satu masa dan sehingga ke hari ini karya Allahyarham itu sentiasa di dalam ingatan seluruh rakyat Malaysia yang cintakan kepada seni. Tetapi apabila beliau telah meninggal dunia, sehingga hari ini hakcipta karya-karya beliau itu telah pun digunakan oleh pihak tertentu yang hanya untuk mendapat kesempatan merakamkan semula dan sebagainya tanpa memberikan imbuhan kepada waris-waris beliau yang masih ada sekarang ini.

Setahun dua dahulu, saya masih ingat akhbar-akhbar tempatan menyiarkan bagaimana penderitaan anak Allahyarham P. Ramlee yang terpaksa memikul karung beras untuk mencari rezeki. Tetapi pihak-pihak yang mencuri hasil pencipta ini tidak menolong, tidak mengambil hal terhadap keluarga-keluarga mereka ini. Termasuk juga Allahyarham penyanyi R. Azmi yang mana pada satu masa dahulu juga beliau ini terlantar menumpang di rumah rakan-rakan mereka dengan tidak ada pakaian yang sesuai. Sungguhpun lagu beliau pada masa itu begitu baik dan di samping itu pencipta-pencipta dan perekod-perekod membuat semula keset-keset, tetapi beliau tidak mendapat apa-apa royalti dan sebagainya kerana adanya mereka yang merompak dan

sebagainya yang berlaku untuk mendapat kesenangan mereka.

Oleh itu dalam masalah ini begitu juga dalam sejarah, buku-buku sejarah yang mana ini ada juga manusia-manusia yang mencuri dan merompak juga. Membuat semula ataupun membukukan semula sejarah-sejarah ini dan kadangkala isinya serupa, hanya ditukar-tukar sedikit sahaja. Ini juga yang menjadi masalah dan hingga ini pihak Kerajaan belum juga mengambil tindakan kepada orang-orang yang bersalah. Oleh itu dalam masalah ini juga sekarang timbul lagi iaitu masalah keset-keset yang mana sekarang ini berleluasa keset-keset tiruan iaitu hasil daripada rompak. Umpamanya baru sahaja penyanyi-penyanyi terkenal di negara kita ini menyanyi, ada sahaja lagu-lagu dengan serta merta berselerak di kawasan-kawasan pasar malam yang mana telah ditiru dan diubah dan dijadikan keset-keset yang lain untuk kepentingan mereka yang mencari rezeki secara haram ini. Oleh itu, dalam masalah inilah kita mengharapkan dengan adanya Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapat supaya pihak Kerajaan benar-benar akan dapat menjalankan tugas untuk menjaga hakcipta ini terpelihara dan begitu juga keluarga-keluarga mereka apabila mereka telah meninggal dunia.

Dalam soal yang lain, soal video, video ini juga yang mana datang dari luar negeri begitu banyak, yang mana video ini hanya satu sahaja masuk dalam negara kita ini tidak sampai sebulan video ini akan berkeliaran di seluruh negara telah dijual dengan salinan-salinan dengan cetak rompak juga. Oleh kerana dalam masalah video dan keset ini saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan iaitu kita mengharapkan supaya kedai-kedai yang menjual video ataupun keset-keset lagu ini supaya pihak Kerajaan mengadakan satu syarat iaitu diadakan

dimintakan kedai-kedai yang berkenaan ini supaya menyenaraikan segala video ataupun keset-keset lagu yang mana dibeli dan diadakan dalam kedai mereka supaya keset-keset ini sentiasa diselidiki ataupun dikawal rapi oleh pihak-pihak yang ada dalam hakcipta ini telah pun dinyatakan kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka. Kalau dapat dijalankan ini, rasa saya masalah yang seumpama ini tidak akan berlaku dan tidak akan berleluasa, lama kelamaan saya rasa bahawa perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi. Dengan keadaan ini kita mengharapkan pihak Kerajaan akan dapat menjaga hakcipta yang bertungkus-lumus tetapi yang mendapat kepentingan adalah satu-satu pihak sahaja.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pelan seni bina, yang mana kita lihat sekarang ini kadangkala hanya satu orang sahaja arkitek yang membuatnya, tetapi apabila pelan-pelan seni bina ini telah siap sedia, ada sahaja orang-orang yang menirunya hanya menulis ditiru sedikit sebanyak, ubah sedikit sebanyak sahaja, setelah itu mendapat dengan senang sahaja, tidak payah memening kepala untuk mencari ilham, tetapi ilham orang yang telah diambil oleh mereka. Ini sering berlaku.

Begitu juga memorandum ataupun kertas kerja. Yang ini juga kita dapat pihak-pihak yang dihantar kepada pihak Kerajaan untuk mendapatkan satu-satu projek kadangkala kertas kerja ataupun memorandum ini terlepas kepada tangan orang lain yang mana mereka ini juga akan mencipta semula ataupun membuat semula dengan sedikit sebanyak ubahan-ubahan di dalam memorandum tersebut dan akhirnya mereka tidak payah untuk membayar dan sebagainya kepada pihak-pihak yang tertentu. Hanya mereka ini dapat dengan senang lenang dengan ada

tiruan ataupun rompakan yang mana dikatakan di dalam Rang Undang-undang ini. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharap segala masalah-masalah yang ada di dalam Rang Undang-undang Hakcipta yang telah dinyatakan begitu luas, rasa saya selain daripada kita mengharapkan mudah-mudahan dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menyelamatkan pihak-pihak yang tertentu supaya tidak menjadi mangsa kepada orang-orang yang hanya untuk mendapat kepentingan mereka sendiri tetapi mereka ini menjahanamkan orang lain.

Soal yang lain kita mengharapkan juga, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Tribunal Hakcipta yang telah dinyatakan di sini perlantikan pengerusi dan juga anggota-anggota Tribunal. Oleh itu di sini saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan dan juga pihak Kementerian yang berkenaan apabila perlantikan ini dijalankan, kita harap janganlah hanya dilantik atas nama sahaja tanpa memilih ataupun mencari yang benar-benar mereka ini sama ada pengerusi atau ahli-ahli Jawatankuasanya yang tahu benar-benar dalam soal selok-belok hakcipta ini kerana kita tidak mahu hanya ada sahaja ahli-ahli jawatankuasanya tetapi penyelewengan akan berlaku kerana ahli-ahli jawatankuasa ini tidak menjalankan, tidak dapat berpandukan kerana mereka ini tidak memahami akan hakcipta yang dinyatakan ini.

Oleh itu, dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya, saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang semalam. Dengan ini, saya bersama-sama menyokong dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai Rang Undang-undang ini. Saya akan mengambil kesempatan ini menyentuh dan menjawab dengan serba ringkas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah membangkitkan masalah keberkesanan pelaksanaan Undang-undang ini. Secara ringkas ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berupaya melaksanakan tugas-tugas ini. Di samping itu kuasa-kuasa adalah juga diberikan kepada pihak polis yang saya kira boleh memberikan panduan-panduan yang diperlukan di dalam melaksanakan tugas-tugas ini.

Walaupun bagaimanapun, ingin saya menekankan bahawa pelaksanaan Undang-undang ini akan mempunyai kesan terhadap semua golongan peniaga sama ada yang di pasar malam ataupun yang berniaga secara besar-besaran. Adalah diharapkan kerjasama yang sepenuhnya boleh diperolehi bukan sahaja daripada pihak-pihak yang terlibat tetapi juga daripada ahli-ahli politik, para cerdik pandai dan lain-lain lagi.

Mengenai dengan saranan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang melanggar Undang-undang Hakcipta seperti menggantung lesen perniagaan mereka dan merampas peralatan-peralatan yang digunakan untuk membuat

salinan langgaran, sukalah saya maklumkan bahawa denda-denda dan hukuman yang termaktub dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan adalah berat dan berbentuk deterrent, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan juga menyatakan kebimbangannya tentang hukuman dan denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang ini yang pada pendapat beliau tidak berat. Beliau tidak bersetuju dengan penghapusan denda maksimum \$100,000 yang terdapat di dalam Undang-undang Hakcipta 1969 kerana ada pihak-pihak tertentu yang mampu membayar semua denda. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang melakukan kesalahan tidak teragak-agak untuk melakukan kesalahan-kesalahan lagi memandangkan denda yang dikenakan adalah ringan.

Seperti yang saya katakan dalam ucapan saya, denda-denda dan hukuman yang termaktub dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan adalah berat. Sebenarnya di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan tiada denda maksimum diperuntukkan kerana apa yang diperuntukkan adalah mengikut Fasal 41. Bagi setiap salinan langgaran, or for each infringing copy, dengan izin, denda maksimumnya adalah \$10,000. Dengan pemansuhan denda maksimum maka tiap-tiap salinan langgaran boleh diperhitungkan. Jadi, Ahli Yang Berhormat bayangkanlah berapa berat hukuman yang dicadangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan juga membangkitkan mengenai perlindungan bagi karya-karya yang diterbitkan di negara ini termasuk juga karya-karya yang dibuat oleh warganegara asing. Mengenai perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa semua karya yang diterbitkan atau

dibuat di negara ini adalah dilindungi, tidak kira sama ada penciptanya bukan merupakan warganegara Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan juga menyentuh prinsip fairness, di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan yang mana prinsip ini haruslah juga dinikmati oleh kaum keluarga pencipta. Adalah ditegaskan bahawa peruntukan-peruntukan yang secukupnya telah diadakan di dalam Rang Undang-undang di mana perlindungan ke atas sesuatu karya adalah meliputi aspek-aspek moral dan ekonomi dan ini adalah dinikmati oleh kaum keluarganya selepas kematian pencipta.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang membangkitkan perkara mengenai kuasa Pegawai-pegawai Penguatkuasa adalah terlalu luas dan boleh disalahgunakan. Adalah ditegaskan bahawa mengikut Fasal 5 pegawai-pegawai ini adalah di bawah arahan dan kawalan Menteri, kuasa-kuasa yang diberi di bawah Undang-undang yang dicadangkan adalah diperlukan untuk membolehkan Kerajaan menguatkuasakan Undang-undang ini dengan berkesan. Di samping itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menjalankan Undang-undang dengan adil dan saksama.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga mencadangkan jika tidak ada pendakwaan maka hendaklah dipulangkan barang-barang yang disita kepada mereka yang berkenaan. Memandangkan adalah pemunya artikel-artikel yang disita tidak diketahui dengan nyata siapa pemunya sebenarnya maka Fasal 54 (3) memerlukan mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah tuan punya artikel yang dirampas supaya membuat tuntutan sebelum artikel-artikel yang disita dikembalikan kepadanya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan perkara mengenai terjemahan karya ke dalam Bahasa Kebangsaan. Sukalah saya memaklumkan bahawa terjemahan ke Bahasa Kebangsaan hanya terhad ke karya sastera atau drama sahaja. Selari dengan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia perlulah diadakan sebanyak-banyak yang boleh buku-buku atau bahan-bahan bacaan yang lain di dalam Bahasa Kebangsaan.

Memandangkan pada masa ini buku-buku rujukan Bahasa Kebangsaan amatlah berkurangan. Rang Undang-undang ini tidak menghalang terjemahan ke bahasa-bahasa lain yang boleh dilakukan melalui contractual agreements, dengan izin, berkaitan dengan terjemahan yang hendak dibuat di antara pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga menyatakan juga bahawa penggabalan Undang-undang hendaklah menjemput cadangan-cadangan daripada pihak swasta. Seperti yang dinyatakan dalam ucapan saya pihak-pihak swasta memang dirundingi semasa menggubal Rang Undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuantan dan Bukit Bintang menyarankan supaya Malaysia menjadi ahli kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai hakcipta. Sebelum negara ini menjadi anggota mana-mana konvensyen antarabangsa, Kerajaan perlulah mengkaji dengan mendalam supaya dapat dinilai faedah-faedah yang dapat dikecapi oleh negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa menyatakan hasil nyanyian yang tidak wajar dapat pampasan.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Dato Kok Wee Kiat: Saya ingat tidak payahlah kerana masa tidak ada lagi. Saya fikir sudah sangat jelaslah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dato Kok Wee Kiat: Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa menyatakan hasil nyanyian yang tidak wajar dapat pampasan jika siaran dibuat secara wajib oleh Kerajaan kerana kemunculan penyanyi tersebut membawa kebaikan kepadanya kerana diberi publisiti yang luas dengan percuma. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum antara tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah cuba memperbaiki kebajikan pemunya-pemunya hakcipta kerana di dalam menghasilkan sesuatu karya itu pencipta terpaksa berusaha dalam suatu tempoh yang agak lama. Oleh itu, pampasan-pampasan yang memadai akan dibayar kepada tuan punya hakcipta.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan Fasal 42 adalah merupakan satu peruntukan yang radikal dan tidak menggambarkan sistem adversary yang diamalkan dalam mahkamah. Sukacita saya menyatakan bahawa Fasal 42 bukanlah satu perubahan yang radikal kerana peruntukan yang serupa terdapat dalam Akta Hakcipta 1969 iaitu di bawah Seksyen 12 (a) tetapi dihadkan kepada prosiding jenayah.

Fasal 42 ini memperluaskan penerimaan keterangan affidavit dan akaun berkanun kesemua jenis prosiding. Tujuan Fasal 42 ini adalah untuk melindungi kepentingan tuan punya hakcipta.

Sistem menerima keterangan melalui affidavit dan akaun berkanun adalah untuk menjimatkan masa mahkamah dalam hal kes di mana keempunyaan hakcipta tidak dicabar iaitu non contentious cases. Lagi pun keterangan ini bukanlah keterangan konklusif tetapi hanya *prima facie* sahaja dan masih boleh dicabar. Oleh yang demikian, sistem adversary masih ternyata.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah juga menyentuh mengenai kemungkinan penyalahgunaan keterangan affidavit dan akaun berkanun di bawah Fasal 42, kerana membolehkan seorang asing membuat sumpah palsu. Kes Frank atau Brian, saya tidak tahu, kes Brian Foster telah disebutkan sebagai contoh penyalahgunaan seperti disebut di atas. Kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat melibatkan kes yang membawa hukuman mati. Ini berbeza dengan kes-kes di bawah Rang Undang-undang ini yang hanya memberi perlindungan moral dan ekonomik kepada seseorang pemunya karya. Cuma pemunya hakcipta.

Tuan R. Karpal Singh: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dari Jelutong bangun.

Dato Kok Wee Kiat: Bolehkah saya habiskan dulu, baru boleh beri untuk penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah habis mahu tanya apa.

Dato Kok Wee Kiat: Belum, belum. Saya belum habis. Nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Habis ayat itu sahaja. Berkenaan perkara itu.

Dato Kok Wee Kiat:cuma pemunya hakcipta atau pelesennya yang *bona fide* sahaja yang akan bersusah payah untuk mendapat atau membuat affidavit supaya membolehkan hak-hak mereka dikuatkuasakan di Mahkamah di Malaysia. Oleh kerana hak-hak yang diberi di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini merupakan hak ekonomik sahaja, maka seseorang yang bukan pemunya *bona fide* tidak akan mendapat sebarang keuntungan sekiranya beliau mengemukakan sumpah palsu di dalam affidavit, malahan perbuatan tersebut akan merugikan. Oleh itu, kemungkinan mengemukakan sumpah palsu tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Bukankah atas prinsip tidak kira apa hukuman, hukuman mati atau hukuman lain, tetapi atas prinsip yang digunakan dalam sesuatu kes jenayah tentu ada guna apa yang dikatakan adversary system. Jikalau guna adversary system, bolehkah sesuatu affidavit yang tidak ada subject matter, cross-examination, dengan izin, boleh dipakai dan adakah ini munasabah dari segi kes jenayah.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong tadi menghiburkan Dewan yang mulia ini dengan banyak cerita-cerita di mana beliau mengalami sebagai seorang penjenayah. Saya tidak nafikan dan saya sangat meminati sandiwaranya. Saya harap saya boleh dapat satu peluang mencadangkan beliau mendapat Anugerah P. Ramlee untuk best actor of the year.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk dulu. Saya minta Yang Berhormat dari

Jelutong, sila duduk dulu, dia tidak beri jalan. Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato Kok Wee Kiat: Tidak. (*Boo!*) Sebagai seorang yang berwajib, Yang Berhormat berkenaan adalah keciwa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong adalah seorang peguam criminal, jenayah, apa dia tahu tentang Undang-undang Sivil. Ada banyak perbezaan.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Dato Kok Wee Kiat: Apa penjelasan lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dato Kok Wee Kiat: Tidak berilah (*Boo!*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat dari Jelutong.

Dato Kok Wee Kiat: Yang Berhormat berkenaan telah berucap satu jam setengah. Ada lagi Yang Berhormat membangkitkan bahawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun adalah terlalu berat dan disamakan dengan hukuman penjara seumur hidup.

Seperti yang saya nyatakan semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, denda-denda dan hukuman yang sedemikian diperlukan supaya ianya berbentuk deterrent.

Yang Berhormat dari Jelutong pun membangkitkan mengenai Fasal 49 Rang Undang-undang, dia pun menyentuh mengenai kuasa penangkapan. Peruntukan di Fasal 49 ini difikirkan perlu supaya tidak menjejaskan penyiasatan dan pendakwaan kes untuk mencapai tujuan melindungi kepentingan

tuannya hak cipta. Mengenai isu tangkapan, sukacita saya merujuk kepada Fasal 50 (2) Rang Undang-undang yang memperuntukkan bahawa Penolong Pengawal yang akan dilantik adalah pegawai-pegawai awam daripada Kementerian. Mereka ini diberi kuasa untuk menyasiat tetapi kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberi oleh Kanun Prosedur Jenayah bagi apa-apa kesalahan boleh tangkap, tidak boleh dijalankan oleh mana-mana Penolong Pengawal. Pada kesimpulannya janganlah Yang Berhormat dari Jelutong risau sangat di dalam perkara ini

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Selangor menyarankan supaya Malaysia menjadi ahli Convention antarabangsa mengenai Hakcipta. Jawapan telah diberikan semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuantan dan Bukit Bintang.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji beratnya kenapa Akta Hakcipta melindungi karya orang-orang asing, juga sama ada negara-negara lain melindungi karya rakyat Malaysia. Dengan melindungi karya orang asing, kita akan mengalakkan orang-orang asing yang lebih maju dari segi teknologi membawa masuk, umpamanya buku-buku ke Malaysia untuk kegunaan orang-orang Malaysia. Jika karya mereka tidak akan dilindungi tentu mereka tidak akan membawa masuk karya itu dan ini akan merugikan rakyat kita sendiri kerana karya tersebut tidak akan available, tersedia bagi rakyat Malaysia.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun.

Dato Kok Wee Kiat: Belum habis. Jika saya habis, boleh. Akta Hakcipta juga mempunyai peruntukan bagi Kerajaan kita untuk menandatangani treaty dengan negara-negara lain supaya membolehkan karya rakyat Malaysia dilindungi di negara lain.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji pun membangkitkan perkara mengenai penapisan filem video dan pengeluaran Kad A dan Kad B dan ini tidak berkaitan dengan Hakcipta tetapi di bawah Akta Penapisan Filem.

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa jikalau sesuatu ciptaan yang dibuat di negara lain, jikalau ciptaan itu atau benda-benda itu dibawa masuk ke Malaysia dan diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia hendaklah dapat satu perjanjian daripada orang-orang yang mempunyai hakcipta itu. Jikalau pencipta-pencipta daripada negara asing seperti penciptaan dalam teknologi dan sains dan apa-apa juga, kalau mereka tidak bersetuju untuk buat satu perjanjian itu maka benda itu tidak boleh disiarkan ataupun tidak boleh masuk dalam Malaysia dan tidak boleh diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Jikalau Rang Undang-undang Hakcipta ini tidak diikat atau dikecualikan dalam penguatkuasaan untuk menterjemahkan dalam Bahasa Malaysia, bermakna kami mempunyai lebih banyak peluang untuk mendapatkan benda-benda itu atau bahan-bahan rujukan itu dalam Bahasa Malaysia. Adakah ini bercanggah antara satu dengan lain dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat membangkitkan perkara yang dia bangkitkan tetapi itu satu perkara yang lain, saya sudah jawab dahulu. *(Disampuk)*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rasah menyarankan supaya Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan yang secukupnya untuk melindungi pencipta-pencipta muzik. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, memanglah hasrat Kerajaan untuk memperbaiki hak-hak pemunya hakcipta supaya mereka benar-benar dapat mengecapi hasil mereka. Jika Ahli Yang Berhormat meneliti fasal-fasal yang terdapat di dalam Rang Undang-undang, memangnya sentiasa memikirkan kepentingan-kepentingan empunya hakcipta. Yang Berhormat boleh membaca seksyen 13 (1) dan seksyen 27 (3).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rasah menimbulkan masalah barang-barang tiruan yang tidak dilindungi oleh sebuah Rang Undang-undang ini. Masalah pembasmian barang-barang tiruan (imitation goods) adalah dijalankan di bawah Akta Perihal Dagangan yang telah wujud sejak tahun 1972.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai menyarankan supaya pelaksanaan dijalankan dengan sepenuhnya agar perlindungan betul-betul wujud. Pelaksanaan undang-undang bergantung kepada semua pihak yang terlibat, khususnya pihak yang menjadi pencipta dan pemunya dengan Kerajaan. Wajar diingati bukanlah setiap pelanggaran boleh diambil tindakan oleh Kerajaan kerana setengah-setengah pelanggaran hanya diliputi oleh criminal sanction dan terdapat juga civil sanction. Tetapi pada keseluruhannya undang-undang ini merupakan satu complete law, dengan izin.

Yang Berhormat yang berkenaan pun menyoal kegiatan cetak rompak berleluasa bagi karya senireka, memorandum-memorandum dan sebagainya. Rang Undang-undang yang

dicadangkan ada memperuntukkan fasal-fasal yang mencukupi untuk membolehkan seseorang pemunya hakcipta mengambil tindakan tentang apa-apa pelanggaran terhadap karyanya. Terpujanglah kepada empunya-empunya hakcipta untuk mengetahui tentang hak-hak yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja sebahagian daripada jawapan-jawapan yang dapat saya buat secara menyeluruh dan ringkas kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan yang tidak sempat saya sentuh, akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul tadi yang telah pun kita persetujui, iaitu apabila tamat pertimbangan atas semua Urusan Kerajaan, Majlis Mesyuarat hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Oleh itu, saya menangguhkan mesyuarat ini kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.07 malam.